



Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

**PENENTU MIGRASI ANTARABANGSA DI MALAYSIA:
KAJIAN KES PEKERJA ASING DARI INDONESIA,
BANGLADESH DAN FILIPINA**

Gun Mayudi

Sarjana Sains
(Ekonomi)
2014

**PENENTU MIGRASI PEKERJA ASING DI MALAYSIA: KAJIAN KES
PEKERJA ASING DARI INDONESIA, BANGLADESH DAN FILIPINA**

GUN MAYUDI

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk untuk
Ijazah Sarjana

Fakulti Ekonomi dan Perniagaan
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

PENGAKUAN DAN HAK CIPTA

Saya mengakui bahawa kajian bertajuk
**Penentu Migrasi Pekerja Asing di Malaysia: Kajian Kes Pekerja Asing dari
Indonesia, Bangladesh dan Filipina**
adalah hasil daripada kajian saya sendiri kecuali nukilan dari ringkasan yang tiap-
tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya dengan memberi rujukan yang
dilampirkan.

Tarikh

Gun Mayudi

11021785

ABSTRAK

PENENTU MIGRASI PEKERJA ASING DI MALAYSIA: KAJIAN KES PEKERJA ASING DARI INDONESIA, BANGLADESH DAN FILIPINA

Oleh
Gun Mayudi

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menyiasat hubungan jangka masa panjang antara pendapatan, perdagangan, pengangguran dan pekerja asing di Malaysia. Kajian ini juga mengenal pasti sejauh mana kesan dan penyebab daripada pendapatan, perdagangan dan pengangguran dapat menentukan jumlah pekerja asing di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan data statistik pekerja asing di Malaysia daripada tiga negara iaitu Indonesia, Bangladesh dan Filipina. Penyelidikan ini menggunakan dua model pendekatan iaitu model faktor pendorong dan model graviti. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan data siri masa (*time series*) pada tahun 1999-2010 dengan pendekatan Autoregresi Lat Bertabur (ARDL). Hasil penyelidikan ini mendapat terdapat hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi pada kes pekerja asing dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina di Malaysia. Penyelidikan ini mendapat bahawa keterbukaan perdagangan dan perbezaan pengangguran memiliki kesan positif kepada migrasi pekerja asing di Malaysia. Pengujian penyebab jangka pendek mendedahkan bahawa pendapatan dan pengangguran di negara asal pekerja serta perbezaan pendapatan adalah penyebab kepada migrasi pekerja asing di Malaysia.

ABSTRACT

THE DETERMINANTS OF INTERNATIONAL MIGRATION IN MALAYSIA: THE CASE STUDY OF FOREIGN WORKERS FROM INDONESIA, BANGLADESH AND THE PHILIPPINES

By
Gun Mayudi

The aim of this study is to investigate the long run relationship among income, trade and unemployment and migrant workers in Malaysia. This followed by ascertaining the extent to which and the short run causality between the independent variables (income, trade and unemployment) and foreign workers in Malaysia. This study used the number of foreign workers in Malaysia from three home migrant countries, namely Indonesia, Bangladesh and the Philippines. Two model approaches are used which are push factor model and the gravity model. This study based on time series data in the period 1999-2010 and utilizes an autoregressive distribution lag (ARDL). This study found that the existence of a long run relationship or co-integration in the case of foreign workers from Indonesia, Bangladesh and the Philippines in Malaysia. Trade openness and the difference in unemployment have a positive effect on the migration of foreign workers in Malaysia. There is unidirectional short run causality from income and unemployment in home migrant countries and the difference in income between home and host migrant country to the number of foreign workers in Malaysia.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya kertas penyelidikan ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terimakasih terutama kepada Penyelia utama saya, Dr. Fariastuti Djafar yang telah banyak memberi bimbingan, idea-idea yang konstruktif, nasihat, dan ilmu yang bermakna dalam membantu saya menjayakan kajian ini.

Saya juga amat berterima kasih kepada semua pengurus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), khususnya Pusat Pengajaran Siswazah (PPS) yang telah banyak memberi kerjasama. Tidak lupa juga setinggi-tinggi terimakasih kepada semua rakan-rakan mahasiswa, sahabat, pensyarah dan staf di Fakulti Ekonomi dan Perniagaan (FEP) atas sokongan mereka dalam menyiapkan kajian ini.

Istimewa kepada ibu, bapa (alm), istri tercinta (astri), adik-adiku (nisa dan pitri), ibu bapa mertua dan farras atha'illah yang senantiasa memberi ilham dan keceriaan. Atas kesabaran dan timbang rasa mereka, membuatkan saya berasa lebih bersemangat untuk menyiapkan kajian ini. Sesungguhnya mereka telah memberi kekuatan dan inspirasi bagi saya.

Oktober 2014

Gun Mayudi

ISU KANDUNGAN

SENARAI JADUAL.....	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Penyelidikan.....	1
1.3 Pernyataan Masalah.....	5
1.4 Tujuan Penyelidikan.....	7
1.5 Kepentingan Penyelidikan.....	8
1.6 Skop Penyelidikan.....	9

BAB 2: TINJAUAN KEADAAN SOSIAL EKONOMI DAN MIGRASI

2.1 Pendahuluan	11
2.2 Keadaan Sosial-Ekonomi	11
2.2.1 Indonesia.....	11
2.2.2 Bangladesh.	17
2.2.3 Filipina.....	21
2.2.4 Malaysia	25
2.3 Migrasi	33
2.3.1 Indonesia.....	33
2.3.2 Bangladesh.	38

2.3.3	Filipina.....	43
2.3.4	Malaysia	47
2.4	Kesimpulan	52

BAB 3: ULASAN KARYA TERPILIH

3.1	Pendahuluan	54
3.2	Teori Migrasi.....	54
3.2.1	Faktor Pendorong dan Faktor Penarik	54
3.2.2	Faktor Perbezaan (Graviti).....	56
3.2.3	Teori Perdagangan dan Migrasi	56
3.3	Model Migrasi	57
3.4	Bukti Empirikal	59
3.4.1	Migrasi dan Pendapatan	60
3.4.2	Migrasi dan Perdagangan.....	67
3.4.3	Migrasi dan Pengangguran.....	72
3.5	Kesimpulan	76

BAB 4: KAEADAH PENYELIDIKAN

4.1	Pendahuluan	78
4.2	Kerangka Konsep	78
4.3	Hipotesis.....	79
4.3.1	Faktor Pendorong	79
4.3.2	Model Graviti	80
4.4	Reka Bentuk Penyelidikan	80

4.4.1	Penerangan Data.....	80
4.4.2	Penggubalan Model.....	82
4.5	Kaedah Analisa Data	83
4.5.1	Ujian Punca Unit.....	84
4.5.2	Autoregresi Lat Bertabur Lags (ARDL)	86
4.5.3	Ujian Penyebab Granger	90

BAB 5: KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

5.1	Pendahuluan	91
5.2	Ujian Punca Unit	91
5.3	Ujian Kointegrasi	95
5.4	Ujian Penyebab Granger	103
5.5	Ringkasan Keputusan.....	107

BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	108
6.2	Kesimpulan	108
6.3	Implikasi Polisi	112
6.4	Batasan Penyelidikan	113
6.5	Penyelidikan Lanjut	114

RUJUKAN

SENARAI JADUAL

BAB 2

Jadual 2.1: Keadaan Sosial Ekonomi Indonesia	12
Jadual 2.2: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Indonesia (%)	15
Jadual 2.3: Perdagangan Luar Negara Indonesia, 2011 (%)	16
Jadual 2.4: Keadaan Sosial Ekonomi Bangladesh	17
Jadual 2.5: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Bangladesh (%)	19
Jadual 2.6: Perdagangan Luar Negara Bangladesh (%).....	20
Jadual 2.7: Keadaan Sosial Ekonomi Filipina.....	21
Jadual 2.8: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Filipina (%)	22
Jadual 2.9: Perdagangan Luar Negara Filipina (%)	24
Jadual 2.10: Kos Pengangkutan antara Negara	26
Jadual 2.11: Keadaan Sosial Ekonomi Malaysia	29
Jadual 2.12: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Malaysia (%)	31
Jadual 2.13: Perdagang Luar Negara di Malaysia (%).....	32
Jadual 2.14: Agihan Pekerja Indonesia di Luar Negara.....	34
Jadual 2.15: Pekerja Indonesia di Luar Negara Mengikut Sektor (%).....	35
Jadual 2.16: Pekerja Indonesia di Malaysia Mengikut Sektor (%)	37
Jadual 2.17: Pekerja Bangladesh di Luar Negara dan Kiriman Wang	40
Jadual 2.18: Pekerja Bangladesh di Luar Negara Mengikut Sektor (%).....	41
Jadual 2.19: Pekerja Bangladesh di Malaysia Mengikut Sektor (%)	42
Jadual 2.20: Pekerja Filipina di Luar Negara.....	44
Jadual 2.21: Pekerja Filipina di Luar Negara Mengikut Sektor.....	45

Jadual 2.22: Pekerja Filipina di Malaysia Mengikut Sektor (%)	46
Jadual 2.23: Kronologi Kasus dan Kebijakan Pendatang Asing di Malaysia	49
Jadual 2.24: Sektor Pekerjaan dan Bayaran Levi (RM).....	50
Jadual 2.25: Pekerja Asing di Malaysia Mengikut Negara Asal (%).....	51
Jadual 2.26: Pekerja Asing di Malaysia Mengikut Sektor (%)	52

BAB 4

Jadual 4.1: Penerangan Data	81
Jadual 4.2: Penerangan Pembolehubah.....	83

BAB 5

Jadual 5.1: Ujian Punca Unit untuk Model Faktor Pendorong	93
Jadual 5.2: Ujian Punca Unit untuk Model Graviti.....	94
Jadual 5.3: Ujian Kointegrasi	95
Jadual 5.4: Kesan Jangka Panjang ARDL dan ECT	97
Jadual 5.5: Ujian Penyebab Granger Jangka Pendek	103
Jadual 5.6: Hasil Ujian Stabiliti	106
Jadual 5.7: Ringkasan Keputusan	107

SENARAI RAJAH

BAB 1

Rajah 1.1: KNDK Per Kapita.....	3
Rajah 1.2: Jumlah Pengangguran.....	4

BAB 2

Rajah 2.1: Kemiskinan di Indonesia	14
Rajah 2.2: Peta Malaysia.....	25

BAB 4

Rajah 4.1: Kerangka Konsep Hubungan Antara Pembolehubah	79
---	----

BAB 5

Rajah 5.1: Arah Penyebab Granger Jangka Masa Pendek	105
---	-----

SENARAI SINGKATAN

KDNK	<i>Keluaran Dalam Negara Kasar</i>
ARDL	<i>Autoregressive Distributed Lags</i>
ADF	<i>Augmented Dickey Fuller</i>
PP	<i>Phillips Perron</i>
KPSS	<i>Kwiatkowski, Phillips, Schmidt and Shin</i>
ECT	<i>Error Correction Term</i>
EEC	<i>European Economic Community</i>
ASEAN	<i>Association South East Asian Nations</i>
NAFTA	<i>North America Free Trade Agreement</i>
SAARC	<i>South Asia Association for Regional Cooperation</i>
BPS	<i>Badan Pusat Statistik</i>
IOM	<i>International Organization for Migration</i>
USD	<i>Dolar Amerika Syarikat</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
MP3EI	<i>Masterplan Percepatan Perluasan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia</i>
CIA	<i>Central Intelligence Agencies</i>
CIQS	<i>Custom, Immigration, Quarantine, Security</i>
PPLB	<i>Pos Pemeriksaan Lintas Batas</i>
ETP	<i>Economic Transformation Programme</i>
ADB	<i>Asian Development Bank</i>
BNP2TKI	<i>Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Pekerja Indonesia</i>
BMET	<i>Bureau of Manpower, Employment and Training</i>
BOESL	<i>Bangladesh Overseas Employment and Services Limited</i>
BAIRA	<i>Bangladesh Association of International Recruiting Agencies</i>
CFO	<i>Commision Filipino Overseas</i>
POEA	<i>The Phillipines Overseas Employment Administration</i>
NEP	<i>New Economic Policy</i>
6P	<i>Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan, dan Pengusiran</i>

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pendahuluan

Salah satu cara yang paling popular bagi penduduk negara-negara berpendapatan rendah untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi adalah bekerja di luar negara (migrasi). Punca utama migrasi adalah kerana perbezaan tahap ekonomi antara negara penghantar pekerja dan negara penerima pekerja asing. Malaysia adalah salah satu daripada negara yang banyak bergantung pada pekerja asing khususnya pekerja berkemahiran rendah (*cheap labour*). Bab ini akan membincangkan mengenai latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, tujuan penyelidikan, kepentingan penyelidikan dan skop penyelidikan.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan


Globalisasi telah menjurus ke arah keterbukaan ekonomi dunia yang semakin luas tanpa sepadan. Integrasi ekonomi, politik dan budaya seperti *European Economic Community* (EEC), *Association South East Asian Nations* (ASEAN) dan *North America Free Trade Agreement* (NAFTA) juga telah memperluaskan ekonomi dunia sekarang. Bermula di negara-negara Eropah, antara langkah yang diambil untuk menjurus ke arah keterbukaan ekonomi ialah dengan menghapuskan ‘*border gate*’ di sempadan negara sekaligus memudahkan pergerakan import export barang serta pekerja. *Blue print* masyarakat ASEAN 2009-2015 telah mewujudkan 5 elemen

penting di dalam Komuniti Ekonomi ASEAN iaitu liberalisasi atau pasaran bebas untuk peraliran barang, peraliran perkhidmatan, peraliran pelaburan, peraliran modal dan peraliran pekerja (ASEAN, 2008). Elemen kelima tersebut menunjukkan migrasi pekerja telah menjadi faktor penting di dalam integrasi ekonomi di kawasan Asia Tenggara serta kawasan yang berkaitan.

Jumlah migrasi antarabangsa di Asia pada tahun 2010 dianggarkan mencapai 27.5 juta orang atau lebih kurang 13 peratus dari jumlah keseluruhan migrasi di dunia (International Organization for Migration/IOM, 2010c). Bangladesh, Filipina dan Indonesia adalah negara-negara penghantar pekerja ke luar negara yang signifikan di Asia, masing-masing berada di kedudukan 3, 5 dan 7 (World Bank, 2011). Pengaliran wang di dalam negara penghantar pekerja dengan jumlah yang besar diterima daripada pekerja mereka (*remittances*) mencecah bilion Dolar Amerika Syarikat (USD). Seterusnya, Malaysia adalah negara penerima pekerja asing terbesar di Asia Tenggara dan berada diantara kedudukan 20 dunia (World Bank, 2011).

Jumlah pekerja asing yang berdaftar di Malaysia adalah kira-kira 1.5 juta pada tahun 2012, majoritinya berasal dari Indonesia (47.5 peratus), Nepal (19.41 peratus), Bangladesh (8.43 peratus) dan Filipina (2.87 peratus) (Immigration Department of Malaysia, 2012). Pekerja asing di Malaysia terdiri daripada pekerja tidak mahir, separa mahir dan professional. Indonesia adalah negara penghantar terbesar pekerja tidak mahir dan separa mahir, diikuti oleh Bangladesh (Kanapathy, 2008). Selepas krisis ekonomi pada tahun 1997, kerajaan Malaysia berusaha


menyelesaikan kebergantungan terhadap pekerja asing dengan cara memperkuatkuasakan peraturan dan hukuman terhadap perkerja asing, terutamanya kepada mereka yang bekerja tanpa memperoleh permit secara sah. Kerajaan Malaysia juga komited untuk mengurangkan pekerja asing menjadi 500,000 orang pada tahun 2015 (Migration News, 2010).



Sumber: International Monetary Fund/IMF (2012).

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita Malaysia meningkat dari 3,400 USD pada 1990 hingga mencapai lebih 10,000 USD pada tahun 2012 (Rajah 1.1). Pada mulanya perbezaan pendapatan antara Malaysia dan negara-negara penghantar pekerja tidak terlalu besar. KDNK per kapita Malaysia terus meningkat hingga melebihi tiga kali ganda berbanding KDNK per kapita Indonesia (3,600 USD), empat kali ganda KDNK per kapita Filipina (2,400 USD) dan sepuluh kali ganda KDNK per kapita Bangladesh (790 USD) pada tahun 2012. KDNK per kapita Indonesia dan Filipina juga meningkat namun tidak terlalu drastik seperti KDNK per

kapita Malaysia. Sementara KDNK per kapita Bangladesh kelihatan meningkat tetapi dengan kadar sedikit perlahan.



Sumber: Asian Development Bank/ADB (2012).

Catatan: Data Pengangguran Bangladesh tidak tersedia lengkap.

Selain faktor KDNK per kapita yang rendah, kadar pengangguran yang tinggi adalah masalah yang sering dihadapi oleh negara penghantar pekerja. Jumlah pengangguran di negara-negara penghantar pekerja lebih tinggi berbanding pengangguran di Malaysia (Rajah 1.2). Pengangguran di Indonesia meningkat dengan drastik akibat daripada kesan jangka panjang krisis ekonomi di Asia pada tahun 1997. Jumlah pengangguran di negara Indonesia menurun secara drastik pada tahun 2005-2010. Jumlah pengangguran di Filipina juga meningkat setelah krisis ekonomi namun peningkatannya tidak terlalu drastik seperti di Indonesia. Pengangguran di Filipina meningkat kembali selepas tahun 2005. Peningkatan pengangguran di Malaysia sangat kecil dibandingkan peningkatan pengangguran negara-negara penghantar pekerja pada tahun 1994 hingga 2010. Salah satu sebabnya

kerana jumlah penduduk Malaysia yang tidak ramai serta ekonomi Malaysia yang membangun setelah menghadapi krisis ekonomi.

1.3 Pernyataan Masalah

Indonesia, Bangladesh dan Filipina adalah negara-negara penting dalam penghantaran pekerja ke luar negara (Friedrich-Ebert-Stiftung, 2011; Mamun & Nath, 2010). Jumlah pekerja yang berkerja di luar negara dari negara tersebut semakin meningkat dari masa ke masa. Fenomena ini menghasilkan pro dan kontra secara individual, sosial dan pentadbiran terhadap negara penghantar dan negara penerima pekerja asing. Di negara penghantar, kesan positif dari migrasi adalah kiriman wang, pengangguran dalam negara berkurangan serta menjalin hubungan antarabangsa. Antara kesan negatifnya adalah hilangnya sejumlah besar pekerja yang masih produktif (Taylor, 2000) dan hilangnya pengajaran ibu bapa terhadap anak-anak mereka kerana bekerja di luar negara (Wahyuni, 2005).

Pekerja asing juga mempunyai kesan yang negatif dan positif bagi negara penerima seperti Malaysia. Chuie dan Santhapparaj (2007) menyatakan bahawa pekerja asing yang kian meningkat di Malaysia akan menurunkan tawaran pekerja dalam negara serta peningkatan kadar jenayah, pelacuran dan perdagangan manusia. Tidak boleh dinafikan bahawa para pekerja asing juga memainkan peranan penting dalam pembangunan infrastruktur dan kemasukan pelabur asing di Malaysia kerana menawarkan kos buruh yang rendah (Chuie & Santhapparaj, 2007).

Di negara-negara membangun seperti Indonesia, Bangladesh dan Filipina, kadar pengangguran yang tinggi dan ketidakseimbangan pendapatan menyumbang ke arah beban pembangunan negara yang berterusan. Disebabkan negara gagal untuk mengatasi masalah tersebut, penduduk mereka tidak mempunyai banyak pilihan untuk meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik kecuali melalui migrasi. Orang yang sangat miskin tidak akan sanggup menjadi penganggur di negara membangun dan di atas sebab itu mereka sanggup bekerja tanpa mengira jenis pekerjaan walaupun dibayar dengan gaji yang tidak setimpal (Djafar, 2010). Kebanyakan dari mereka memilih untuk migrasi ke negara lain kerana tawaran gaji yang lebih lumayan walaupun berhadapan dengan risiko dan ketidakpastian yang tinggi.

Penyelidikan terdahulu memfokuskan kajian migrasi pekerja antarabangsa di negara-negara maju seperti Eropah dan Amerika (Aguiar, Walmsley & Abrevaya, 2007; Del Boca & Venturini, 2003; Jennisen, 2003; Karemera, Oguledo & Davis, 2000; Lewer & Van De Berg, 2008; Mayda, 2009; Melkumian, 2004). Migrasi pekerja ke negara maju (Eropa dan Amerika) lebih dipengaruhi oleh faktor penarik ekonomi dari negara penerima pekerja dibandingkan dengan faktor pendorong kondisi ekonomi dalam negara asal. Sementara itu, penyelidikan di negara migrasi di negara berkembang Asia masih belum banyak dilakukan. Penyelidikan mengenai pekerja asing ke Malaysia bersifat mikro dan kualitatif (Devadason & Meng, 2010; Kanapathy, 2004, 2008; Widyawati, 2008). Penyelidikan secara khusus mengenai migrasi pekerja dari Indonesia ke Malaysia dilakukan oleh Mantra (2000), Wahyuni (2005), Yusuf (2008), Nasution (2000) dan Mei (2006) namun masih bersifat kualitatif dan fokus pada pekerja Indonesia yang berasal dari wilayah tertentu. Secara

khusus penyelidikan mengenai migrasi pekerja Bangladesh ke Malaysia di lakukan oleh Abdul Aziz (2001), Sultana (2007) dan Ullah (2007) namun juga bersifat kualitatif.

Perbedaan penyelidikan terdahulu dengan penyelidikan yang dilakukan ini saat ini adalah kajian ini merupakan penyelidikan pertama di Malaysia tentang faktor penentu makroekonomi terhadap kedatangan pekerja asing dengan menggunakan pendekatan dua model iaitu faktor pendorong (push factor model) dan faktor perbezaan (graviti model). Penyelidikan ini penting guna memberikan perbezaan faktor penentu migrasi dari negara maju dan negara membangun serta menyumbang khazanah penyelidikan empirikal berkaitan dengan hubungan migrasi pekerja dan faktor-faktor penentu migrasi.

1.4 Tujuan Penyelidikan

Tujuan am dari penyelidikan ini adalah untuk menyiasat hubungan antara pendapatan per kapita, perdagangan, pengangguran dan jumlah pekerja asing di Malaysia.

Tujuan spesifik daripada kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenalpasti hubungan jangka masa panjang antara KDNK per kapita, perdagangan, pengangguran dan pekerja asing di Malaysia

- ii. Untuk menentukan sejauh mana kesan jangka masa panjang KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran memberi kesan kepada pekerja asing di Malaysia
- iii. Untuk mengenalpasti hubungan penyebab jangka pendek daripada KDNK per kapita, perdagangan, pengangguran kepada pekerja asing di Malaysia

1.5 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini bertumpu pada negara membangun iaitu Indonesia, Bangladesh dan Filipina sebagai negara penghantar pekerja ke Malaysia yang memiliki ketersediaan data yang paling lengkap sesuai dengan tempo penyelidikan dari tahun 2000 hingga tahun 2010. Penyelidikan menggunakan pendekatan autoregresi lat bertabur atau *Autoregressive Distributed Lags* (ARDL). Hal ini membolehkan penyelidik menggunakan pendekatan menyeluruh untuk mengkaji hubungan jangka masa panjang dan penyebab jangka masa pendek yang menyumbang ke arah faktor-faktor penentu makro ekonomi dan migrasi di dalam menghasilkan polisi yang relevan untuk negara tersebut.

Penyelidikan ini merupakan salah satu usaha untuk mentafsir pembolehubah yang mempengaruhi migrasi pekerja dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina ke Malaysia. Hal ini penting kerana jumlah pekerja dari ketiga negara tersebut terus meningkat. Kerajaan negara penghantar dan penerima pekerja mendapatkan manfaat dari penyelidikan ini berupa polisi yang selaras dan tepat serta menguntungkan kedua belah pihak. Dengan penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan

terhadap khazanah penyelidikan dan menyelaraskan pelbagai penyelidikan empirikal yang telah dilakukan sebelum ini.

Migrasi antarabangsa memberikan kesan terhadap politik dan ekonomi, sehingga kerajaan negara penghantar harus mengetahui maklumat mengenai hubungan antara pembolehubah makro ekonomi dan pekerja mereka di Malaysia. Sebagai contoh, kadar migrasi meningkat ke Malaysia disebabkan oleh faktor KDNK yang rendah di negara penghantar pekerja, maka kerajaan negara penghantar pekerja dapat meningkatkan KDNK per kapita negara mereka. Seterusnya, jika penggubal peraturan dapat mengetahui faktor penentu migrasi pekerja asing di Malaysia secara perdagangan dua hala, kerajaan negara penghantar pekerja dan negara penerima pekerja asing dapat bekerjasama di dalam menerapkan peraturan yang lebih berkesan untuk menguruskan migrasi.

1.6 Skop Penyelidikan

Penyelidikan ini terbahagi kepada enam bab. Bab Dua menerangkan keadaan sosial ekonomi dan migrasi pekerja dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina serta proses kemasukan pekerja asing di Malaysia. Bab Tiga menjelaskan gambaran am teori dan penemuan empirikal terdahulu mengenai hubungan antara pekerja asing dan pembolehubah makro ekonomi iaitu pendapatan, perdagangan dan pengangguran. Bab Empat akan mengulas tentang metodologi penyelidikan yang terdiri daripada kerangka konsep kerja, keterangan data, perumusan model dan

analisis data. Bab Lima terdiri dari analisis hasil empirikal dan perbincangan. Bab Enam adalah kesimpulan dan cadangan untuk penyelidikan seterusnya.

BAB 2

TINJAUAN KEADAAN SOSIAL EKONOMI DAN MIGRASI

2.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan keadaan sosial ekonomi dan migrasi di Indonesia, Bangladesh, Filipina dan Malaysia. Indonesia, Filipina dan Malaysia adalah negara-negara anggota ASEAN manakala Bangladesh adalah negara anggota *South Asia Association for Regional Cooperation* (SAARC). Bab ini secara am terdiri dari dua bahagian utama, iaitu keadaan sosial ekonomi, keadaan migrasi di negara penghantar pekerja dan negara penerima pekerja asing.

2.2 Keadaan Sosial Ekonomi

2.2.1 Indonesia

Indonesia adalah sebuah negara kepulauan terbesar di dunia yang terdiri daripada 17 ribu pulau (Coordinating Ministry for Economic Affairs, 2011). Luas daratan Indonesia adalah 1.9 juta kilometer per segi dan luas perairannya 3.2 juta kilometer per segi, merentasi di antara Lautan Hindi dan Lautan Pasifik (Badan Pusat Statistik/BPS, 2012). Indonesia berkongsi sempadan darat dengan negara Malaysia, Papua New Guinea dan Timor Timur (BPS, 2012). Indonesia terdiri dari 33 negeri (*provinces*) dengan lima pulau besar iaitu Sumatera, Kalimantan, Jawa, Sulawesi dan Papua. Jakarta adalah ibu negara Indonesia yang berada di pulau di Jawa. Islam adalah agama majoriti sementara Jawa adalah kumpulan bangsa terbesar dan paling

dominan secara politik di Indonesia. Jadual di bawah ini menunjukkan keadaan sosial ekonomi di Indonesia (Jadual 2.1).

Jadual 2.1: Keadaan Sosial Ekonomi Indonesia

Keterangan	2000	2005	2010
KDNK per kapita (USD)*	800.04	1,290.62	2,980.76
KDNK (Bilion USD)*	165.01	285.79	708.35
Pertumbuhan Ekonomi (%)**	4.9	5.7	6.2
Pengangguran (Juta orang)**	5.8	11.9	8.3
Pengangguran (%)*	6.0	11.2	7.1
Penduduk (Juta orang)*	206.26	221.39	237.64
Pekerja (Juta orang)**	89.8	93.9	108.20
Kadar Penyertaan Pekerja (%)**	67.8	66.8	67.7

Sumber: *IMF (2012) dan **ADB (2012).


Jumlah penduduk Indonesia meningkat dari pada tahun 2005 sebanyak 206.26 juta menjadi 237.6 juta pada tahun 2010. Jumlah penduduk yang besar menguntungkan ekonomi nasional di satu sudut namun di sudut lain, kerajaan harus menyediakan peluang pekerjaan untuk 100 juta penduduknya. Selepas krisis ekonomi di Asia pada tahun 1997, ekonomi di Indonesia mengalami masalah yang berpunca daripada nilai mata wang Rupiah yang terus menurun berbanding Dolar serta kadar pengangguran yang semakin meningkat drastik. Ekonomi Indonesia mulai kukuh dalam masa 10 tahun terakhir disebabkan oleh KDNK per kapita dan Jumlah KDNK yang meningkat secara pesat. Pengangguran yang tinggi berjaya diturunkan daripada 11.9 juta pada tahun 2005 menjadi 8.3 juta pada tahun 2010.

Kadar penyertaan pekerja di Indonesia iaitu sebanyak 66 peratus pada tahun 2005-2010. Ini menunjukkan 66 peratus penduduk di usia produktif di Indonesia telah bekerja dan sedang mencari pekerjaan. Jumlah penduduk yang bekerja terus meningkat daripada 89 juta di tahun 2000 menjadi 108 juta di tahun 2010. Tahap pendidikan pekerja di Indonesia yang relatif rendah menunjukkan pembangunan sumber daya manusia di Indonesia juga masih rendah. Menurut laporan BPS (2012) pada tahun 2010, kira-kira 29 peratus pekerja di Indonesia berpendidikan sekolah rendah, tidak sekolah atau belum tamat sekolah rendah (22 peratus), tamat sekolah menengah tingkatan 1-3 (18 peratus), tamat sekolah menengah tingkatan 4-6 (23 peratus) dan lulus diploma/universiti (9 peratus).

Pertumbuhan ekonomi Indonesia terus meningkat, mulai daripada 4.9 peratus di tahun 2000 menjadi 6.2 peratus pada tahun 2010. Pertumbuhan ekonomi di Indonesia paling teruk terjadi pada tahun 1998 iaitu negatif 13 peratus (IMF, 2012). Pada tahun 2011, pertumbuhan ekonomi Indonesia meningkat sehingga mencapai 6.5 peratus yang hanya mampu menyerap 1.5 juta pekerja (*Pertumbuhan ekonomi belum ideal*, 2012). Pertumbuhan ekonomi yang agak tinggi tersebut belum menunjukkan pertumbuhan memberansangkan terhadap sektor sebenar yang banyak menyerap pekerja sehingga mampu menghuraikan permasalahan pengangguran di dalam negeri dengan signifikan.

Indonesia masih kekal di kedudukan negara-negara pendapatan menengah ke bawah dengan KDNK per kapita di Indonesia meningkat daripada 800 USD pada tahun 2000 menjadi 2,980 USD pada tahun 2010. Jumlah KDNK meningkat daripada

165 bilion USD pada tahun 2010 menjadi 708 bilion USD pada tahun 2010. Indonesia merupakan sebuah negara yang mempunyai jumlah KDNK terbesar ke-17 di dunia dan termasuk di dalam anggota kelompok G20 (20 negara dengan perekonomian terbesar di dunia). Melalui program *Masterplan Percepatan Perluasan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia* (MP3EI) dijangka KDNK per kapita Indonesia mampu mencapai sehingga 15,000 USD serta Jumlah KDNK mencapai 4.5 trilion USD di tahun 2025 (Coordinating Ministry for Economic Affairs, 2011).



Sumber: BPS (2012).

Jumlah penduduk miskin di Indonesia menurun dengan drastik daripada 49.5 juta menjadi 29.4 juta di dalam masa 15 tahun (Rajah 2.1). Jumlah penduduk miskin di desa lebih ramai berbanding dengan penduduk miskin di bandar kerana kadar upah yang diterima sangat rendah berbanding penduduk di bandar dan sektor pertanian juga merupakan salah satu pekerjaan utama di Indonesia. Oleh kerana struktur ekonomi Indonesia yang banyak memberi tumpuan kepada industri dan

perkhidmatan menyebabkan banyak penduduk desa yang bermigrasi ke bandar. Peluang pekerjaan yang terhad mendorong penduduk untuk mencari pilihan pekerjaan lain dengan bermigrasi atau bekerja di luar negera. Struktur ekonomi dan pekerjaan di Indonesia boleh dilihat di jadual 2.2 dibawah ini.

Jadual 2.2: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Indonesia (%)

Struktur Ekonomi	1995	2000	2005	2010
Pertanian	17.1	15.6	13.1	15.3
Industri	41.8	45.9	46.5	47.0
Perkhidmatan	41.1	38.5	40.3	37.6
Struktur Pekerja				
Pertanian	43.98	45.27	43.96	38.32
Industri	13.44	13.53	13.68	13.92
Perkhidmatan/Lain-lain	42.57	41.18	42.35	47.72

Sumber: ADB (2012).

Sektor industri dan perkhidmatan menyumbang sebanyak 80 peratus terhadap struktur ekonomi Indonesia sejak tahun 1995 hingga tahun 2010. Sumbangan sektor pertanian di dalam struktur pekerja di Indonesia masih menjadi sumbangan terbesar iaitu sebanyak lebih 40 peratus hingga tahun 2005 dan menurun ke tempat kedua terbesar dengan sumbangan 38 peratus pada tahun 2010. Penerapan pola secara tradisional dan kerajaan masih kurang menitik beratkan terhadap sektor ini menjadikan pekerja di sektor pertanian sukar keluar daripada jurang kemiskinan. Seterusnya industri-industri yang banyak membangun di Indonesia ternyata masih belum mampu menyumbang ke arah permintaan pekerjaan yang tinggi berbanding sektor pertanian.

Jadual 2.3: Perdagangan Luar Negara Indonesia, 2011 (%)

Negara Utama Eksport		Negara Utama Import	
Jepun	16.57	Cina	14.77
Cina	11.27	Singapura	14.63
Singapura	9.06	Jepun	10.95
AS	8.09	Korea Selatan	7.33
Korea Selatan	8.05	AS	6.09
Malaysia	5.40	Malaysia	5.86
Jumlah (Juta USD)	203,496.60	Jumlah (Juta USD)	177,435.60
Barangan Utama Eksport		Barangan Utama Import	
Arang Batu	26.05	Minyak Mentah dan Produk Petroleum	43.96
Gas	21.89	Barang Modal	25.56
Minyak sawit	16.52	Mesin Industri	9.44
Minyak Mentah	13.24	Peralatan Pengangkutan	9.09
Pakaian	7.47	Kenderaan Motor	4.53
Produk Petroleum	4.57	Baja	2.79
Jumlah (Juta USD)	104,483.70	Jumlah (Juta USD)	92,577.10

Sumber: BPS (2012).

Pada Jadual 2.3, eksport Indonesia masih menunjukkan hasil bumi seperti arang batu, gas, minyak sawit dan minyak mentah menjadi barangan utama eksport Indonesia dengan sumbangan lebih daripada 76 peratus kepada jumlah eksport. Selain sebagai pengeksport hasil bumi dan minyak mentah, Indonesia merupakan negara pengimport minyak mentah dan produk-produk lain berkaitan dengannya sebanyak 43.9 peratus. Hal tersebut disebabkan oleh penggunaannya di dalam negeri dengan jumlah yang besar dan pengurusan hasil minyak mentah yang belum berkesan di dalam negeri. Jepun, Cina, Singapura, Amerika Syarikat (AS), Korea Selatan dan Malaysia merupakan negara-negara rakan kongsi perdagangan utama Indonesia, dengan hasil lebih daripada 50 peratus. Nilai peratusan eksport dan import

antara Indonesia dan Malaysia masih agak kecil dibandingkan dengan peratusan eksport dan import negara-negara rakan kongsi perdagangan utama Indonesia lainnya seperti yang ditunjukkan didalam jadual diatas sebanyak 5 peratus pada tahun 2011.

2.2.2 Bangladesh

Jadual 2.4: Keadaan Sosial Ekonomi Bangladesh

Keterangan	2000	2005	2010
KDNK per kapita (USD)*	334.22	399.20	641.99
KDNK (Bilion USD)*	47.0	61.1	105.5
Pertumbuhan Ekonomi (%)**	6.0	6.0	5.9
Pengangguran (Juta orang)**	1.7	-	2.6
Pengangguran (%)*	4.3	-	4.5
Penduduk (Juta orang)*	128.1	131.9	141.0
Pekerja (Juta orang)**	39	-	54.1
Kadar Penyertaan Pekerja (%)**	54.9	-	59.3

Sumber: *IMF (2012) dan ** ADB (2012).

Bangladesh adalah sebuah negara delta yang bersempadan di sebelah barat, utara, dan timur dengan India serta bersempadan di sebelah tenggara dengan Burma (Myanmar). Dhaka adalah ibu negeri Bangladesh dengan kadar kepadatan penduduk yang tertinggi di dunia. Islam adalah agama majoriti penduduk Bangladesh. Bangla adalah bahasa rasmi dan Benggali adalah etnik group terbesar di Bangladesh (Central Intelligence Agencies/CIA, 2013). Jumlah penduduk Bangladesh mencapai 141 juta pada tahun 2010 dan menjadi salah satu negara dengan penduduk paling ramai di dunia. Bangladesh menghadapi beberapa cabaran utama, seperti kadar kemiskinan yang tinggi, ketidakstabilan politik, lebihan penduduk dan bencana alam.

Pada jadual 2.4, jumlah penduduk yang bekerja di Bangladesh seramai 39 juta pada tahun 1995 dan 54 juta pada tahun 2010. Jumlah pengangguran di Bangladesh sebanyak 2.6 juta atau 4.5 peratus daripada jumlah pekerja pada tahun 2010. Jumlah pengangguran di Bangladesh yang agak kecil tersebut sukar untuk dijelaskan dengan kesemarataan ekonomi atau kesejahteraan yang tinggi. Secara amnya, penduduk negara miskin seperti Bangladesh sanggup bekerja dengan kadar upah yang rendah daripada menggangur. Walaupun kadar pengangguran rendah tetapi kadar kemiskinan masih tinggi.Berdasarkan laporan daripada Global Health Initiative (nd), lebih daripada 45 peratus daripada penduduk di Bangladesh hidup di dalam kemiskinan yang teruk.

Bangladesh mengalami pertumbuhan ekonomi yang relatif stabil daripada tahun 1995 hingga 2010 sebanyak 6 peratus (Jadual 2.4). KDNK per kapita Bangladesh mengalami peningkatan dua kali ganda sebanyak 334 USD pada tahun 2000 menjadi 641 USD pada tahun 2010. Makro ekonomi Bangladesh juga meningkat secara drastik seperti yang ditunjukkan oleh Jumlah KDNK sebanyak 47 bilion USD pada tahun 2000 menjadi 105 billion USD pada tahun 2010. Keadaan makro ekonomi yang baik ini harus dikekalkan hingga Bangladesh boleh menjadi negara yang berpendapatan tinggi.Bangladesh merupakan salah satu negara dengan pendapatan yang rendah di dunia (World Bank, 2011).

Jadual 2.5: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Bangladesh (%)

Struktur Ekonomi	1995	2000	2005	2010
Pertanian	26.4	25.5	20.1	18.6
Industri	24.6	25.3	27.2	28.4
Perkhidmatan	49.1	49.2	52.6	53.0
Struktur Pekerja	1996	2000	2006	2010
Pertanian	51.1	50.7	48.1	47.5
Industri	10.0	10.0	12.7	12.6
Perkhidmatan/Lain-lain	41.1	39.2	40.7	39.9

Sumber: ADB (2012).

Pada jadual 2.5, struktur ekonomi di Bangladesh di dominasi oleh sektor perkhidmatan, industri dan pertanian secara berturutan pada tahun 2005 dan 2010. Sumbangan sektor pertanian menurun secara drastik daripada 26 peratus pada tahun 2000 menjadi 18 peratus pada tahun 2010. Hasil sektor pertanian yang menurun terhadap struktur ekonomi menyebabkan hasil sektor tersebut terhadap struktur tenaga di Bangladesh juga menurun, namun sumbangannya di dalam struktur pekerja masih menjadi yang paling tinggi. Sumbangan besar sektor industri tersebut di dalam sektor ekonomi Bangladesh masih belum selari dengan sektor tersebut terhadap struktur pekerja di Bangladesh. Perhatian serius perlu diberikan kepada penyerapan pekerja di sektor industri dan pengembangan sektor pertanian yang bersandarkan teknologi hingga dapat menghasilkan output yang banyak.

Jadual 2.6: Perdagangan Luar negara Bangladesh (%)

Negara Utama Eksport (2011)*		Negara Utama Import (2011)*	
AS	19.7	Cina	18.2
Jerman	16.1	India	13.5
England	9.5	Malaysia	4.9
Perancis	7.2	Singapura	4.0
Belanda	4.3	Jepun	4.0
Itali	4.3	Kuwait	3.7
Jumlah (Juta USD)	19,845	Jumlah (Juta USD)	36,192
Barangan Utama Eksport (2008-2009)**		Barangan Utama Import (2008-2009)**	
Barangan pengguna	88.20	Bahan untuk barangan pengguna	75.55
Bahan untuk barangan pengguna	10.56	Barangan modal	13.17
Barangan modal	0.46	Barangan pengguna	9.87
Bahan untuk barangan modal	0.78	Bahan untuk barangan modal	1.41
Jumlah (Juta Taka)	1,074,992	Jumlah (Juta Taka)	1,580,898

Sumber: *ADB (2012) dan **Bangladesh Bureau of Statistic (2010).

Berdasarkan data Bangladesh Bureau of Statistic (2010) (Jadual 2.6), produk eksport utama dari Bangladesh adalah barangan primer seperti barangan pengguna dan bahan untuk barangan pengguna seperti produk tekstil dan pakaian. Sedangkan barangan utama import Bangladesh adalah bahan untuk barangan pengguna dan barangan modal seperti produk petroleum dan peralatan jentera. Negara sasaran eksport utama Bangladesh adalah negara-negara maju di Amerika dan Eropah seperti AS, Jerman, England dan Perancis. Bangladesh juga mengimport keperluan utamanya dari negara-negara Asia seperti Cina, India dan Malaysia. Perdagangan bilateral antara Bangladesh dengan Malaysia selalunya menunjukkan import lebih besar daripada export (*deficit*).

2.2.3 Filipina

Jadul 2.7: Keadaan Sosial Ekonomi Filipina

Keterangan	2000	2005	2010
KDNK per kapita (USD)*	1,055.12	1,208.91	2,123.08
KDNK (Bilion USD)*	81.02	103.07	199.59
Pertumbuhan Ekonomi (%)**	4.4	4.8	7.6
Pengangguran (Juta orang)**	3.4	2.7	2.8
Pengangguran (%)*	11.17	11.35	7.32
Penduduk (Juta orang)*	76.8	84.7	92.6
Pekerja (Juta orang)**	27.4	32.2	36.0
Kadar Penyertaan Pekerja (%)**	64.9	64.6	64.1

Sumber: *IMF (2012) dan **ADB (2012).

Filipina adalah negara kepulauan dengan luas 300.000 kilometer per segi yang tidak mempunyai sepadan darat antara negara jiran (CIA, 2013). Filipina bersempadan laut dengan negara Taiwan di utara dan Sabah (Malaysia) di barat daya. Filipina merupakan negara yang majoriti penduduknya beragama Katolik Roma (80.9 peratus) dan selebihnya adalah Islam (5 peratus), Kristen Injil (2.8 peratus), mazhab Kristian dan agama tradisional (CIA, 2013). Jumlah penduduk beragama Islam teramai di Filipina berada di wilayah selatan yang bersempadan dengan negeri Sabah, Malaysia.

Filipina merupakan negara dengan pendapatan menengah kebawah, seperti yang ditunjukkan oleh KDNK perkapita sebanyak 1,055 USD pada tahun 2000 meningkat menjadi 2,123 USD pada tahun 2010 (Jadual 2.7). Pertumbuhan ekonomi Filipina juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan daripada sebanyak 4.4 peratus pada tahun 2000 menjadi 7.7 peratus pada tahun 2010. Jumlah KDNK

Filipina meningkat tinggi daripada 81 billion USD pada tahun 2000 menjadi 199.5 billion pada tahun 2010. Secara makro, ekonomi Filipina menunjukkan pertumbuhan yang cukup baik dan menjadikan ia ekonomi ke-33 terbesar di dunia (CIA, 2013).

Jumlah penduduk Filipina selama 10 tahun terakhir ini meningkat daripada 76.8 juta pada tahun 2000 menjadi 92.6 juta pada tahun 2010 (Jadual 2.7). Filipina berjaya mengurangkan jumlah pengangguran sebanyak 3 juta daripada tahun 2005 hingga tahun 2010. Jumlah pekerja di Filipina meningkat daripada 27.4 juta pada 2000 menjadi 36 juta tahun 2010. Terdapat ketidakseimbangan pembangunan di sebahagian kecil kawasan selatan Filipina yang bersempadan dengan laut Sabah. Hal ini menyebabkan ramai penduduk Muslim di Filipina selatan merasa tidak puas hati dan menunjukkan rasa ingin memisahkan diri serta selebihnya bermigrasi ke negeri Sabah.

Jadual 2.8: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Filipina (%)

Struktur Ekonomi	1995	2000	2005	2010
Pertanian	21.6	14.0	12.7	12.3
Industri	32.1	34.5	33.8	32.6
Perkhidmatan	46.3	51.6	53.5	55.1
Struktur Pekerja	1995	2000	2005	2010
Pertanian	43.4	37.1	35.9	33.1
Industri	10.6	10.2	9.8	8.9
Perkhidmatan/Lain-lain	45.9	52.5	54.0	57.8

Sumber: ADB (2012).

Sektor perkhidmatan dan industri menjadi penyumbang terbesar di dalam struktur ekonomi di Filipina (Jadual 2.8). Sektor perkhidmatan memberi sumbangan terbesar di dalam struktur pekerja seperti yang ditunjukkan di dalam jadual dengan peningkatan daripada 45.9 peratus pada tahun 1995 menjadi 57.8 peratus pada tahun

2010 dan sektor industri memberi sumbangan paling kecil di dalam struktur pekerja dengan penurunan sebanyak 10.6 peratus pada tahun 1995 menjadi 8.9 peratus pada tahun 2010. Peranan sektor pertanian menurun daripada tahun 1995 hingga tahun 2010 terhadap sektor ekonomi dan sektor pekerja. Kerajaan perlu memberi perhatian khusus kepada sektor pertanian atau tradisional yang masih kecil sumbangannya dalam struktur ekonomi namun agak besar dalam sumbangan struktur pekerja berbanding dengan sektor industri. Jika tidak, semakin banyak perpindahan penduduk dari desa ke bandar untuk berebut pekerjaan yang sangat terbatas.

Jepun, AS dan Cina merupakan negara rakan kongsi utama perdagangan bagi Filipina (Jadual 2.9). Ketiga-tiga negara tersebut menyumbang lebih daripada 49 peratus daripada jumlah eksport Filipina dan 36 peratus daripada jumlah import Filipina pada tahun 2011. Jumlah perdagangan antara Filipina dan Malaysia masih agak kecil dengan sumbangan 2.3 peratus untuk ekspor dan 3.5 peratus untuk impor pada tahun 2011. Barang eksport utama Filipina adalah produk-produk sekunder yang nilai tambahnya lebih tinggi. Hasil eksport produk elektrik dan alat-alat komponen yang semakin meningkat menunjukkan Filipina telah menuju ke arah negara industri. Barang import utama Filipina adalah produk mentah dan barang modal yang diproses semula di dalam negeri untuk di gunakan di dalam negeri dan selebihnya kemudian di eksport ke luar negara.


Jadual 2.9: Perdagangan Luar Negara Filipina (%)

Negara Utama Eksport (2011)*		Negara Utama Import (2011)*	
AS	13.8	Jepun	12.3
Jepun	14.1	AS	9.4
Cina	21.2	Cina	14.6
Korea Selatan	4.7	Malaysia	3.5
Malaysia	2.3	Indonesia	4.1
Jumlah (Billion USD)	60.02	Jumlah (Billion USD)	83.28
Barangan Utama Eksport (2013)**		Barangan Utama Import (2012)**	
Produk Elektrik	36.55	Bahan mentah dan barang perantaraan	35.4
Alat-alat komponen	29.8	Barangan modal	33.8
Kimia	11.9	Minyak galian, pelincir & bahan berkaitan	16.7
Produk pertanian	9.7	Barangan pengguna	13.1
Jumlah (Juta USD)	4,010	Jumlah (Juta USD)	1,774

Sumber: *ADB (2012) dan **National Statistic Offices/NSO (2012).

2.1.4 Malaysia

Rajah 2.2: Peta Malaysia



Sumber: Peta Google (diolah oleh penyelidik).

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada 11 negeri di Semenanjung Malaysia dan 2 negeri di Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak). Terdapat 2 wilayah persekutuan di Semenanjung Malaysia, iaitu Kuala Lumpur dan Putrajaya dan 1 WP di Malaysia Timur, iaitu Labuan. Luas wilayah Malaysia adalah 330.803 kilometer per segi (United Nation, 2011). Semenanjung Malaysia bersempadan dengan Thailand, Indonesia (Sumatra) dan Singapura. Negeri Sarawak bersempadan darat dengan Brunei Darussalam dan Indonesia (Kalimantan Barat). Negeri Sabah bersempadan darat dan laut dengan Indonesia (Kalimantan Timur) dan bersempadan laut dengan negara Filipina.

Jadual 2.10: Kos Pengangkutan Antara Negara

Negara	Udara*		Darat		Laut	
	Dari	Kepada	Dari	Kepada	Dari	Kepada
Indonesia	Bandung (RM167)	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Air Asia Airline) ¹	Pontianak (RM60)	Terminal Kuching Sentral, Sarawak (jadual harian) ⁴	Nunukan (RM65)	Tawau Fery Terminal, Sabah (jadwal harian) ⁵
	Balikpapan (RM114)				Tarakan (RM140)	
	Banda Aceh (RM91.90)				Batam (RM69)	
	Jakarta (RM131.42)				Bintan (RM86)	The Zon Fery Terminal Stulang Laut, Johor Bahru (jadwal harian) ⁶
	Bali (RM164.36)					
	Yogyakarta (RM180.83)					
	Medan (RM101.78)					
	Padang (RM72.13)					
	Pekanbaru (RM72.13)					
	Palembang (RM72.13)					
	Semarang (RM141.30)					
	Surabaya (RM187.42)					
	Makasar (RM240.12)					
	Lombok (RM98.48)					
	Batam (RM92.95)	Lapangan Terbang Subang (FireFly Airline) ²				
Filipina	Clark (RM 95.76)	Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (Air Asia Airline)			Zamboaga (PHP 2600 = RM 192.76)	Sandakan ⁷
	Clark (RM192.26)	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Air Asia Airline)			Jolo (PHP2400 = RM177.76)***	
					Bongao (PHP2000 = RM148.23)	
Bangladesh	Dakka (USD305.40 = RM952.99)**	Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (Biman Bangladesh Airline) ³				

Catatan:

¹ <http://www.airasia.com>.

² <http://www.fireflyz.com.my>.

³ <http://biman-airlines.com>.

⁴ http://www.etawau.com/Geography/Kuching/Kuching_Bus_Terminal.htm.

⁵ http://www.etawau.com/HTML/Travel/Ferry_Terminal.htm.

⁶ <http://www.zon.com.my/ferry.html>.

⁷ <http://www.zimnet.com/weesam/php/rates.php>.

*pengangkutan udara tambang murah (from 29 October until 2 November 2012).

**<http://www.xe.com/> (1 USD = 3.12049 Ringgit Malaysia/RM).

***<http://www.xe.com/> (1 RM = 13.4884 PHP).

Jadual 2.10 menunjukkan kos pengangkutan antara negara penghantar pekerja dan Malaysia. Kos pengangkutan udara yang dipilih adalah kos dengan tambang yang lebih murah dibandingkan dengan kos tambang pengangkutan udara lain yang tersedia. Sebagian besar pekerja asing adalah penduduk miskin di negara asal sehingga lebih memilih pengangkutan yang paling murah. Kemudahan akses pengangkutan dan perjanjian yang dibuat terhadap sempadan antara Malaysia dan Indonesia menjadi pintu masuk bagi penduduk kedua negara melakukan pelbagai aktiviti sosial dan ekonomi. Kini, terdapat 3 pos pemeriksaan lintas batas (PPLB) rasmi yang dilengkapi CIQS (*Custom, Immigration, Quarantine, Security*) yang terdapat di wilayah Kalimantan Barat (Indonesia) dan Sarawak (Malaysia). Seterusnya, dua PPLB melalui laut terdapat di wilayah Kalimantan Utara (Indonesia) dengan Sabah (Malaysia) dan kepulauan Riau (Indonesia) dengan Johor (Malaysia). Kemasukan melalui darat dan laut tersebut dapat dilakukan dengan menggunakan pengangkutan awam yang beroperasi setiap hari. Namun, kerana sempadan darat dan laut yang besar antara Malaysia dan Indonesia, banyak pintu-pintu masuk secara rasmi atau tidak rasmi yang digunakan untuk migrasi orang. Wujudnya penerbangan murah semakin mempermudahkan akses keluar masuk barang dan orang dari Indonesia ke Malaysia dan sebaliknya.

Hanya terdapat 2 pilihan pengangkutan menuju Malaysia dari Filipina iaitu melalui penerbangan dan kapal laut. Proses kemasukan melalui kapal laut banyak dilakukan oleh penduduk dari Filipina wilayah selatan yang kebanyakannya bekerja di negari Sabah dan menetap di sana dalam tempoh waktu yang lama. Bahkan, banyak diantara mereka yang telah berkahwin dengan warga tempatan. Pintu

penghantaran penduduk Filipina melalui laut di lakukan dari Jolo, Zamboaga dan Bongau menuju ke wilayah Sandakan, Sabah (Jadual 2.10). Namun, banyak juga diantara mereka yang masuk melalui pulau-pulau kecil di Sabah yang lepas dari jagaan pihak berkuasa.

Akses pengangkutan dari Bangladesh ke Malaysia hanya boleh menggunakan pesawat. Jarak yang jauh bukan menjadi halangan bagi pendatang asal Bangladesh untuk memasuki Malaysia. Mereka pergi ke Malaysia sebagai pelancong, kemudian banyak diantara mereka yang tinggal melebihi tempoh masa dan menjadi pekerja di Malaysia. Kos yang tinggi juga tidak menjadi halangan kerana mereka boleh meminjam wang kepada agen di negara asal. Menurut penelitian Abdul Aziz (2001) majoriti penduduk Bangladesh bermigrasi ke Malaysia melalui udara (71.6 peratus), darat (14.9 peratus) dan laut (13.5 peratus). Bagaimanapun, tidak ada penjelasan lanjut tentang kaedah digunakan oleh penduduk Bangladesh untuk masuk ke Malaysia melalui laut dan darat, serta dianggarkan kebanyakan mereka adalah pelarian.

Jumlah penduduk Malaysia mencapai 28.25 juta pada tahun 2010 (Jadual 2.11). Lebih daripada 79 peratus jumlah penduduk berada di Semenanjung Malaysia, selebihnya sebanyak 11 peratus di Sabah dan 9 peratus di Sarawak (United Nation, 2011). Malaysia adalah negara dengan kepelbagaiannya bangsa dan budaya. Pada tahun 2009, penduduk terbesar adalah bangsa Melayu (49 peratus) diikuti oleh Cina (23 peratus), India (7 peratus), Bumiputera (11 peratus) dan bukan warga negara (10 peratus) (United Nation, 2011). Majoriti penduduk Malaysia beragama Islam (60.4

peratus) dan diikuti oleh Buddha (19.2 peratus), Kristian (9.1 peratus), Hindu (6.3 peratus) dan lain-lain (5 peratus) (CIA, 2013).

Jumlah penduduk Malaysia yang bekerja meningkat agak kecil daripada sebanyak 9 juta pada tahun 2000 menjadi 11 juta pada tahun 2010 (Jadual 2.11). Jumlah penyertaan pekerja menurun daripada 65 peratus pada tahun 2000 dan menjadi 63 peratus pada tahun 2010. Pengangguran di Malaysia sebanyak 287 ribu pada tahun 2000 dan menjadi 396 ribu pada tahun 2010. Beberapa penduduk usia muda di Malaysia menangguh untuk bekerja kerana memilih pekerjaan yang sesuai dengan pendidikan mereka serta mengharapkan gaji yang lebih tinggi dan sebahagian mereka juga memilih untuk melanjutkan pendidikan. Hal ini menyebabkan Malaysia mengalami kekurangan banyak pekerja terutama pekerja yang kurang mahir. Banyak pekerja asing bermigrasi ke Malaysia kerana tingginya permintaan pekerja kurang mahir.

Jadual 2.11: Keadaan Sosial Ekonomi Malaysia

Subjek	2000	2005	2010
KDNK per kapita (USD)*	4,029.6	5,210.5	8,417.6
KDNK (Bilion USD)*	93.7	137.9	237.8
Pertumbuhan Ekonomi (%)**	8.9	5.3	7.2
Pengangguran (Juta orang)**	287	368	396
Pengangguran (%)*	3.0	3.5	3.4
Penduduk (Juta orang)*	23.2	26.4	28.2
Pekerja (Juta orang)**	9.2	10.0	11.7
Kadar Panyertaan Pekerja (%)**	65.4	63.3	63.4

Sumber: *IMF (2012) dan **ADB (2012).

Jadual 2.11 menunjukkan keadaan sosial ekonomi di Malaysia. Malaysia adalah negara berpendapatan sederhana yang ditunjukkan oleh pendapatan per kapita

8,417 USD pada tahun 2010 atau meningkat lebih daripada dua kali ganda daripada 4,029 USD pada tahun 2000. Jumlah KDNK Malaysia meningkat secara drastik daripada 93 billion USD pada tahun 2000 menjadi 237 billion USD pada tahun 2010. Keadaan makro ekonomi yang terus kekal stabil dijadikan sebagai penanda aras oleh kerajaan Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Pelbagai program transformasi ekonomi telah dilaksakan oleh kerajaan di dalam usaha untuk mencapai KDNK per kapita 15.000 - 20.000 USD (Economic Transformation Programme/ETP, 2013).

Malaysia mengamalkan polisi fiskal yang berorientasikan pada kemajuan pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang pesat mencapai 8.9 peratus pada tahun 2000, kemudian turun menjadi 5 peratus pada tahun 2005 dan meningkat 7 peratus pada tahun 2010. Pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan dan stabil juga meningkatkan pelaburan asing ke Malaysia dan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi Malaysia pernah mengalami penurunan terburuk iaitu -7.4 peratus pada tahun 1998 akibat krisis Asia dan 1.5 peratus pada tahun 2009 akibat krisis kewangan Eropah (ADB, 2012). Kesan daripada pertumbuhan ekonomi yang perlahan memberi kesan terhadap pendatang asing di Malaysia, seperti yang terjadi pada tahun 1997 dan 2009 yang ditunjukkan oleh kerajaan menghentikan sementara penerimaan pekerja asing (Devadason & Meng, 2010)

Jadual 2.12: Struktur Ekonomi dan Pekerja di Malaysia (%)

Struktur Ekonomi	1995	2000	2005	2010
Pertanian	12.7	8.3	8.4	10.5
Industri	40.5	46.8	46.9	41.5
Perkhidmatan	46.8	44.9	44.7	48.0
Struktur Pekerja				
Pertanian	20.0	16.7	14.6	14.2
Industri	23.7	23.8	20.2	17.2
Perkhidmatan/Lain-lain	56.3	59.5	65.2	68.6

Sumber: ADB (2012).

Jadual 2.12 menunjukkan perubahan struktur ekonomi dan struktur pekerja di Malaysia dalam beberapa tahun. Struktur ekonomi Malaysia bergantung terhadap timah dan getah sebagai pendorong ekonomi pada awal kemerdekaan (United Nation, 2011). Malaysia berjaya menuju ke arah ekonomi moden yang berdasarkan sektor pembuatan / industri dan perkhidmatan semenjak polisi ekonomi baru yang di perkenalkan oleh Dr Mahathir Muhammad. Sektor industri dan perkhidmatan menjadi sektor terbesar sejak tahun 1995 hingga 2010. Kedua sektor ini juga menyumbang pekerja paling banyak di dalam struktur pekerja. Lebih daripada 85 peratus tenaga kerja di Malaysia di isi oleh mereka yang bekerja di sektor industri dan sektor perkhidmatan. Sumbangan sektor pertanian yang menurun ditunjukkan tidak hanya terhadap struktur ekonomi namun juga terhadap penyerapan pekerja.

Jadual 2.13: Perdagangan Luar Negara di Malaysia (%)

Negara Eksport*	1994	2011	Negara Import*	1994	2011
Singapura	20.7	12.8	Singapura	14.1	20.5
Cina	3.3	17.9	Cina	2.3	13.7
AS	21.2	8.6	Jepun	26.7	10.0
Jepun	11.9	10.6	AS	16.6	7.9
Thailand	3.8	4.4	Thailand	2.5	6.0
Hong Kong	4.6	4.1	Indonesia	1.6	5.6
Jumlah (Juta USD)	58752	257238	Jumlah (Juta USD)	58752	257238
<hr/>					
Barangan Eksport**	1991	2011	Barangan Import**	1991	2011
Perkilangan	64.9	67.7	Barangan perantara	64.4	67.1
Minyak & Gas	14.3	11.9	Barangan modal	19.2	14.1
Kehutanan	7.4	0.7	Barangan penggunaan	7.3	7.2
Timah	0.7	0.5			
Getah	2.8	1.9	Barangan imor untuk Eksport semula	5	8
Minyak sawit	5.3	9.3			
Lain-lain	4.6	8.5	Lain-lain	4.1	11.7
Jumlah (RM Juta)	94,479	694,548	Jumlah (RM Juta)	100,831	574,232

Sumber: *ADB (2012) dan **Economic Planning Unit/EPU (2012).

Jadual 2.13 menunjukkan perdagangan luar negara di Malaysia. Sejak tahun 1991, eksport Malaysia keseluruhannya disumbang oleh perluasan sektor perkilangan, minyak dan gas. Sumbangan sektor perhutanan menurun secara drastik daripada 7.4 peratus pada tahun 1991 menjadi 0.7 peratus pada tahun 2011 akibat bahan bahan mentah yang semakin berkurangan. Barangan pengantara dan barang modal adalah barangan import utama di Malaysia. Barangan pengantara yang di import diproses kembali menjadi sebuah produk perkilangan yang selebihnya di eksport dan digunakan di dalam negeri. Singapura, Cina, Jepun, AS dan Thailand adalah rakan dagangan utama Malaysia. Sebagai negara pengantar pekerja di Malaysia, sumbangan import Indonesia meningkat secara ketara daripada sebanyak 1.6 peratus pada tahun 1994 menjadi 5.6 peratus pada tahun 2011.

2.2 Migrasi

2.2.1 Indonesia

Hingga akhir 1960-an, penempatan pekerja Indonesia ke luar negara dilakukan secara perseorangan, persaudaraan, dan bersifat tradisional. Hubungan antara pekerja Indonesia dengan negara Malaysia dan Arab Saudi terjadi berdasarkan laluan sempadan antara negara dan hubungan agama (haji). Penempatan pekerja Indonesia di luar negara bermula melibatkan kerajaan pada 1970-an yang dilaksanakan oleh Departemen Pekerja, Transmigrasi, dan Koperasi. Pemerintah mengeluarkan Peraturan Pemerintah (PP) No 4/1970 melalui Program Antara kerja Antara daerah (AKAD) dan Antara kerja Antara negara (AKAN) dengan melibatkan pihak swasta.

Kerajaan Indonesia mulai serius untuk mengembangkan dan melindungi pekerja asal Indonesia di luar negara dengan melaksanakan akta Penempatan dan Perlindungan Pekerja Indonesia pada tahun 2004 (UU No 39/2004). Banyak kes pekerja Indonesia di luar negara yang bermasalah dan belum tertubuhnya lembaga yang khusus untuk menangani permasalahan tersebut menjadi salah satu sebab dibentuknya akta tersebut. Peraturan ini melindungi pekerja asal Indonesia di luar negara bermula dari pra perlepasan, penempatan dan kepulangan. Sebagai pelaksanaan daripada akta tersebut maka tertubuhnya Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Pekerja Indonesia (BNP2TKI) yang telah dipertanggungjawabkan di bawah presiden (IOM, 2010b).

Pada awal penubuhannya, BNP2TKI kurang dipercaya dan belum berperanan penting di dalam meningkatkan perlindungan pekerja Indonesia. Konflik kepentingan antara BNP2TKI sebagai institusi pelaksana dengan Kementerian pekerja dan transmigrasi (Kementrans) sebagai pengatur menyebabkan Kementrans mengambil alih kuasa BNP2TKI melalui peraturan menteri tentang kerja dan transmigrasi (permenakertrans) No 16, 17, dan 18 tahun 2009 (IOM, 2010b). BNP2TKI mendapatkan kembali hak mereka berkenaan seperti di amanahkan dalam akta sebagai lembaga tunggal yang fokus di dalam urusan pekerja Indonesia di luar negara melalui permenakertrans No. 14 Tahun 2010.

Jadual 2.14: Agihan Pekerja Indonesia di Luar Negara

Years	Malaysia	Singapore	Hong Kong	Taiwan	Arab Saudi	Timur Tengah & Afrika	Lain-lain	Jumlah
1994	41,712	15,678	3,306	3,423	96,553	2,157	12,358	175,187
1995	23,909	22,928	3,878	4,807	43,521	4,834	17,009	120,886
1996	321,756	31,235	3,143	9,535	127,137	8,199	16,164	517,169
1997	36,248	35,487	5,282	9,597	121,965	13,371	13,303	235,253
1998	132,950	41,045	19,531	17,479	161,062	18,459	21,083	411,609
1999	169,177	34,829	12,762	29,372	131,157	23,479	26,843	427,619
2000	191,700	25,707	21,709	50,508	114,067	15,101	16,430	435,222
2001	74,390	33,924	22,622	35,986	99,224	17,373	11,629	295,148
2002	152,680	16,071	20,431	35,922	213,603	28,358	13,328	480,393
2003	89,439	6,103	3,509	1,930	171,038	12,732	9,114	293,865
2004	127,175	9,131	14,183	969	203,446	16,223	9,563	380,690
2005	201,887	25,087	12,143	48,576	150,235	26,784	9,598	474,310
2006	219,658	28,661	20,100	45,706	307,427	45,752	12,696	680,000
2007	222,198	37,496	29,973	50,810	257,217	86,102	12,950	696,746
2008	187,123	21,807	30,204	59,522	234,644	98,465	12,966	644,731
2009	123,886	33,077	32,417	59,335	276,633	98,667	8,157	632,172
2010	116,056	39,623	33,262	62,048	228,890	78,539	17,385	575,803
2011	133,663	47,781	50,283	78,846	137,643	79,269	53,596	581,081
Jumlah	2,565,607	505,670	338,738	604,371	3,075,462	673,864	294,172	8,057,884
%	31.84	6.28	4.20	7.50	38.17	8.36	3.65	100

Sumber: Soeprobo (2006) dan BNP2TKI (2012).

Jadual 2.14 menunjukkan agihan pekerja Indonesia yang bermigrasi ke luar negara. Jumlah pekerja asal Indonesia yang dihantar ke luar negara turun naik. Jumlah pekerja Indonesia paling rendah pada tahun 1995 dan yang paling tinggi pada tahun 2007. Dari tahun 1994 hingga 2011, pekerja Indonesia di Arab Saudi dan Malaysia menyumbang lebih daripada 60 peratus dari jumlah pekerja Indonesia yang berada di luar negara. Jumlah pekerja Indonesia di Malaysia dan Arab Saudi setiap tahun juga menunjukkan turun naik. Jumlah pekerja Indonesia di Arab Saudi selalunya melebihi jumlah pekerja Indonesia di Malaysia kecuali pada tahun 1996, 1999, 2000, dan 2005. Selain di Malaysia dan Arab Saudi, pekerja Indonesia paling banyak berada di luar negara adalah di Taiwan, Singapura, Hongkong dan negara-negara Timur Tengah.

Jadual 2.15: Pekerja Indonesia di Luar Negara Mengikut Sektor (%)

Negara Tujuan	2007		2010	
	Formal	Tidak formal	Formal	Tidak formal
Malaysia	85.7	10.8	59.5	0.0
Arab Saudi	2.7	50.3	11.6	56.2
Republik China Taiwan	2.6	9.1	7.1	11.4
Singapura	0.1	7.5	0.0	5.5
Hong Kong	0.0	6.0	0.0	10.0
Timur Tengah (Non Arab Saudi)	2.4	16.2	18.4	15.9
Lain	6.6	0.0	3.3	1.0
JUMLAH	196,191	500,555	259,229	600,857
JUMLAH (%)	28.16	71.84	30.14	69.86

Sumber: BNP2TKI (2012).

Jadual 2.15 menunjukkan permintaan pekerja Indonesia di luar negara masih didominasi oleh sektor tidak formal iaitu sebesar 71.8 peratus pada tahun 2007 dan

69.9 peratus pada tahun 2010. Permintaan pekerja sektor tidak formal yang terbanyak berasal dari Arab Saudi (56 peratus), diikuti oleh negara-negara lain di Timur Tengah (16 peratus). Kerajaan Indonesia menghentikan sementara penghantaran pekerjanya di dalam sektor tidak formal pada tahun 2010 kerana terdapat kes seperti bekerja tanpa gaji dan penyeleksaan pembantu rumah (PR) Indonesia. Namun, di dalam realiti lapangan kerja yang berbeza, masih ramai PR Indonesia yang dihantar melalui saluran perseorangan ataupun agen-agen. Seterusnya, pekerja tidak formal di negara-negara seperti Taiwan dan Hong Kong mendapat layanan yang lebih baik dan gaji yang tinggi.

Jumlah pekerja Indonesia yang dihantar secara rasmi melalui BNP2TKI biasanya berbeza dengan jumlah pekerja Indonesia yang direkod oleh negara penerima seperti Malaysia. Hal ini berlaku kerana masih ramai pekerja Indonesia yang memilih untuk melakukan migrasi secara perseorangan dan melalui agen-agen pekerja tidak rasmi. Pekerja ladang dari Indonesia menjadi sektor pekerjaan yang dominan di Malaysia. PR Indonesia cenderung menurun setiap tahun kerana banyak kes penderaan seksual dan penganiayaan yang di diperluaskan oleh media di Indonesia. Lebih daripada 80 peratus pekerja Indonesia berkerja di tiga sektor utama iaitu perkebunan, rumah tangga, pembinaan dan perkilangan di Malaysia. Ramai diantara mereka yang bekerja tidak sesuai dengan kontrak, tempat tinggal yang tidak sepatutnya serta waktu kerja dan upah dibawah piawaian. Dibawah ini peratusan pekerja Indonesia mengikut sektor (Jadual 2.16).

Jadual 2.16: Pekerja Indonesia di Malaysia Mengikut Sektor (%)

Tahun	PR	Pembinaan	Pembuatan	Perkhidmatan	Perlادangan	Pertanian	Jumlah (orang)
2006	25.17	19.13	17.97	3.47	26.33	7.94	1,149,666
2007	24.40	18.53	18.41	3.55	25.99	9.11	1,127,202
2008	21.15	16.03	19.76	4.11	26.70	12.25	1,147,866
2009	23.49	20.10	17.06	3.94	25.54	9.88	979,841
2010	23.89	19.09	16.04	3.61	27.07	10.31	792,809
2011	18.29	19.35	17.63	3.17	31.25	10.31	900,529
2012	13.23	21.27	16.24	3.12	35.87	10.27	753,802

Sumber: Immigration Department of Malaysia (2012).

Seterusnya, peranan pekerja Indonesia di luar negara untuk pembangunan di Indonesia adalah kiriman wang dari luar negara (*remittances*). Indonesia merupakan negara penerima kiriman wang terbesar ke tujuh belas di dunia, dengan sebanyak 7.1 billion USD pada tahun 2010 (World Bank, 2011). Jumlah kiriman wang yang dikirim ke Indonesia meningkat secara drastic daripada sebanyak 1.4 bilion USD pada tahun 2003 menjadi 7.1 bilion USD pada tahun 2010 (World Bank, 2011). Berdasarkan data IOM (2010a) pada tahun 2009, jumlah kiriman wang mencecah 6.6 bilion USD dan penghantaran wang dari Malaysia mencapai 2.3 milion USD (35.3 peratus) dan dari Arab Saudi mencapai 2.2 milion USD (33.3 peratus) atau lebih daripada 68 peratus kiriman wang dihantar dari kedua negara tersebut. Negara-negara lain yang menjadi penghantar kiriman wang ke Indonesia adalah Hong Kong (6.6 peratus), Taiwan (6.4 peratus), Singapura (6.4 peratus), Emiriah Arab Bersatu/EAB (2.7 peratus), dan Jepun (2.1 peratus) (IOM, 2010a).

2.2.2 Bangladesh

Hingga akhir tahun 1970 semua urusan pengrekrutan dan penghantaran pekerja ke luar negara masih dilaksanakan oleh kerajaan. Bureau of Manpower, Employment and Training (BMET) ditubuhkan pada tahun 1976 oleh kerajaan dengan tujuan untuk memenuhi keperluan pekerja dalam negeri dan luar negara. Peranan penghantaran pekerja ke luar negara mulai boleh dilakukan oleh pihak swasta pada tahun 1981. Dengan semakin banyaknya agensi-agensi swasta tersebut sehingga terbentuknya Bangladesh Association of International Recruiting Agencies (BAIRA) pada tahun 1984. Pada tahun yang sama kerajaan menubuhkan sebuah syarikat yang berperanan dalam pengiriman pekerja Bangladesh ke luar negara iaitu Bangladesh Overseas Employment and Services Limited (BOESL). Pada tahun 2012, BOESL telah menghantar seramai 38,000 pekerja ke luar negara. Jumlah ini masih dilihat terlalu sedikit atau hanya 6 peratus daripada jumlah mereka yang pergi ke luar negara melalui saluran rasmi pada tahun yang sama (Jadual 2.17). Seterusnya, kira-kira 55-60 peratus daripada pengambilan pekerja dijalankan melalui perseorangan dan persaudaraan (Siddiqui, 2005).

Bangladesh melaksakan larangan migrasi kepada semua kategori pekerja wanita kecuali dari golongan professional pada tahun 1981. Hal tersebut disebabkan kerana bimbang akan keselamatan dan perlindungan pekerja wanita tidak mahir. Larangan kepada migrasi pekerja wanita di khususkan kepada yang tidak mahir dan separuh mahir pada tahun 1987. Pengharaman sekali lagi dikenakan kepada semua kategori pekerja wanita pada tahun 1997. Kerajaan melaksanakan sekatan kepada

atas migrasi pekerja wanita mahir dan separa mahir di bawah 35 tahun pada tahun 2003 (Siddiqui, 2005).

Selepas krisis kewangan Asia, pekerja Bangladesh dilarang masuk ke Malaysia oleh kerajaan Malaysia. Perjanjian semula antara Bangladesh dan Malaysia berjaya dibuat kerana Malaysia merupakan negara yang memerlukan pekerja asal Bangladesh. Kerajaan Bangladesh menandatangani memorandum persefahaman dengan Malaysia untuk pertama kali pada tahun 2003. Perjanjian tersebut menyatakan bilangan jumlah pekerja yang akan digunakan, tempoh waktu, hak-hak pekerja seperti skala gaji, perlindungan sosial dan kebebasan mendirikan persatuan pekerja (Siddiqui, 2005).

Bangladesh mulai mengambil bahagian dalam pasaran pekerja antarabangsa pada pertengahan 1970-an untuk lebih dari 140 negara (Mamun & Nath, 2010). Bangladesh telah menghantar lebih daripada 8.3 juta pekerja untuk tempoh 1976-2012. Arab Saudi mendominasi sebagai negara tujuan terbesar pekerja asal Bangladesh sejak tahun 1976. Emiriah Arab Bersatu (EAB) dan Malaysia mulai bersaing sebagai negara dominan penerima pekerja asal Bangladesh pada tahun 2006 hingga tahun 2008. Pekerja asal Bangladesh di Malaysia menurun secara drastik sejak tahun 2009 kerana ada had pengambilan pekerja asal Bangladesh. Dibawah ini negara-negara tujuan migrasi pekerja asal Bangladesh dan jumlah kiriman wang (Jadual 2.17).

Jadual 2.17: Pekerja Bangladesh di Luar Negara dan Kiriman Wang

Tahun	Negara Penerima Pekerja asal Bangladesh							Kiriman wang (Juta USD)
	Arab Saudi	EAB	Kuwait	Oman	Malaysia	Lain-lain	Jumlah	
1976	217	1,989	643	113		3,125	6,087	23.71
1980	8,695	4,847	3,687	4,745	3	8,096	30,073	301.33
1990	57,486	8,307	5,957	13,980	1,385	16,699	103,814	781.54
2000	144,618	34,034	594	5,258	17,237	20,945	222,686	1,954.95
2005	80,425	61,978	47,029	4,827	2,911	55,442	252,612	4,249.87
2006	109,513	130,204	35,775	8,082	20,469	77,473	381,516	5,484.08
2007	204,112	226,392	4,212	17,478	273,201	107,214	832,609	6,562.71
2008	132,124	419,355	319	52,896	131,762	138,599	875,055	8,979.00
2009	14,666	258,348	10	41,704	12,402	148,148	475,278	10,717.73
2010	7,069	203,308	48	42,641	919	136,717	390,702	11,004.73
2011	15,039	282,739	29	135,265	742	134,248	568,062	12,168.09
2012	21,232	215,452	2	170,326	804	199,982	607,798	14,176.91
Jumlah	2,616,469	2,288,982	479,650	708,756	701,201	1,436,829	8,307,659	105,018.52
Jumlah (%)	31.5	27.6	5.8	8.5	8.4	17.3	100	

Sumber: BMET (2012).

Jadual 2.18 menunjukkan selama 1976-2012, pekerja Bangladesh di luar negara didominasi oleh kategori kurang mahir dan mahir. Sumbangan pekerja profesional di luar negara semakin menurun, hal ini mungkin disebabkan ramai diantara mereka yang pergi ke luar negara atas inisiatif sendiri. Pada tahun 2010 dan 2012, pekerja kurang mahir telah meningkat menjadi 71 peratus dan 62 peratus. Pekerja kurang mahir yang banyak dihantar, menjadi tugas utama BMET untuk melatih pekerja mereka agar boleh memasuki pasar kerja yang mahir.

Jadual 2.18: Pekerja Bangladesh di Luar Negara Mengikut Sektor (%)

Years	Profesional	Mahir	Separuh-Mahir	Kurang Mahir
1976	9.3	29.2	8.9	52.6
1977	11.2	41.0	3.1	44.7
1978	15.1	35.9	4.6	44.3
1979	14.3	28.6	6.9	50.3
1980	6.6	40.6	7.8	45.0
<hr/>				
1990	5.8	34.3	20.0	39.9
<hr/>				
2000	4.8	44.7	11.9	38.6
<hr/>				
2005	0.8	45.0	9.7	44.6
<hr/>				
2010	0.1	23.2	5.1	71.6
2011	0.2	40.3	5.1	54.4
2012	0.1	34.4	3.4	62.0

Sumber: BMET (2012).

Jadual 2.19 menunjukkan pekerja asal Bangladesh di Malaysia didominasi oleh sektor pengilangan dan pembinaan. Sektor-sektor ini menyumbang lebih daripada 70 peratus jumlah pekerja asal Bangladesh di Malaysia kecuali pada tahun 2010. Jumlah pekerja yang besar di kedua sektor tersebut disebabkan oleh pekerja lelaki yang lebih ramai daripada pekerja perempuan akibat peraturan kerajaan Bangladesh mengenakan larangan dan menghadkan pekerja wanita di luar negara. Jumlah pekerja di sektor PR dari Bangladesh di Malaysia tidak kentara kerana di dominasi oleh PR asal Indonesia dan Filipina. Sektor perkhidmatan dan perlادangan menjadi sektor pilihan ketiga dan kempat.

Jadual 2.19: Pekerja Bangladesh di Malaysia Mengikut Sektor (%)

Tahun	PR	Pembinaan	Pengilangan	Perkhidmatan	Perlادangan	Pertanian	Jumlah (orang)
2006	0.02	16.47	65.93	7.19	2.26	8.14	69,510
2007	0.01	18.30	60.14	9.34	7.06	5.15	258,916
2008	0.01	20.40	55.12	9.02	9.57	5.89	301,765
2009	0.01	20.44	54.49	9.06	10.05	5.96	319,020
2010	0.02	15.75	45.18	6.89	6.41	25.76	319,475
2011	0.02	20.58	54.39	8.05	11.07	5.89	238,155
2012	0.03	20.37	55.71	8.09	9.89	5.91	133,710

Sumber: Immigration Department of Malaysia (2012).

Migrasi antarabangsa memainkan peranan penting dalam perekonomian nasional Bangladesh. Hal ini disebabkan oleh migrasi serta dapat mengurangkan pengangguran dan meningkatkan aliran pengiriman wang. Bangladesh adalah negara ke ketujuh sebagai penerima kiriman wang terbesar di dunia (World Bank, 2011). Sebahagian besar kiriman wang datang daripada pekerja yang bekerja di negara-negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, EAB dan Kuwait (Mamun & Nath 2010). Kiriman wang merupakan salah satu pendorong pertumbuhan ekonomi Bangladesh. Jika tidak disebabkan kiriman wang, Bangladesh akan mengalami defisit imbalan kewangan negara (Azad, 2003). Kiriman wang yang diterima oleh Bangladesh daripada pekerja mereka di luar negara meningkat secara drastik daripada sebanyak 23 juta USD pada tahun 1976 menjadi lebih daripada 14.1 billion USD pada tahun 2012 (Jadual 2.17).

2.2.3 Filipina

Perekrutan pekerja Filipina di luar negara secara besar-besaran bermula pada awal 1970 ketika pasaran pekerja asing dibuka di Timur Tengah. Filipina adalah salah satu negara pertama yang menyahut tawaran tersebut. Kerajaan Filipina sangat fokus di dalam menguruskan pekerja mereka yang akan di hantar ke luar negara. *Medium Term Philippine Development Plan* pada tahun 2008-2010 menyatakan bahawa sebagai bahagian daripada rangka kerja strategik, kerajaan akan terus menghantar satu juta pekerja Filipina ke luar negara dalam setahun. Penghantaran pekerja Filipina dianggap sebagai penyelesaian kepada peluang-peluang pekerjaan yang terhad di dalam negara dan juga sebagai satu cara untuk mengurangkan kemiskinan.

Dua lembaga yang bertanggungjawab di dalam pengumpulan data dan mengurus pekerja asal Filipina di luar negara iaitu Commision Filipino Overseas (CFO) dan The Phillipines Overseas Employment Administration (POEA). CFO ditubuhkan pada tahun 1980 bertujuan mempromosi dan meningkatkan nama baik pekerja Filipina. Seterusnya, POEA ditubuhkan pada tahun 1982 bertujuan untuk mempromosikan pekerja Filipina dan melindungi mereka selama proses perekrutan, penghantaran, bekerja di luar negara dan kembali ke Filipina. Pada tahun 2007, khusus pembantu rumah tangga Filipina yang akan bekerja di luar negara diwajibkan untuk mendapatkan latihan sebelum berlepas dan memperoleh gaji minimum sebanyak 400 USD sebulan (Martin, 2009).

Jadual 2.20: Pekerja Filipina di Luar Negara (Ribuan)

Years	<i>Arab Saudi</i>	<i>EAB</i>	<i>Hong Kong</i>	<i>Qatar</i>	<i>Singapura</i>	<i>Kuwait</i>	<i>Taiwan</i>	<i>Malaysia</i>	<i>Lain-lain</i>	<i>Jumlah</i>
1998	193.6	35.4	122.3	10.7	23,1	17,3	87,3	7,1	141,0	638,3
1999	198.5	39.6	114.7	7.9	21,8	17,6	84,1	5,9	149,8	640,3
2000	184.7	43.0	121.7	8.6	22.8	21.4	51.1	5.4	184.1	643.3
2001	190.7	44.6	113.5	10.7	26.3	21.9	38.3	6.2	209.1	661.6
2002	193.1	50.7	105.0	11.5	27.6	25.8	46.3	9.3	211.9	681.7
2003	169.0	49.1	84.6	14.3	24.7	26.2	45.1	7.8	230.4	651.6
2004	188.1	68.3	87.2	21.3	22.1	36.5	45.0	6.3	235.6	704.5
2005	194.3	82.0	98.6	31.4	28.1	40.3	46.7	6.5	218.6	740.3
2006	223.4	99.2	96.9	45.7	28.3	47.9	39.0	5.7	207.4	788.0
2007	238.4	120.6	59.1	56.2	49.4	37.0	37.1	9.7	212.9	811.0
2008	275.9	193.8	78.3	84.3	41.6	38.9	38.5	6.0	222.8	974.3
2009	291.4	196.8	100.1	89.2	54.4	45.9	33.7	7.2	280.4	1,092.1
2010	293.0	201.2	101.3	87.8	70.2	53.0	36.8	9.8	280.1	1,123.6
Jumlah	2,834.6	1,224.8	1,284.0	480.2	441.0	430.2	629.6	93.4	2,784.5	10,151.2
Jumlah	27.92	12.07	12.65	4.73	4.34	4.24	6.20	0.92	27.43	100

Sumber: POEA (2010).

Pada jadual 2.20, penghantaran pekerja Filipina di seluruh dunia terus meningkat daripada tahun 1998 hingga 2010. Saudi Arabia menjadi negara tujuan utama penghantaran pekerja asal Filipina. Hong Kong sebagai negara sasaran nombor dua mulai digantikan oleh EAB mulai tahun 2006 hingga 2010. Negara-negara Timur Tengah yang lain seperti Qatar, Kuwait dan Bahrain juga mendominasi sebagai negara tujuan pekerja Filipina. Seterusnya, kehadiran pekerja asal Filipina di Malaysia agak kecil jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Kebanyakkan pekerja asal Filipina di luar negara dari selatan Filipina bermigrasi ke Sabah (Malaysia Timur) kerana berdekatan dengan wilayah dan persamaan agama. Sebahagian besar mereka masuk ke Sabah dengan menggunakan kapal dan mereka tinggal melebihi tempoh dan bekerja secara haram.

Jadual 2.21: Pekerja Filipina di Luar Negara Mengikut Sektor (%)

Years	Profesional & Pengurusan	Perkhidmatan	Pertanian	Pengilangan	Jumlah
2004	35.50	41.66	0.22	22.61	281,762
2005	24.61	48.95	0.12	26.31	284,285
2006	16.22	49.90	0.26	33.62	308,122
2007	18.94	41.02	0.31	39.73	306,383
2008	20.48	40.01	0.40	39.11	338,266
2009	19.47	44.68	0.41	35.45	331,752
2010	15.86	48.35	0.33	35.46	340,279

Sumber: POEA (2010).

Jadual 2.21 menunjukkan pekerja Filipina di luar negara didominasi oleh sektor perkhidmatan. Penghantaran pekerja asal Filipina di luar negara di sektor profesional menunjukkan penurunan bermula daripada 35 peratus pada tahun 2004 menjadi 15 peratus pada tahun 2010. Sumbangan sektor pengilangan meningkat mulai daripada 22 peratus pada tahun 2004 menjadi 35 peratus pada tahun 2010. Sumbangan pekerja Filipina yang bekerja di sektor pertanian agak sedikit kerana ramai pekerja Filipina bekerja di sektor perkhidmatan dan industri terutama di Timur Tengah dan Taiwan. Menurut data CFO (2011) terdapat lebih daripada 47 peratus pekerja Filipina di luar negara yang menjadi pekerja tetap, 45 peratus adalah pekerja sementara dan selebihnya sebagai pekerja haram.

Jadual 2.22: Pekerja Filipina di Malaysia Mengikut Sektor (%)

Tahun	PR	Pembinaan	Pengilangan	Perkhidmatan	Perlادangan	Pertanian	Jumlah
2006	46.45	8.13	11.53	10.05	23.73	0.11	21,620
2007	40.45	7.12	11.10	14.17	15.94	11.22	25,657
2008	38.67	7.72	10.57	16.97	14.44	11.64	27,673
2009	41.03	7.11	10.32	14.87	15.06	11.62	24,384
2010	42.07	9.44	8.89	12.84	11.55	15.21	35,338
2011	41.12	10.43	9.36	9.83	11.95	17.31	48,589
2012	55.06	10.13	8.22	7.20	8.19	11.20	45,500

Sumber: Immigration Department of Malaysia (2012).

Jadual 2.22 menunjukkan pekerja asal Filipina di Malaysia didominasi oleh PR. Sektor ini menyumbang lebih daripada 50 peratus jumlah pekerja asal Filipina di Malaysia pada tahun 2012. PR asal Filipina dikenali sebagai pekerja mahir dan telah mendapat latihan dan membolehkan tuntutan gaji lebih tinggi dibanding PR asal Indonesia dan negara lain. Sektor perladangan merupakan sektor kedua terbesar pekerja Filipina bekerja di Malaysia pada tahun 2006. Pekerja asal Filipina di sektor tersebut turun menjadi 8 peratus pada tahun 2012. Sementara peningkatan pekerja Filipina di luar negara cukup tinggi di dalam sektor pertanian dan menyumbang sebanyak 0.1 peratus pada tahun 2006 menjadi 11.2 peratus pada tahun 2012.

Jumlah kiriman wang dari pekerja asal Filipina di seluruh dunia ke negara Filipina sendiri merupakan keempat terbesar di dunia setelah India, Cina dan Mexico (World Bank, 2011). Jumlah penerimaan kiriman wang pada tahun 2010 adalah 21.3 bilion USD (Bank Dunia, 2011). Penerimaan kiriman wang dari Malaysia adalah 124 juta USD atau hanya 0.6 peratus daripada jumlah kiriman wang Filipina (Bangko Sentral ng Pilipinas/BSP, 2012). Penerimaan kiriman wang dari Malaysia agak kecil berbanding dengan penerimaan wang dari negara-negara lain, hal ini terjadi kerana

jumlah pekerja Filipina di Malaysia tidak terlalu ramai. Negara sumber utama kiriman wang ke Filipina adalah AS, Kanada dan Arab Saudi (POEA, 2010).

2.2.4 Malaysia

Fasa pertama penggunaan pekerja asing secara rasmi di Malaysia bermula pada tahun 1970an ketika struktur ekonomi beralih dari sektor pertanian ke sektor industri. Hal tersebut menyebabkan sektor pertanian mengalami kekurangan pekerja kerana penduduk tempatan yang berpindah ke bandar. Jumlah pekerja asing semakin meningkat ketika Dasar Ekonomi Baru atau *New Economic Policy* (NEP) mulai diperkenalkan oleh kerajaan, yang menunjukkan sektor pembinaan dan pengilangan semakin memberangsangkan dengan kadar upah yang tinggi. Fasa kedua berkenaan dengan pertumbuhan yang tinggi berterusan hingga akhir 1980-an. Keperluan pekerja asing semakin meningkat di ikuti dengan munculnya pelbagai persoalan pekerja asing. Fasa ketiga adalah tempoh selepas krisis ekonomi 1997, yang menunjukkan kemasukan pekerja asing dikawal ketat dan hukuman berat bagi pekerja haram (Kanapathy, 2004).

Negara pertama yang menghantar pekerja asing ke Malaysia secara rasmi adalah Indonesia untuk sektor pertanian, perladangan dan PR pada tahun 1984. Beberapa tahun kemudian diikuti dengan menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) antara Malaysia dan Filipina untuk PR dan pekerja dari Bangladesh dan Thailand untuk sektor perladangan dan pembinaan. Pada tahun 1992, sektor perkilangan dan perkhidmatan dibuka untuk pekerja asing dari

Indonesia, Thailand, Filipina, Bangladesh dan Pakistan. Pada akhir 1991, kerajaan mengawal kebanjiran pekerja asing dengan melakukan operasi penangkapan untuk menghentikan imigran haram (Ops Nyah I) dan untuk menyingkirkan imigran haram (Ops Nyah II)

Pada fasa ketiga, kerajaan Malaysia mulai mengetatkan kehadiran pekerja asing di Malaysia dengan pelbagai peraturan dan akta yang selektif. Hal ini disebabkan kebimbangan terhadap pengaruh pekerja asing yang mulai menunjukkan kesan negatif seperti jenayah, kesan sosial dan tunjuk perasaan. Pekerja asing di Malaysia yang mempunyai banyak kes adalah pekerja asal Indonesia dan Bangladesh. Hal ini disebabkan jumlahnya yang ramai, tahap pendidikan yang rendah, tidak mahir dan masuk secara haram. Hal ini menyebabkan Kerajaan Malaysia beberapa kali menghentikan sementara penerimaan pekerja asal kedua negara tersebut dan menyebabkan hubungan diplomatik sedikit terganggu. Dibawah ini adalah kronologi kes dan peraturan yang berkaitan dengan pekerja asing di Malaysia (jadual 2.23).

Jadual 2.23: Kronologi Kes dan Peraturan Pekerja Asing di Malaysia

Tahun	Kes
1990	Pengharaman pekerja asal Indonesia
1993- 1994	Pengharaman pekerja tidak mahir dan separuh-mahir untuk semua sektor kecuali industri.
1997	Pengharaman pengambilan pekerja asing baru kerana krisis ekonomi Asia.
1998	Pengharaman pengambilan pekerja asing dihentikan .
2001	Pengharaman pekerja asal Bangladesh kerana bergaduh dengan penduduk tempatan.
2003	Pengharaman pekerja asal Indonesia di sektor pembuatan dan pembinaan dihentikan.
2007	Pengharaman pekerja asal Bangladesh kerana pelbagai masalah yang timbul daripada agen
2009	Pengharaman pengambilan pekerja asing hanya di beberapa jenis industri tertentu.
Tahun	Peraturan
2005	Pekerja asing diwajibkan mengikuti kelas bahasa Melayu dan budaya Malaysia
2005	Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) diberikan kuasa untuk menangkap pekerja yang tidak sah
2008	Pekerja asing yang tidak mahir tidak boleh bekerja lebih dari lima tahun.
2009	Pembayaran levi seharusnya ditanggung oleh majikan
2010	Pekerja asing diwajibkan untuk membayar insuran kesihatan

Sumber: Devadason dan Meng (2010).

Untuk merekod dan mengurangkan pekerja asing di Malaysia yang tinggal lebih dari tempoh waktu dan bekerja secara tidak sah, kerajaan Malaysia melancarkan program 6P (Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan, dan Pengusiran) pada tarikh 1 Ogos 2011 dan berakhir pada 31 Ogos 2011. Program ini mewajibkan pekerja asing yang masuk secara haram atau majikan yang menggajikan mereka untuk berdaftar ke Jabatan Imigrasi. Pekerja yang mempunyai dokumen lengkap atau sah dapat terus bekerja di Malaysia. Sementara mereka yang masuk secara haram dapat memilih untuk dapat terus bekerja dengan melengkapkan dokumen yang diperlukan atau kembali ke negara asal. Bagi mereka

yang melanggar akta di Malaysia akan dikenakan tindakan hukuman sebelum dipulangkan.

Jadual 2.24: Sektor Pekerjaan dan Bayaran Levi (RM)

Sektor	1991			1995	1998	1999	2005		2013
	Am	Separ-	Mahir				Tidak	Mahir	
Pengilangan	420	600	900	1200	1500	1200	1200	960	1,250
Pembinaan	420	600	900	1200	1500	1200	1200	960	1,250
Perladangan				-	360	-	540		590
Pertanian	360	540	720						410
Perkhidmatan:	360	540	720	720	1500	1200	1800	1440	
<i>Masak</i>									1,850
<i>Hotel</i>									1,250
<i>Lainnya</i>									1,850

Sumber: Ministry of Home Affair (2010) dan Deveadson dan Meng (2010).

Jadual 2.24 menunjukkan bayaran retribusi pekerja asing tahunan (Levi), bertujuan untuk mengawal jumlah pekerja asing yang ramai di Malaysia. Bayaran levy terus meningkat dari tahun ke tahun. Bayaran levy meningkat secara mendadak terutamanya untuk sektor pembinaan, perkilangan dan perkhidmatan. Dalam beberapa kes, bayaran levi tersebut selalunya lebih tinggi daripada yang ditetapkan hingga membebankan pekerja. Kerajaan Malaysia telah membuat beberapa peraturan yang membenarkan pekerja asing dari negara-negara tertentu untuk bekerja di sektor-sektor tertentu di Malaysia. Sebagai contoh, pekerja lelaki asal Indonesia tidak boleh bekerja di sektor perkilangan. Para pekerja perempuan Filipina tidak dibenarkan untuk bekerja di semua sektor. Pekerja India hanya dibenarkan bekerja di sektor perkhidmatan (restoran), pembinaan (kabel tegangan tinggi), pertanian dan

perladangan. Namun, penetapan peraturan diatas sangat sukar dilakukan kerana pemantauan yang lemah.

Jadual 2.25: Pekerja Asing di Malaysia Mengikut Negara Asal (%)

Negara	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
Indonesia	62.92	54.57	55.16	51.71	43.61	47.8	47.53
Bangladesh	3.8	12.54	14.5	16.63	17.57	12.64	8.43
Filipina	1.18	1.24	1.33	1.27	1.94	2.58	2.87
Nepal	11.36	10.54	9.29	9.52	13.83	14.81	19.41
Myanmar	5.64	5.93	6.66	7.28	8.83	8.47	8.21
India	7.43	6.83	6.03	6.38	5.23	4.96	5.95
Lain	7.66	8.36	7.01	7.18	8.97	8.74	7.59
Jumlah (%)	100	100	100	100	100	100	100
Jumlah	1,827,234	2,065,503	2,081,011	1,918,146	1,817,871	1,884,098	1,585,869

Sumber: Immigration Department of Malaysia (2012).

Jadual 2.25 menunjukkan pekerja asing di Malaysia sebahagian besar merupakan pekerja asal Indonesia, namun trend menunjukkan penurunan antara tahun 2006-2012. Penurunan ini disebabkan kerana faktor dalaman dan luaran seperti krisis ekonomi, polisi khusus dan beberapa isu politik antara kedua negara. Pekerja asing asal Bangladesh berada di posisi kedua sebelum digantikan oleh Nepal sebagai pekerja asing kedua teramai di Malaysia. Jumlah pekerja asing yang terdaftar adalah kira-kira 1.5 juta pada tahun 2012 dan menurun seramai 300 ribu orang pada tahun 2011. Pekerja asing asal Filipina agak sedikit jumlahnya berbanding pekerja asal negara lain. Hal tersebut disebabkan tuntutan gaji yang lebih tinggi dari pekerja asal Filipina berbanding pekerja asing dari negara lainnya.

Jadual 2.26: Pekerja Asing di Malaysia Mengikut Sektor (%)

Sektor	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
PR	16.71	14.22	12.71	13.10	13.59	12.03	9.00
Pengilangan	34.41	37.11	35.29	34.60	37.01	38.04	38.44
Perladangan	25.10	24.48	27.99	26.06	27.38	27.38	29.30
Pembinaan	14.92	14.45	13.68	15.62	12.93	13.98	14.41
Perkhidmatan	8.86	9.74	10.33	10.62	9.09	8.57	8.85
Jumlah (%)	100	100	100	100	100	100	100
Jumlah	1,827,234	2,065,503	2,081,011	1,918,146	1,817,871	1,884,098	1,585,869

Sumber: Immigration Department of Malaysia (2012).

Jadual 2.26 menunjukkan jumlah terbesar pekerja asing di Malaysia adalah di sektor perkilangan dan diikuti oleh sektor perladangan dan pembinaan. Ketiga sektor tersebut adalah jenis pekerjaan yang di tinggalkan oleh penduduk tempatan terutamanya generasi muda memilih untuk bekerja di bandar dan bekerja di pejabat. Sumbangan sektor PR menurun secara mendadak daripada 16 peratus pada tahun 2006 menjadi 9 peratus pada tahun 2012. Hal tersebut disebabkan beberapa kes yang dialami oleh PR terutama pekerja asal Indonesia, seperti masalah gaji dan penganiayaan. Pekerja asing dengan kadar gaji yang murah masih memainkan peranan penting terutama di sektor perkilangan dan perladangan kerana banyak pelaburan dan projek yang akan dijalankan kerajaan di dalam beberapa tahun hadapan.

2.4 Kesimpulan

Secara amnya, keadaan ekonomi negara penghantar pekerja seperti, Indonesia, Bangladesh dan Filipina masih ketinggalan berbanding keadaan ekonomi di Malaysia. Keadaan ini menyebabkan pekerja asal dari ketiga negara memilih

untuk bermigrasi terutama ke Malaysia. Seterusnya, arus migrasi pekerja asing di Malaysia telah berlangsung sejak sekian lama, bahkan sejak era sebelum kemerdekaan. Bagaimanapun, kerajaan Malaysia masih belum berjaya mengambil peluang untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

BAB 3

ULASAN KARYA TERPILIH

3.1 Pendahuluan

Hubungan antara pekerja asing dan KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran adalah salah satu penyelidikan yang menarik dan banyak kajian di dalam karya ekonomi. Bab ini membincangkan beberapa hasil kajian dalam karya ekonomi yang terdiri daripada model migrasi dan penemuan empirikal sebagai rujukan dan garis panduan bagi penyelidikan ini. Bab ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu teori migrasi dan kajian-kajian empirikal mengenai hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

3.2 Teori Migrasi

3.2.1 Faktor Pendorong dan Faktor Penarik

Ravenstein (seperti yang dipetik dari Velázquez, 2000) menyatakan bahawa keputusan rasional individu melakukan migrasi adalah pengiraan kos dan faedah. Daripada hipotesis pengiraan kos dan faedah ini selanjutnya diterangkan oleh Ravenstein sebagai faktor-faktor ekonomi penyebab migrasi, iaitu faktor pendorong (*push factor*) dan faktor penarik (*pull factor*). Faktor penarik iaitu upah yang lebih tinggi, peluang pekerjaan dan kemudahan yang lebih baik dari negara penerima. Sedangkan faktor pendorong adalah upah yang lebih rendah, kadar pengangguran

yang tinggi, pertumbuhan ekonomi yang lambat dan kemiskinan yang tinggi di negara asal pekerja. Secara am, di negara-negara sedang membangun dan pekerja berkemahiran rendah lebih dipengaruhi oleh faktor pendorong dari negara asal sedangkan faktor penarik lebih berpengaruh kepada negara-negara maju dan pekerja mahir atau professional.

Menurut Martin (2009), punca awal daripada penyebab migrasi adalah adanya faktor penarik seperti permintaan tenaga kerja dan hubungan migrasi tradisional dari negara tujuan sedangkan faktor pendorong dari negara asal seperti pengangguran, rendahnya upah dan terjadinya perang. Seterusnya, teori *dual labour market* menyatakan bahawa keputusan yang dibuat oleh individu untuk permulaan migrasi adalah disebabkan kerana faktor penarik yang kuat dari negara penerima (*pull factors*) jika dibandingkan dengan faktor pendorong dari negara asal (*push factors*) (Massey et al., 1993; Piore, 1979).

Selanjutnya menurut Martin (2009) dan Massey et al. (1993), teori jaringan (*networks theory*) dan teori institusi (*institutional theory*) adalah teori-teori yang menjelaskan kesinambungan migrasi antarabangsa. Teori ini cuba menjelaskan mengapa arus migrasi antarabangsa tetap berterusan walaupun tiada perbezaan upah dan perbezaan pengangguran. Amnya, punca awal daripada sebab migrasi adalah adanya faktor pendorong dan faktor penarik. Namun, jika migrasi telah berlangsung dalam jangka masa waktu yang panjang, maka jaringan migrasi akan mengambil peranan yang penting dalam migrasi.

1.2.2 Faktor Perbezaan (Model Graviti)

Teori neoklasik (*neoclassical theory*) memberi tumpuan kepada perbezaan dalam upah sedangkan teori Keynesian memberi tumpuan kepada perbezaan keadaan pasar kerja antara dua negara sebagai penyebab permulaan migrasi antarabangsa (Jenissen, 2002, 2003; Massey et al., 1993, Oberg, 1995). Teori ini menganggap orang akan bermigrasi dari kawasan-kawasan yang mempunyai lebihan penawaran buruh dan pendapatan per kapita yang rendah ke tempat-tempat yang kekurangan buruh dan gaji yang tinggi. Migrasi antarabangsa seperti halnya perdagangan antarabangsa juga didorong oleh kuasa penarik antara negara asal pekerja dan negara tujuan. Model graviti migrasi menunjukkan bahawa kuasa penarik antara negara asal dan negara tujuan adalah perbezaan upah antara kedua negara serta perbezaan jumlah penduduk (Lewer & Van De Berg, 2008).

3.2.3 Teori Perdagangan dan Migrasi

Teori *factor price equalization* menyatakan bahawa harga faktor pengeluaran seperti kadar upah yang setimpal memberi kesan terhadap perdagangan antarabangsa (Carbought, 2007; Samuelson, 1948). Menurut teori ini, perdagangan antarabangsa menyebabkan pengeluaran kedua negara meningkat dan upah dari pekerjaan yang sama antara dua negara cenderung mendekati satu sama lain sehingga menyebabkan migrasi antarabangsa akan berkurangan (Carbought, 2007; Samuelson, 1948). Teori klasik Heckscher-Ohlin (HO) mengenai migrasi dan perdagangan adalah bersifat pengganti (*substitution*), dimana halangan perdagangan akan meningkatkan migrasi

dan keterbukaaan perdagangan akan mengurangkan migrasi (Mundell, 1957; Razin & Sadka, 1992; Schiff, 2006).

Teori moden mengenai hubungan antara perdagangan dan migrasi menyatakan bahawa hubungan keduanya bersifat pelengkap (*complementary*) di dalam jangka masa pendek atau jangka masa menengah, ketika ada perbezaan teknologi antara dua negara (Carbought, 2007; Markusen, 1983; Razin & Sadka, 1992). Teori perdagangan antarabangsa meningkatkan bilangan migrasi pekerja mahir ke luar negara di mana barang tersebut di hasilkan. Adanya hubungan perdagangan antara dua negara, dapat mengukuhkan jaringan migrasi pekerja. Teori ini mengambil kira pelbagai sumber keunggulan perbandingan, seperti teknologi, termasuk pajak, skala ekonomi, persaingan tidak sempurna (monopoli, oligopoli dan persaingan monopolistik) dan gangguan pasaran yang menyebabkan keseimbangan teori HO sukar terjadi (Schiff, 2006). Penggunaan teknologi dapat meningkatkan lebih banyak pengeluaran dan juga meningkatkan permintaan pekerja serta meningkatnya kadar upah dan migrasi.

3.3 Model Migrasi

Penyelidikan penentu migrasi dengan menggunakan teori faktor pendorong (pendapatan dan pengangguran) dari negara asal dilakukan oleh beberapa penyelidik dengan hasil yang pelbagai. Kepelbagaian hasil tersebut ditunjukan dengan kesan positif pendapatan terhadap migrasi (Agbola & Acupan, 2008; Aldaba, 2000; Beine, Docquier & Schiff, 2008; Jennisen, 2003; Mayda, 2009; Melkumian, 2004) dan

kesan negatif pendapatan terhadap migrasi (Ahmad et al., 2008; Karemera et al., 2000). Pengangguran juga memberi kesan yang pelbagai terhadap migrasi iaitu kesan positif (Agbola & Acupan, 2008; Ahmad et al, 2008; Akkoynlu, 2009; Karemera et al, 2000, Melkumian, 2004) dan kesan negatif (Beine et al., 2008; Jennisen, 2003).

Teori graviti telah banyak di adopsi oleh beberapa penyelidikan terdahulu dengan beberapa pendekatan yang berbeza dalam definisi penggunaan pembolehubah pendapatan dan pengangguran sebagai faktor penentu migrasi. Model graviti yang diguna pakai oleh Lewer dan Van De Berg (2008) menggunakan perbezaan ratio pendapatan dan penduduk antar negara, Melkumian (2004) menggunakan pendapatan dan jumlah penduduk dari negara asal dan negara tujuan secara terpisah serta Simson dan Sparber (2010) yang menggunakan perbezaan tren dan fluktuasi pendapatan antar negara asal dan tujuan. Penyelidikan ini menggunakan teori graviti dengan pendekatan perbezaan pendapatan dan pengangguran yang diguna pakai oleh Aldaba (2000), Jenissen (2002) dan Narayan dan Smyth (2003). Dengan demikian model graviti pada penyelidikan ini iaitu perbezaan pendapatan adalah pendapatan negara tujuan ditolak pendapatan negara asal dan perbezaan pengangguran adalah pengangguran negara asal ditolak pengangguran negara tujuan.

Penyelidikan ini menggunakan dua model teori iaitu faktor pendorong dan graviti. Model graviti yang digunakan boleh memperkuat keputusan yang diperoleh dari model faktor pendorong yang hanya menggunakan faktor penentu migrasi dari negara asal. Kesan positif perbezaan pendapatan antara negara asal dan negara tujuan

boleh menjadi alasan mengapa faktor pendorong seperti pendapatan yang meningkat menyebabkan migrasi bertambah. Penyelidikan terdahulu menggunakan kedua model secara terpisah sehingga terdapat *gap* penyelidikan yang menggabungkan model faktor pendorong dan graviti.

Model graviti yang lebih popular digunakan dalam penyelidikan perdagangan juga digunakan untuk menguji kesan perdagangan terhadap migrasi. Daripada penyelidikan hubungan perdagangan dan migrasi yang lepas menunjukkan lebih banyak kesan positif ekspor terhadap migrasi (Akkoyunlu, 2009; Aldaba, 2000; Bowen & Wu, 2004; Campaniello, 2012). Dengan menggunakan pendekatan model faktor pendorong dan graviti, penyelidikan ini menggunakan keterbukaan perdagangan (*trade openness*) dan imbangan perdagangan (*trade balance*) sebagai faktor yang mempengaruhi migrasi sebagaimana penyelidikan yang dilakukan oleh Aguiar et al, (2007), Akkoyunlu (2009), Aldaba (2000), Bruder (2004), Del Rio dan Thorwarth (2006), Globerman (2000), Meschi, Taymaz dan Vivarelli (2008).

3.4 Bukti Empirikal

Bahagian ini menjelaskan hasil penemuan empirikal daripada sebahagian besar penyelidikan mengenai migrasi yang di bahagi menjadi tiga kategori, iaitu; 1) migrasi dan pendapatan, 2) migrasi dan perdagangan, dan 3) migrasi dan pengangguran. Hasil penemuan tersebut adalah sebagai berikut:

3.4.1 Migrasi dan Pendapatan

Aguiar et al. (2007) mendapati bahawa pendapatan di negara-negara asal mempunyai kesan positif pada migrasi ke AS tetapi tidak signifikan. Hasil ini kelihatan tidak selaras dengan teori yang menyatakan bahawa pendapatan yang tinggi di negara asal akan mengurangkan arus migrasi. Menurut penyelidik, penyelidikan ini menggunakan data pekerja asing yang sah sehingga pendapatan adalah bukan alasan utama migrasi. Sebaliknya, penyelidik berpendapat bahawa pendapatan tinggi di negara asal akan mengurangkan migrasi apabila data yang digunakan adalah pekerja asing yang haram. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa pengaruh positif pendapatan yang lebih tinggi dan migrasi menggambarkan kemampuan seseorang untuk membiayai kos migrasi yang tinggi.

Agbola dan Acupan (2008) mendapati kesan positif daripada pendapatan asal kepada migrasi di Filipina tetapi tidak signifikan. Meskipun tidak signifikan tetapi keanjalan yang besar menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi kelihatan sensitif di dalam menggalakkan migrasi. Fenomena ini menunjukkan bahawa pekerja dengan pendapatan yang tinggi mempunyai kecenderungan yang lebih tinggi untuk bermigrasi kerana mereka lebih mampu untuk membayar kos migrasi antarabangsa berbanding dengan pekerja migran yang mempunyai pendapatan rendah. Seterusnya, lingkungan pendapatan menunjukkan kecenderungan untuk berbalik arah atau U terbalik (*inverted U-sharpes*). Hal ini menunjukkan bahawa pendapatan hanya menyebabkan migrasi dalam jangka masa pendek. Migrasi menjadi semakin berkurangan apabila pendapatan di dalam negara terus meningkat di dalam jangka

masa panjang.

Jennissen (2003) melakukan penyelidikan faktor-faktor penentu makro ekonomi kepada migrasi antarabangsa di Eropah Barat pada tahun 1960-1998 dengan menggunakan model graviti. Negara-negara asal pengeksport pekerja yang diteliti adalah Finland, Greece, Republik Ireland dan Sepanyol. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa KDNK per kapita negara asal (Sepanyol dan Greece) mempunyai kesan positif dan signifikan kepada migrasi antarabangsa dari negara tersebut. Sedangkan penyelidikan untuk negara Finland dan Republik Ireland menemui bahawa semakin tinggi perbezaan KDNK per kapita antara negara asal dan negara penerima menyebabkan berlaku migrasi tinggi di Finland dan Republik Ireland.

Jennissen (2002) menyelidik pengaruh faktor sosial-ekonomi pada migrasi antarabangsa pekerja kemahiran rendah dari Portugal ke Switzerland dan pekerja kemahiran tinggi dari Sweden ke Norway pada tahun 1985-1999 dengan menggunakan data siri masa dan model graviti. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan perbezaan antara KDNK perkapita negara asal dan KDNK per kapita negara penerima. Hasilnya, perbezaan KDNK per kapita mempunyai kesan positif yang signifikan kepada migrasi antarabangsa terhadap pekerja kemahiran rendah dan pekerja kemahiran tinggi. Penyelidik menyimpulkan bahawa hasil kajian ini konsisten dengan teori Neo-klasik bahawa perbezaan pendapatan antara negara adalah penentu migrasi antarabangsa.

Karemera et al. (2000) menganalisis pengaruh pendapatan negara asal (70 negara) dan negara penerima kepada penghantaran pekerja ke Amerika Utara (Kanada dan AS) pada tahun 1976-1986. Penyelidikan ini mendapatkan bahawa pendapatan negara asal mempunyai pengaruh positif kepada migrasi pekerja ke Kanada namun berpengaruh negatif signifikan kepada migrasi pekerja ke AS. Pembangunan ekonomi berterusan di negara-negara asal menyebabkan peningkatan migrasi ke Kanada dan penurunan arus migrasi ke AS. Seterusnya, keanjalan pendapatan negara-negara penerima lebih besar dari 1.0 yang menunjukkan bahawa arus migrasi lebih sensitif kepada tahap perkembangan ekonomi dan pasar pekerja terutama di AS.

Mayda (2009) melakukan penyelidikan faktor penentu arus migrasi dari 14 negara anggota Organization Economic Cooperation and Development (OECD) pada tahun 1980-1995. Penyelidikan ini menggunakan migrasi ke luar negara sebagai pembolehubah bersandar dan KDNK per kapita negara asal dan negara tujuan sebagai pembolehubah bebas. Penyelidik memperoleh bukti bahawa pendapatan di negara asal mempunyai kesan positif terhadap migrasi namun tidak signifikan. Hasil ini kelihatan tidak konsisten dengan tafsiran teori am yang menyatakan bahawa semakin tinggi pendapatan negara asal akan menyebabkan semakin berkurang migrasi. Faktor penentu migrasi di negara-negara OECD disebabkan oleh kesan positif pendapatan di negara penerima pekerja asing.

Penyelidikan ini menggunakan model graviti tradisional migrasi dengan memasukkan karakteristik politik dan ukuran ekonomi terhadap dari negara asal dan

negara tujuan. Berdasarkan data pekerja migran dari 101 negara di AS 1996-2000, Melkumian (2004) mendapati bahawa koefisien pendapatan per kapita negara asal memberi kesan positif yang signifikan kepada migrasi. KDNK per kapita lebih tinggi di negara asal menjadi insentif bagi calon pekerja migran untuk membayar kos migrasi yang tinggi. Sebaliknya, KDNK per kapita yang rendah di negara asal mengakibatkan calon pekerja migran menghadapi kesulitan untuk membayar kos migrasi. Migrasi ke AS juga dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi di AS.

Narayan dan Smyth (2003) menyelidik faktor penentu migrasi dari Fiji ke New Zealand dengan menggunakan pendekatan Autoregresi Lat Bertabur (ARDL). Penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi pada faktor pembolehubah (pendapatan, pengangguran, politik, pengangkutan dan migrasi). Penyelidikan ini menemukan bahawa perbezaan pendapatan antara Fiji dan Selandia Baru memberi kesan positif signifikan kepada migrasi dari Fiji ke Selandia Baru terhadap jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Penyelidikan ini menyatakan bahawa penggunaan KDNK per kapita sebagai piawaian pendapatan per kapita per orang berkurangan. Hal tersebut disebabkan KDNK per kapita belum menggambarkan pendapatan sebenar penduduk suatu negara.

Ahmad et al. (2008) melakukan penyelidikan mengenai faktor makro ekonomi migrasi di Pakistan dengan menggunakan data siri masa dari tahun 1973 hingga tahun 2005. Penyelidikan ini menemui kesan negatif dari kadar upah sebenar di Pakistan kepada migrasi. Penyelidikan ini mendapati kadar upah yang rendah di

Pakistan telah mendorong pekerja untuk bermigrasi keluar negara dan menyebabkan migrasi pekerja mahir atau professional (*brain drain*) besar-besaran dari negara tersebut. Hasil penyelidikan ini sepenuhnya mendukung teori faktor-faktor pendorong yang mempengaruhi migrasi. Penyelidikan ini juga menemui wujudnya hubungan jangka masa panjang antara upah, pengangguran, inflasi dan kiriman wang kepada penghijranan di Pakistan.

Simpson dan Sparber (2010) menggunakan model graviti migrasi untuk menganalisis hubungan perbezaan pendapatan di negara-negara asal kepada migrasi pekerja asing baru ke AS pada tahun 2000-2008. Kajian ini menghuraikan perbezaan KDNK dalam kategori jangka masa pendek (turun naik KDNK) dan jangka masa panjang (trend KDNK). Penyelidikan menemui bahawa perbezaan trend KDNK dan perbezaan turun naik KDNK antara negara asal dan AS memberi kesan positif terhadap migrasi ke AS. Namun secara terpisah, migrasi ke AS lebih dipengaruhi oleh kesan jangka masa panjang KDNK di negara asal berbanding kesan jangka masa panjang KDNK di AS. Seterusnya, kesan jangka masa pendek KDNK di AS menarik lebih banyak migrasi berbanding kesan jangka masa pendek KDNK di negara-negara asal.

Akkoyunlu (2009) menguji migrasi dari Turki ke Jerman pada tahun 1969-2004 dengan menggunakan pendekatan kointegrasi. Penyelidikan ini menemui hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi antara nisbah pendapatan, kadar pengangguran, perdagangan, kiriman wang dan migrasi dari Turki ke Jerman. Peningkatan perbezaan pendapatan antara kedua negara akan meningkatkan arus

migrasi dari Turki ke Jerman baik dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek. Hal ini menunjukkan bahawa dorongan migrasi dari Turki ke Jerman akan tetap berlangsung selagi ada perbezaan pendapatan. Penyelidikan ini memberikan cadangan bahawa pertumbuhan ekonomi yang pantas, peluang kerja dan pendapatan tinggi di Turki adalah cara terbaik untuk mengurangkan migrasi.

Feridun (2007) melakukan penyelidikan hubungan sebab-akibat antara migrasi di Sweden dan dua pembolehubah makro ekonomi (KDNK per kapita dan pengangguran) dengan menggunakan pendekatan ARDL pada tahun 1980-2004. Penyelidikan ini memperoleh hasil bahawa adanya hubungan jangka masa panjang antara seluruh faktor pembolehubah. Ujian sebab-akibat Granger menemukan hubungan sebab-akibat dua hala jangka masa panjang antara KDNK per kapita dan migrasi. Seterusnya, pengangguran adalah penyebab Granger kepada migrasi dalam jangka masa pendek. Penyelidikan ini menekankan bahawa migrasi memberi kesan positif kepada KDNK per kapita di Swedia.

Gonzalez-Gomez dan Giraldez (2011) melakukan penyelidikan untuk mengetahui hubungan jangka masa panjang dan sebab-akibat Granger antara pertumbuhan ekonomi dan jumlah pekerja asing yang ramai di Jerman dan Switzerland. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa terdapat hubungan jangka masa panjang dan sebab-akibat dua hala antara pertumbuhan ekonomi dan jumlah pekerja asing di Jerman. Namun, penyelidik tidak menemui bukti hubungan jangka masa panjang antara pertumbuhan ekonomi dan pekerja asing di Swiss. Penyelidikan menemui pertumbuhan ekonomi adalah penyebab Granger satu hala jangka masa

pendek kepada jumlah pekerja asing di Switzerland.

Morley (2006) menyelidik hubungan sebab-akibat antara migrasi dan pendapatan per kapita dengan menggunakan pendekatan ARDL di Australia, Kanada dan Amerika Syarikat. Hasil penyelidikan menunjukkan wujudnya hubungan jangka masa panjang dari KDNK per kapita kepada migrasi di tiga negara. Penyelidikan juga menemukan hubungan penyebab Granger jangka panjang satu hala dari KDNK per kapita kepada migrasi di Australia, Kanada dan Amerika Syarikat.

Aldaba (2000) menyelidik faktor-faktor penentu migrasi antarabangsa pekerja asal Filipina ke negara-negara tujuan dengan menggunakan *Ordinary Least Square* (OLS). Penyelidikan menemui bahawa peningkatan pantas pertumbuhan KDNK berkorelasi dengan penurunan jumlah migrasi. Hal ini disebabkan adanya peluang peningkatan lapangan kerja di dalam negara akibat dari pertumbuhan ekonomi tersebut. Kadar upah mempunyai kesan positif pada migrasi di Filipina tetapi tidak signifikan. Hasil ini menunjukkan bahawa pekerja asal Filipina memerlukan pembiayaan untuk kos migrasi. Penyelidik juga menemui faktor perbezaan KDNK antara Filipina dan negara tujuan memberi kesan negatif namun tidak signifikan pada OFW.

Lewer dan Van De Berg (2008) menggunakan model graviti migrasi untuk menguji kesan jumlah penduduk di negara asal dan negara tujuan, nisbah pendapatan per kapita negara asal dan negara tujuan, jumlah migran di negara tujuan dan jarak antara kedua negara kepada jumlah migrasi secara sah di 16 negara OECD selama

sepuluh tahun (1991-2000). Hasil dari penyelidikan ini menunjukan bahawa sebahagian besar koefisien pembolehubah signifikan (kecuali jarak) dan menunjukkan bahawa migrasi dapat dipengaruhi oleh semua pembolehubah dengan nilai yang tinggi. Penyelidikan ini menemui bahawa perbezaan jumlah penduduk, perbezaan nisbah pendapatan dan jumlah migran di negara penerima memberi kesan positif pada migrasi. Bagaimanapun, semakin jauh jarak antara negara asal dan negara tujuan mempunyai kesan negatif kepada migrasi ke negara tujuan.

Beine et al. (2008) melakukan penyelidikan untuk menguji hubungan antara migrasi pekerja mahir (*brain drain*) dan ukuran penduduk negara, KDNK per kapita dan KDNK per kapita persegi di negara-negara OECD. Model neoklasik migrasi menjangkakan bahawa kenaikan KDNK per kapita di negara asal akan mengurangkan insentif untuk migrasi. Namun, hasil penyelidikan ini menemui bahawa pertumbuhan ekonomi atau kenaikan KDNK di negara asal menyebabkan lebih banyak migrasi kerana wujudnya insentif seperti pendapatan yang cukup untuk kosmigrasi. Hasil penyelidikan ini juga menemui wujudnya hubungan terbalik (*U-curve*) antara migrasi dan KDNK per kapita persegi di negara-negara asal. Ini bermakna migrasi akan semakin berkurangan apabila pendapatan di dalam negara terus meningkat dalam jangka masa panjang.

3.4.2 Migrasi dan Perdagangan

Aldaba (2000) menyelidik hubungan perdagangan dan migrasi di Filipina dengan menggunakan OLS dan anggaran data panel. Hasil OLS menunjukkan

bahawa perdagangan dan migrasi bersifat pengganti atau liberalisasi perdagangan antarabangsa akan mengakibatkan arus migrasi ke luar negara berkurangan. Nisbah perdagangan di dalam KDNK Filipina menunjukkan kesan negatif yang bermakna peningkatan perdagangan dapat menurunkan migrasi. Pembolehubah eksport dan eksport kuasa dua, masing-masing mempunyai tanda positif dan negatif. Hal ini menunjukkan bahawa kepantasan perkembangan aktiviti eksport yang mendorong pertumbuhan ekonomi sekaligus dapat menurunkan kadar migrasi. Hasil anggaran data panel menunjukkan hasil yang hampir sama dimana pembolehubah eksport dan eksport kuasa dua ke negara-negara tujuan mempunyai tanda positif dan negatif. Seterusnya, pengaruh import Filipina dari negara tujuan mempunyai hubung kait negatif kepada migrasi. Kesimpulan dari hasil ini menunjukkan bahawa keterbukaan perdagangan akan mendorong pertumbuhan ekonomi di dalam negara yang dapat menyebabkan migrasi ke luar negara berkurang.

Bruder (2004) menganalisis hubungan antara migrasi pekerja dan jumlah perdagangan antara Jerman dan negara-negara pengantar pekerja migran pada tahun 1970-1998. Penyelidikan ini mendapati bahawa tidak ada hubungan yang signifikan daripada migrasi pekerja terhadap perdagangan di Jerman. Namun penyelidikan ini menemui bahawa jumlah perdagangan mempunyai hubungan yang signifikan dan menyebabkan migrasi pekerja berkurangan ke Jerman. Penyelidikan ini menyatakan bahawa pertumbuhan jumlah perdagangan antara kedua negara akan merapatkan jurang perbezaan upah sekaligus mampu mengurangkan migrasi pekerja.

Bowen dan Wu (2004) menganalisis hubungan antara migrasi dan perdagangan antara negara-negara OECD dalam tahun 1980-2001. Penyelidikan ini terbahagi kepada dua hubungan antara eksport dan migrasi dan antara output servis dan migrasi. Penyelidikan ini menemui bahawa hubungan antara perdagangan (eksport dan output servis) dan migrasi bersifat pelengkap.

Del Rio dan Thorwarth (2006) menguji hubungan antara liberalisasi perdagangan dan migrasi dari Mexico ke AS pada tahun 1966-2004 dengan menggunakan data siri masa. Penyelidikan ini berdasarkan anggapan bahawa perdagangan bilateral memberikan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan kewujudan lapangan kerja di kedua negara sehingga mengurangkan migrasi. Tetapi kenyataannya, perdagangan bilateral yang meningkat antara Mexico dan AS selepas menandatangani North America Free Trade Agreement (NAFTA) menyebabkan migrasi yang lebih besar dari Mexico ke AS. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat keunggulan perbandingan yang kuat di AS.

Globerman (2000) melakukan penyelidikan bagaimana liberalisasi perdagangan mempengaruhi insentif migrasi dari Kanada ke AS. Penyelidikan ini mendapati bahawa liberalisasi perdagangan dan migrasi mempunyai hubungan saling melengkapi sebagaimana kriteria teori perdagangan moden. Migrasi pekerja mahir dari Kanada ke AS meningkat jauh lebih banyak setelah wujudnya Canada and United States Free Trade Agreement (CUSTA) dan NAFTA. Penyelidikan ini membuktikan bahawa liberalisasi perdagangan telah meningkatkan permintaan pekerja profesional yang mahir.

Akkoyunlu (2009) menemui bahawa dalam jangka masa panjang, eksport pengilangan ke Jerman dan jumlah perdagangan ke Jerman memberikan sumbangan positif terhadap migrasi dari Turki ke Jerman. Hal ini menunjukkan bahawa perdagangan dan migrasi bersifat saling melengkapi. Seterusnya dalam jangka masa pendek, eksport pengilangan ke Jerman juga meningkatkan migrasi dari Turki ke Jerman. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa peningkatan eksport menyebabkan peningkatan pendapatan dan juga membolehkan beberapa pekerja mahir berpendapatan rendah mampu membayar kos migrasi.

Aguiar et. al (2007) menggunakan persamaan graviti untuk menguji pengaruh perdagangan bilateral (perdagangan antara negara asal dan AS) kepada migrasi dari 175 negara asal ke AS. Penyelidikan ini menggunakan data *cross sectional* dan panel. Hasil data *cross sectional* menunjukkan bahawa perdagangan bilateral menyebabkan penurunan jumlah migrasi dari negara asal ke AS (*substitution*). Hasil data panel juga menunjukkan bahawa perdagangan bilateral menyebabkan peningkatan migrasi (*complementary*). Batasan penyelidikan ini adalah kesan daripada import dan eksport kepada migrasi dianggap bergerak selari. Pengaruh eksport dan import pada migrasi kemungkinan bertentangan atau berlawanan arah. Kenaikan eksport menyebabkan kenaikan kadar upah dan kenaikan peluang pekerjaan sehingga mengurangkan insentif untuk melakukan migrasi. Sebaliknya, peningkatan import dapat menjaskan sektor pengeluaran dalam negara serta mewujudkan tekanan di dalam kadar upah dan menyebabkan pengangguran sehingga meningkatkan insentif untuk melakukan migrasi.

Meschi et al. (2008) menguji hubungan antara perdagangan, pemindahan teknologi dan permintaan untuk pekerja mahir di sektor pengilangan Turki pada tahun 1980-2001. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa keterbukaan perdagangan dan pemindahan teknologi secara signifikan dan positif berpengaruh kepada migrasi pekerja mahir. Hasil ini konsisten dengan idea bahawa kepentingan meningkatkan pemindahan teknologi juga dapat meningkatkan permintaan pekerja mahir di dalam negara.

Spring dan Grossmann (2013) menyelidik kesan hubungan baik (*bilateral trust*) antara negara asal dan negara tujuan kepada perdagangan antarabangsa dan migrasi di 250 negara. Penyelidikan ini dilakukan berdasarkan anggapan bahawa *bilateral trust* dapat meningkatkan perdagangan dan seterusnya meningkatkan migrasi. Penyelidikan ini tidak menemui bukti bahawa kepercayaan bilateral kedua negara mempunyai kesan pada perdagangan antarabangsa dan migrasi. Penyelidikan ini berhasil membuktikan bahawa peningkatan perbezaan KDNK per kapita akan meningkatkan migrasi dan perbezaan jarak geografi antara dua negara akan mengurangkan migrasi.

Felbermayr, Grossmann dan Kohler (2012) menyelidik hubungan antara migrasi dan perdagangan di dalam penggunaan teknologi, jika negara-negara berkongsi teknologi yang sama atau teknologi tersebut berbeza. Secara amnya, teknologi yang berbeza di dalam perdagangan cenderung menyebabkan migrasi sedangkan penggunaan teknologi yang sama akan mengurangkan migrasi.

Campaniello (2012) menguji model graviti migrasi dan eksport dua hala dari Negara Mediterranean (selatan) ke Negara Eropah (utara) sepanjang tempoh 1970-2000. Penyelidikan ini menguji pandangan teori perdagangan tradisional bahawa liberalisasi perdagangan akan meningkatkan eksport dari negara-negara selatan, sehingga meningkatkan permintaan pekerja di negara selatan serta mengurangkan migrasi dari negara-negara selatan ke negara-negara utara. Penyelidikan ini mendapati bahawa selaras dengan kebanyakan penyelidikan perdagangan moden, terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara eksport dan migrasi dari Selatan ke Utara. Hasil ini mendapati bahawa liberalisasi perdagangan bukan satu polisi yang berkesan untuk mengurangkan aliran migrasi dari selatan ke utara.

3.4.3 Migrasi dan Pengangguran

Agbola dan Acupan (2008) menemui kesan positif dari kepadatan penduduk dan kadar pengangguran kepada migrasi di Filipina. Penyelidikan ini juga menemui kepadatan penduduk dan pengangguran merupakan sebab utama kerajaan Filipina menghantar OFW sebagai strategi pembangunan penstabilan ekonomi di Filipina. Kerajaan Filipina akan terus menghantar pekerja mereka bagi menjamin keseimbangan antara pasukan pekerja dalam negara yang tidak dapat diserapkan di dalam pasaran kerja di Filipina.

Simpson dan Sparber (2010) menggunakan model graviti migrasi untuk menganalisis bagaimana kesan faktor-faktor penentu mempengaruhi migrasi ke AS. Penyelidikan ini juga menemui hubungan positif antara migrasi dan jumlah

penduduk. Jumlah penduduk yang meningkat di AS dan di negara asal menyebabkan peningkatan migrasi ke AS. Penyelidikan ini tidak dapat menjelaskan secara tepat mengapa jumlah penduduk yang meningkat di AS menyebabkan migrasi.

Ahmad et al. (2008) menemui bahawa migrasi di Pakistan dipengaruhi oleh pengangguran. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa kadar pengangguran yang tinggi menjadi faktor pendorong migrasi keluar dari Pakistan. Hasil ini di dukung oleh polisi kerajaan Pakistan yang serius untuk memudahkan proses migrasi pekerja asal Pakistan ke luar negara. Kerajaan memperoleh manfaat dari pekerja mereka yang berada di luar negara melalui kiriman wang untuk membantu mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Pakistan.

Akkoyunlu (2009) menemui bahawa kadar pengangguran di Turki menyebabkan migrasi ke Jerman. Tahap pengangguran di Jerman menyumbang secara negatif kepada migrasi dari Turki ke Jerman. Hal ini menunjukkan, semakin banyak pengangguran di Jerman akan mengurangkan migrasi dari Turki ke Jerman dan sebaliknya semakin berkurang pengangguran di Jerman akan meningkatkan migrasi. Hasil penyelidikan ini mendukung teori faktor pendorong dari negara asal iaitu pengangguran dan faktor penarik dari negara tujuan iaitu lapangan pekerjaan yang banyak. Kerajaan Turki telah berusaha mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keadaan kerja yang lebih baik untuk mengurangkan migrasi.

Karemera et. al (2000) menyelidik pengaruh jumlah penduduk dan pengangguran terhadap arus migrasi dari negara-negara asal ke AS dan Kanada pada

tahun 1976-1986 dengan menggunakan model graviti. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa peningkatan pertumbuhan penduduk dan pengangguran di negara-negara asal akan mengakibatkan peningkatan arus migrasi ke AS dan Kanada. Hasil penyelidikan menunjukkan koefisien lebih kecil dari satu yang bermakna bahawa perubahan jumlah penduduk dan pengangguran di negara asal tidak terlalu sensitif kepada perubahan arus migrasi.

Melkumian (2004) menguji model graviti tradisional migrasi dari negara-negara pengantar pekerja ke AS. Penyelidikan ini menemui bahawa jumlah penduduk di negara asal mempunyai kesan negatif dan jumlah penduduk di AS mempunyai kesan positif kepada migrasi dari negara asal ke AS. Keanjalan pada jumlah penduduk negara asal agak kecil yang menunjukkan bahawa arus migrasi tidak terlalu sensitif dan juga dipengaruhi oleh perubahan demografi di negara-negara asal. Seterusnya, keanjalan jumlah penduduk AS yang besar, menunjukkan bahawa migrasi ke AS sangat sensitif dipengaruhi oleh perubahan jumlah penduduk di AS.

Jennisen (2002) menggunakan model graviti untuk menguji pengaruh perbezaan pengangguran dan migrasi antarabangsa dari Portugal ke Switzerland dan dari Sweden ke Norway. Penyelidikan menunjukkan bahawa peningkatan perbezaan pengangguran antara negara meningkatkan migrasi dari Portugal ke Switzerland dan dari Sweden ke Norway. Penyelidik menyimpulkan bahawa hasil kajian ini konsisten dengan teori Keynesian bahawa perbezaan pengangguran antara dua negara adalah

penentu migrasi antarabangsa terhadap pekerja kemahiran rendah dari Portugal dan pekerja kemahiran tinggi dari Swedia.

Jennisen (2003) menemui kesan negatif dari pengangguran di Greece dan Republik Ireland kepada migrasi di kedua negara yang kelihatan bertentangan dengan teori Keynesian secara am. Penyelidikan ini menemui bahawa semakin banyak pengangguran di negara asal menyebabkan semakin berkurangnya migrasi. Penyelidik menyimpulkan bahawa penyelidikan ini selaras dengan teori *labour market* berbanding dengan teori Keynes. Teori *labour market* lebih berpengaruh digunakan untuk negara-negara maju sedangkan teori Keynesian lebih berpengaruh di negara-negara berkembang. Teori Keynesian didukung oleh penyelidikan di negara membangun Filipina yang menemui bahawa perbezaan pengangguran antara Filipina dan negara-negara penerima menyebabkan peningkatan migrasi pekerja Filipina ke luar negara (Aldaba, 2000).

Narayan dan Smyth (2003) menyimpulkan bahawa di dalam jangka masa panjang perbezaan pengangguran memberi kesan negatif walaupun tidak signifikan kepada migrasi dari Fiji ke Selandia Baru. Perbezaan pengangguran mempunyai kesan negatif dan signifikan dalam jangka masa pendek. Hasil ini kelihatan adanya ketidaksesuaian dengan teori. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa ada tiga kemungkinan alasan, pertama pekerja sektor tidak formal yang ramai di Fiji, kedua pengangguran mengakibatkan ramai pekerja diserapkan ke sektor tidak formal dan terakhir migrasi dari Fiji adalah lebih banyak pekerja mahir / profesional daripada orang-orang yang melalui kesulitan mencari pekerjaan di Fiji / pengangguran.

Beine et al. (2008) menggunakan analisis siri masa untuk menguji hubungan penduduk negara kepada migrasi pekerja mahir. Penyelidikan ini menggunakan negara-negara OECD yang mempunyai penduduk kurang dari 1.5 juta di dalam tahun 1975-2000. Hasil penyelidikan menemui bahawa negara dengan jumlah penduduk yang ramai mempunyai lebih sedikit migrasi pekerja mahir. Penyelidikan ini menyimpulkan bahawa semakin kecil jumlah penduduk negara asal akan menyebabkan migrasi pekerja mahir ke negara lain. Penyelidikan ini juga menemui bahawa pekerja mahir lebih banyak di negara-negara penduduk yang jumlahnya lebih kecil berbanding di negara-negara asal dengan jumlah penduduk ramai.

Michael dan Stelios (2012) melakukan penyelidikan untuk mengetahui hubungan jangka panjang dan penyebab antara jumlah pekerja asing dan penentu makro ekonomi (KDNK per kapita dan pengangguran) di Greece pada tahun 1980-2011. Penyelidikan ini menemui bahawa terdapat hubungan jangka masa panjang antara jumlah pekerja asing di Greece dan pemboleh ubah bebas (KDNK per kapita dan pengangguran). Pengujian penyebab Granger menemui hubungan satu hala dimana KDNK per kapita dan pengangguran adalah penyebab Granger kepada pekerja asing di Greece.

2.4 Kesimpulan

Model penyelidikan ini dibangun berdasarkan teori model faktor pendorong dan model graviti yang telah dibahas sebelumnya. Penyelidikan ini menggunakan kedua model untuk memperkuat analisis faktor penentu migrasi daripada

penyelidikan terdahulu yang lebih banyak menggunakan pembolehubah bebas seperti KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran sebagai faktor pendorong penentu migrasi antarabangsa (Agbola & Acupan, 2008; Akkoyunlu, 2009; Aldaba, 2000; Beine, Docquier & Schiff, 2008; Jennisen, 2003; Mayda, 2009; Melkumian, 2004; Ahmad et al., 2008; Karemera et al., 2000). Model graviti menggunakan perbezaan keadaan makroekonomi antara negara asal dan negara tujuan seperti perbezaan upah/pendapatan, perbezaan pengangguran/penduduk dan dilengkapi dengan perbezaan perdagangan (Aldaba, 2000; Jenissen, 2002; Narayan & Smyth, 2003; Melkumian, 2004; Simpson & Sparber, 2010; Lewer & Van De Berg, 2008; Karemera et. al, 2000).

BAB 4

KAEDAH PENYELIDIKAN


4.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang terbahagi kepada konsep rangka kerja, hipotesis, reka bentuk penyelidikan dan kaedah analisis data. Dalam reka bentuk penyelidikan membincangkan mengenai bahagian penerangan data dan penggubalan model. Kaedah analisis data digunakan untuk memperoleh tujuan penyelidikan iaitu mengenalpasti hubungan antara pembolehubah. Kaedah analisis data terdiri dari ujian punca unit, ujian kointegrasi dengan pendekatan autoregresi lat bertabur (ARDL) dan hubungan penyebab Granger jangka masa pendek.

4.2 Konsep Rangka Kerja

Secara amnya penyelidikan ini cuba untuk mengenalpasti hubungan faktor penentu migrasi pekerja asal Indonesia, Bangadesh dan Filipina ke Malaysia. Teori faktor pendorong untuk mengetahui penyebab migrasi dari negara asal seperti pendapatan yang rendah dan pengangguran tinggi seperti mana penyelidikan yang dilakukan oleh Ahmad et al (2008) dan Agbola dan Acupan (2008). Teori gravity model memasukkan perbezaan pendapatan dan pengangguran antara negara asal dan negara tujuan sebagai faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa (Aldaba, 2000; Jenissen, 2002; Lewer & Van de Berg, 2008; Narayan & Smyth, 2003). Migrasi antarabangsa menjadi semakin meningkat jika perbezaan pendapatan dan pengangguran antara negara asal dan negara penerima semakin besar. Model graviti

digunakan untuk melengkapkan analisis hasil pada model faktor pendorong yang hanya menggunakan pembolehubah pendapatan dan pengangguran dari negara asal. Selain dari kedua teori diatas, penyelidikan ini cuba menggabungkan hubungan antara perdagangan dan migrasi sebagaimana penyelidikan yang dilakukan oleh Aguiar et al. (2007), Aldaba (2000), Akkoyunlu (2009), dan Bruder (2004).



4.3 Hipotesis

4.3.1 Faktor Pendorong

- i. Peningkatan pendapatan per kapita negara asal akan mempunyai kesan negatif kepada keputusan pekerja negara asal untuk bermigrasi ke Malaysia.
- ii. Kesan peningkatan dagangan secara terbuka (jumlah eksport dan import antara negara asal dan Malaysia) akan mengurangkan migrasi pekerja dari negara asal ke Malaysia.
- iii. Migrasi pekerja dari negara asal ke Malaysia akan meningkat selaras dengan peningkatan pengangguran di negara asal.

4.3.2 Model Graviti

- iv. Semakin besar perbezaan pendapatan antara negara asal dan Malaysia akan meningkatkan migrasi pekerja dari negara asal ke Malaysia (*pendapatan Malaysia lebih besar daripada pendapatan negara asal*)
- v. Imbangan perdagangan antara negara asal dan Malaysia akan mengurangkan migrasi pekerja dari negara asal ke Malaysia.
- vi. Semakin besar perbezaan pengangguran antara negara asal dan Malaysia mempunyai kesan positif pada jumlah migrasi pekerja dari negara asal ke Malaysia (*pengangguran negara sal lebih besar daripada pengangguran Malaysia*).

4.4 Reka Bentuk Penyelidikan

4.4.1 Penerangan Data

Data jumlah pekerja asing tahunan asal Indonesia, Bangladesh dan Filipina di Malaysia yang diperoleh daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia (Immigration Department of Malaysia, 2012). Dua negara pertama adalah penghantar pekerja asing ke Malaysia terbesar dan banyak didominasi oleh pekerja berkemahiran rendah sedangkan Filipina walaupun bukan termasuk tiga besar penyumbang pekerja asing di Malaysia namun pekerjanya di dominasi oleh pekerja terampil. Nepal sebagai negara penyumbang kedua terbesar pekerja asing di Malaysia tidak termasuk dalam penyelidikan ini kerana data yang tidak lengkap dan termasuk negara yang didominasi pekerja berkemahiran rendah

Data pendapatan perseorangan tahunan atau KDNK per kapita tahunan diperolehi daripada International Monetary Fund (IMF, 2012). Data ekspor dan import, pengangguran dan jumlah penduduk diperoleh daripada Asian Development Bank (ADB, 2012). Data tersebut daripada tahun 2000 hingga 2010 dan diubah menjadi logaritma asli untuk mengurangkan kewujudan *heteroscedastisity* dalam pembolehubah. Data pengangguran di Bangladesh tidak tersedia lengkap sehingga jumlah penduduk digunakan sebagai salah satu faktor penentu migrasi di Bangladesh sebagaimana penyelidikan yang dilakukan oleh Agbola dan Acupan (2008), Simpson dan Sparber (2010), Karemra et. al (2000) dan Melkumian (2004).

Jadual 4.1 Penerangan Data

Data	Penerangan
• Jumlah pekerja asing	• <i>Jumlah pekerja asing yang berdaftar tahunan berdasarkan visa bekerja di Malaysia</i>
• Pendapatan perseorangan / KDNK per kapita	• <i>Jumlah pendapatan perseorangan tahunan yang diterima jika pendapatan negara tahunan dibahagikan kepada setiap penduduk dengan sama rata</i>
• Eksport	• <i>Proses barang atau komoditi yang dijual atau diangkut dari satu negara ke negara lain secara sah</i>
• Import	• <i>Barangan atau perkhidmatan yang dibawa ke dalam sebuah negara dari negara lain di dalam satu kaedah yang disahkan oleh undang-undang</i>
• Pengangguran	• <i>Seseorang yang boleh bekerja dan mahu bekerja tetapi tidak dapat mendapat pekerjaan</i>
• Penduduk	• <i>Orang yang secara hukum berhak tinggal di daerah tersebut</i>
• Perbezaan KDNK per kapita	• <i>Perbezaan nilai pendapatan perseorangan tahunan negara tujuan dengan pendapatan perseorangan tahunan negara asal</i>
• Keterbukaan perdagangan	• <i>Jumlah perdagangan (ekspor dan import) antara negara tujuan dan negara asal</i>
• Imbangan perdagangan	• <i>Perbezaan nilai eksport barang dengan nilai import barang bagi suatu negara dalam masa tertentu</i>
• Perbezaan pengangguran / penduduk	• <i>Perbezaan jumlah pengangguran / jumlah penduduk tahunan negara asal dengan jumlah pengangguran / jumlah penduduk negara tujuan</i>

4.4.2 Penggubalan Model

Model am untuk penyelidikan menggunakan pembolehubah yang serupa dengan beberapa penyelidikan migrasi terdahulu sebagai berikut (Aguiar et. al, 2007; Aldaba, 2000; Agbola & Acupan, 2008; Jennisen, 2002, 2003; Bruder, 2004; Lewer & Van de Berg, 2008; Narayan & Smyth, 2003; Simpson & Sparber, 2010):

$$Pekerja Migran = f(KDNK \text{ per kapita}, \text{ perdagangan}, \text{ pengangguran}) \quad (1)$$

Pembolehubah bersandar dalam penyelidikan ini adalah pekerja asing di Malaysia dan pembolehubah bebas adalah KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran / jumlah penduduk. Daripada model am seterusnya dikategorikan kepada dua model khusus, pertama adalah model faktor pendorong migrasi dan yang kedua adalah model graviti migrasi. Persamaan regresi yang digunakan untuk kedua model adalah sebagai berikut:

1. Model Faktor Pendorong

$$\ln MWI = \alpha + \beta_1 \ln GDPCI + \beta_2 \ln TOIM + \beta_3 \ln UNI + \varepsilon_t \quad (2)$$

$$\ln MWB = \alpha + \beta_1 \ln GDPCB + \beta_2 \ln TOBM + \beta_3 \ln POB + \varepsilon_t \quad (3)$$

$$\ln MWP = \alpha + \beta_1 \ln GDPCP + \beta_2 \ln TOPM + \beta_3 \ln UNP + \varepsilon_t \quad (4)$$

2. Model Graviti

$$\ln MWI = \alpha + \beta_1 \ln GDPCIM + \beta_2 \ln TBIM + \beta_3 \ln UNIM + \varepsilon_t \quad (5)$$

$$\ln MWB = \alpha + \beta_1 \ln GDPCBM + \beta_2 \ln TBBM + \beta_3 \ln POBM + \varepsilon_t \quad (6)$$

$$\ln MWP = \alpha + \beta_1 \ln GDPCM + \beta_2 \ln TBPM + \beta_3 \ln UNPM + \varepsilon_t \quad (7)$$

Jadual 4.2: Penerangan Pembolehubah

Pembolehubah Bersandar	
MWI	Pekerja Indonesia di Malaysia
MWB	Pekerja Bangladesh di Malaysia
MWP	Pekerja Filipina di Malaysia
Pembolehubah Bebas Model Faktor Pendorong	
GDPCI	KDNK per kapita Indonesia
GDPCB	KDNK per kapita Bangladesh
GDPCM	KDNK per kapita Filipina
TOIM	Keterbukaan Perdagangan antara Indonesia dan Malaysia
TOBM	Keterbukaan Perdagangan antara Bangladesh dan Malaysia
TOPM	Keterbukaan Perdagangan antara Filipina dan Malaysia
UNI	Jumlah pengangguran di Indonesia
POB	Jumlah penduduk di Bangladesh
UNP	Jumlah pengangguran di Filipina
Pembolehubah Bebas Model Graviti	
GDPCIM	Perbezaan KDNK per kapita antara Indonesia dan Malaysia
GDPCBM	Perbezaan KDNK per kapita antara Bangladesh dan Malaysia
GDPCM	Perbezaan KDNK per kapita antara Filipina dan Malaysia
TBIM	Imbang Perdagangan antara Indonesia dan Malaysia
TBBM	Imbang Perdagangan antara Bangladesh dan Malaysia
TBPM	Imbang Perdagangan antara Filipina dan Malaysia
UNIM	Perbezaan jumlah pengangguran antara Indonesia dan Malaysia
POBM	Perbezaan jumlah penduduk antara Bangladesh dan Malaysia
UNPM	Perbezaan jumlah pengangguran antara Filipina dan Malaysia
β_n	Anjal daripada pembolehubah
α, ε_t	Pemalar dan ralat

4.5 Kaedah Analisis Data

Proses analisa data menggunakan program perisian (*software*) E-Views dan Microfit. Penyelidikan ini menggunakan kaedah pengujian yang meliputi ujian punca unit Augmented Dickey Fuller (ADF), Phillips Perron (PP) dan Kwiatkowski, Phillips, Schmidt dan Shin (KPSS). Selanjutnya dilakukan ujian hubungan jangka

panjang menggunakan Autoregresi Lat Tertabur (ARDL) dan hubungan penyebab Granger.

4.5.1 Ujian Punca Unit

Penyelidikan dengan menggunakan data siri masa memerlukan pengujian data mencapai kepegunaan (*stationary*). Data boleh menjadi palsu (*spurious*) jika data siri masa mengandungi punca unit (*unit root*) atau tidak mencapai kepegunaan. Namun permasalah tersebut dapat diatasi jika data memperoleh kepegunaan pada tingkat pertama (Shengjin, 2011). Pengujian punca unit boleh menguji data pegun atau non-stationer dengan menggunakan ujian punca unit ADF, PP dan KPSS.

Berdasarkan ujian punca unit ADF dan PP, hipotesis nul adalah siri masa wujud unit root (tidak pegun), sedangkan hipotesis alternatif menunjukkan siri masa adalah pegun. Sementara pada ujian KPSS, hipotesis nul menunjukkan bahawa siri masa adalah pegun sedangkan hipotesis alternatif menunjukkan siri masa wujud unit root (tidak pegun). Hipotesis nul ditolak jika ujian statistik nilai signifikan pada 5% atau 1%. Sekiranya hipotesis nul ditolak, maka ini menunjukkan hipotesis alternatif diterima.

Menurut Dickey dan Fuller (1981), ujian ADF mampu untuk menguji pembolehubah tersebut adalah pegun atau tidak pegun. Regresi am ujian ADF adalah sebagai berikut:

$$\Delta y_t = \mu + \beta_t + \delta y_{t-1} + \sum_{i=1}^k \alpha_i \Delta y_{t-i} + \varepsilon_t \quad (8)$$

Dengan Δ menunjukkan perbezaan pertama, Y_t adalah siri masa pembolehubah, t adalah pembolehubah waktu, k adalah panjang ralat dan ε_t adalah lat. β , δ , α adalah parameter konstan dan μ adalah pintasan (Gujarati & Porter, 2009). Hipotesis nul $\delta = 0$ tidak dapat ditolak bila nilai t-statistik lebih kecil daripada nilai kritikal pada tahap tingkat atau $I(0)$. Perbezaan tahap pertama pada siri masa perlu dilakukan jika hasil pada tahap tingkat menunjukkan ketidakpegunan. Jika nilai koefisien signifikan pada tingkat pertama, maka dapat disimpulkan bahawa siri masa mencapai kepegunan pada perbezaan tingkat pertama atau terintegrasi pada $I(1)$.

Bagi mengesahkan lagi keputusan ujian ADF tersebut, maka turut dilakukan ujian kepegunan PP. Pengujian PP diusulkan oleh Phillips dan Perron (1988) untuk menolak kehadiran pecahan struktur (*structural break*) daripada hipotesis nul pengujian punca unit daripada ADF. Pengujian PP memperbaiki korelasi bersiri (*serial correlation*) dan heteroskedastisiti dalam kesalahan u_t daripada ujian siri masa.

Regresi am untuk ujian PP adalah sebagai berikut:

$$\Delta y_t = \beta' D_t + \pi y_{t-1} + \varepsilon_t \quad (9)$$

Dengan Δ menunjukkan operator perbezaan pertama, y_t adalah siri masa pembolehubah. Untuk y_t menjadi pegun, nilai t statistic mestilah negatif dan signifikan berbeza dari sifar. Pengujian PP hampir sama dengan pengujian ADF

dimana jika koefisien tidak signifikan pada 5% dan 1% maka hipotesis nul yang menyatakan bahawa y_t mengandungi punca unit tidak dapat ditolak. Pengujian dapat dilanjutkan pada bentuk perbezaan pertama.

Ujian KPSS adalah kepegunaan yang diusulkan oleh Kwiatkowski, Phillips, Schmidt dan Shin (1992). Ujian KPSS adalah residual daripada *Ordinary Least Square* (OLS) siri masa y_t pada pembolehubah eksogen x_t :

$$x_t : y_t = x_t \pi + u_t \quad (10)$$

Dengan x_t dan y_t adalah pembolehubah eksogen, π membentuk pembolehubah data asli dan u_t dikenal sebagai siri masa.

4.5.2 Autoregresi Lat Tertabur (ARDL)

Pengujian kointegrasi dengan pendekatan ARDL ujian terikat (bound test) diperkenalkan oleh Pesaran, Shin dan Smith (2001) dan digunakan untuk memperoleh hasil penyelidikan yang kukuh (*robustness purposes*). Kointegrasi pendekatan ARDL boleh terus diaplikasikan tanpa mengambil kira sama ada semua pembolehubah mencapai kepegunaan (stationary) dalam bentuk $I(0)$, $I(1)$ atau campuran $I(0)$ dan $I(1)$ (Ajija & Kusreni, 2011). Pada asasnya, pendekatan ARDL tidak memerlukan ujian kepegunaan pembolehubah dilakukan terlebih dahulu. Namun, kajian ini tetap menjalankan ujian kepegunaan bagi memastikan kepegunaan setiap pembolehubah tidak berada pada tahap $I(2)$.

Selain itu, ujian ARDL sesuai dengan data sampel yang sedikit (Ajija & Kusreni, 2011). Berbeza dengan ujian kointegrasi lainnya, ARDL dapat menghasilkan suatu model khusus meskipun setiap pembolehubah mempunyai lat optimum yang berbeza. Kaedah ARDL melibatkan dua tahap yang pertama adalah mencari hubungan jangka panjang (kointegrasi) dan kesan jangka panjang daripada pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar (Ajija & Kusreni, 2011). Secara am model kointegrasi ARDL yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah sebagai berikut:

$$\Delta Y_t = \alpha + \sum_{i=1}^k \sigma_i \Delta Y_{t-i} + \sum_{i=0}^k \partial_i \Delta X1_{t-i} + \sum_{i=0}^k \theta_{i,i} \Delta X2_{t-i} + \sum_{i=0}^k \lambda_i \Delta X3_{t-i} + \beta_1 \Delta Y_{t-1} + \beta_2 \Delta X1_{t-1} + \beta_3 \Delta X2_{t-1} + \beta_4 \Delta X3_{t-1} + \varepsilon_t \quad (11)$$

Dengan Δ adalah operator perbezaan pertama dan k adalah jumlah lat optimum, σ , ∂ , θ dan λ merupakan nilai koefisien jangka pendek daripada model, β_1 , β_2 , β_3 dan β_4 mewakili hubungan jangka panjang dan ε_t adalah ralat.

F-statistik daripada ujian terikat (*bound test*) kemudian berbanding dengan nilai kritikal (Pesaran et al , 2001). Hipotesis nul dan hipotesis alternatif diuji dengan menggunakan F-statistik sebagai berikut:

$$H0 : \text{tiada kointegrasi: } (\beta_1 = \beta_2 = \beta_3 = \beta_4 = 0)$$

$$H1 : \text{ada kointegrasi: } (\beta_1 \neq \beta_2 \neq \beta_3 \neq \beta_4 \neq 0)$$

Nilai kritikal yang digunakan adalah nilai-nilai kritikal had atas I(1) dan nilai kritikal had bawah I(0). Jika nilai statistik F yang dianggar melebihi daripada nilai kritikal had atas (*upper bound critical value*), maka hipotesis nul perlu ditolak, yang mana menjelaskan wujud hubungan jangka panjang (kointegrasi) di kalangan pembolehubah siri masa tersebut. Sebaliknya, jika nilai statistik F yang dianggarkan kurang daripada nilai kritikal had bawah (*lower bound critical value*), maka hipotesis nul gagal ditolak. Selain itu, jika nilai statistik F yang dianggar berada di antara nilai kritikal had bawah dan had atas, maka tidak dapat dikenalpasti sama ada wujud kointegrasi ataupun tidak kerana darjah integrasi pembolehubah tidak diketahui dengan jelas.

Jika tidak wujud kointegrasi antara pembolehubah dengan menggunakan *bound testing*, maka nilai mekanisme pembetulan ralat atau *error correction term* (ECT) boleh digunakan sebagai kewujudan hubungan jangka panjang (kointegrasi). Kremers, Ericsson & Dolado, (1992) dan Bahmani-Oskooe dan Wang (2007) menyatakan bahawa nilai negatif dan signifikan ECT lebih kuat untuk memastikan kewujudan kointegrasi antara pembolehubah. Demikian pula, Morley (2007) dan Narayan dan Smyth (2003) melaporkan bahawa ECT signifikan merupakan penanda aras daripada kewujudan hubungan jangka panjang. Namun, jika tidak wujud kointegrasi antara pembolehubah baik dengan ujian terikat (*bound test*) maupun dengan ECT, maka dilanjutkan langsung dengan arah hubungan penyebab Granger.

Selanjutnya, setelah disahkan kewujudan hubungan jangka masa panjang (kointegrasi), maka langkah kedua pula adalah menganggarkan model bersyarat ARDL jangka panjang seperti persamaan berikut:

$$\Delta Y_t = \alpha + \sum_{i=1}^k \beta_1 \Delta Y_{t-i} + \sum_{i=0}^k \beta_2 \Delta X1_{t-i} + \sum_{i=0}^k \beta_3 \Delta X2_{t-i} + \sum_{i=0}^k \beta_4 \Delta X3_{t-i} + \varepsilon_t \quad (12)$$

Lat optimum bagi ujian ARDL adalah satu yang dijana menerusi kaedah Schwarz Bayesian Criterion (SBC) (Alaya, 2010; Duasa, 2007; Morley, 2006). Dalam langkah yang terakhir, model ARDL jangka pendek perlulah dianggarkan dengan mengambil kira ECT yang diperolehi daripada anggaran model jangka panjang. Persamaan Model ECT tersebut boleh dinyatakan seperti berikut:

$$\Delta Y_t = \alpha + \sum_{i=1}^k \sigma_i \Delta Y_{t-i} + \sum_{i=0}^k \partial_i \Delta X1_{t-i} + \sum_{i=0}^k \theta_{i,i} \Delta X2_{t-i} + \sum_{i=0}^k \lambda_i \Delta X3_{t-i} + \mu ECT_{t-1} + \varepsilon_t \quad (13)$$

Nilai koefisien ECT boleh menerangkan dua perkara. Pertama, ia mengukur kelajuan pelarasan (*speed of adjustment*) ke arah keseimbangan jangka masa panjang, iaitu masa yang diambil oleh pembolehubah untuk menumpu (*converge*) ke arah keseimbangan jangka panjang (Alaya, 2010; Feridun, 2007; Shengjin, 2011). Keduanya, ECT juga boleh menerangkan arah penyebab jangka masa panjang di kalangan pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar (Odihiambo, 2009).

4.5.3 Ujian Penyebab Granger

Pengujian penyebab jangka masa panjang menggunakan nilai ECT yang diturunkan daripada hubungan jangka masa panjang ARDL. Nilai ECT yang negatif dan signifikan pada aras 1% dan 5% menunjukkan sekurang-kurangnya wujud satu arah hubungan penyebab jangka masa panjang daripada semua pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar. Selanjutnya, penyebab jangka masa pendek menggunakan pendekatan Granger (Wald Test) Dalam penyelidikan ini, Penyebab Granger akan memeriksa kewujudan penyebab jangka masa pendek Granger daripada masing-masing pembolehubah bebas, iaitu pendapatan, perdagangan dan pengangguran kepada pembolehubah bersandar iaitu pekerja asing di Malaysia.

Sebagai contoh, untuk menggambarkan arah penyebab Granger secara lebih terperinci, di mana Y adalah pembolehubah bersandar dan X sebagai pembolehubah bebas. Model pengujian penyebab Granger dirumuskan sebagai berikut:

$$\Delta Y_t = \alpha + \sum_{i=1}^k \beta_{1,i} \Delta Y_{t-i} + \sum_{i=1}^k \beta_{2,i} \Delta X_{t-i} + \beta_3 ECT_{t-1} + \mu_{1t} \quad (14)$$

Dimana α adalah vektor termasuk konstan, k adalah panjang lama, t adalah trend linear, μ_t adalah ralat. Jika β_{2j} bersama-sama signifikan maka hipotesis nul bahawa X tidak menjadi penyebab granger kepada Y boleh ditolak dalam jangka masa pendek. Bermakna, X adalah penyebab Granger kepada Y dalam jangka masa pendek.

BAB 5

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Penyelidian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan antara faktor-faktor penentu makro ekonomi dan migrasi pekerja asing ke Malaysia. Faktor-faktor penentu makro ekonomi yang telah dipertimbangkan dalam penyelidikan ini adalah KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran. Tempo masa kajian ini adalah dari tahun 2000 hingga tahun 2010. Keputusan dan perbincangan kajian daripada model faktor pendorong dan model graviti dibentangkan mengikut kaedah analisis data. Bab ini mengulas hasil kajian dengan melakukan ujian punca unit ADF, PP dan KPSS kepada semua pembolehubah untuk mengetahui adakah pembolehubah adalah pegun pada tahap tingkat atau tahap perbezaan pertama. Pengujian kointegrasi dan kesan jangka masa panjang dilakukan pada kedua model iaitu model faktor pendorong dan model graviti dengan menggunakan pendekatan ARDL. Selanjutnya, hubungan penyebab Granger digunakan untuk mengetahui penyebab jangka masa pendek daripada pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar.

5.2 Ujian Punca Unit

Pengujian punca unit ADF dan PP menunjukkan bahawa hipotesis nul memiliki unit root (tidak pegun) sedangkan hipotesis alternatif tidak memiliki unit root (pegun). Sebaliknya pengujian punca unit KPSS menunjukkan hipotesis nul adalah

pegun sedangkan hipotesis alternatif adalah tidak pegun. Pengujian akar unit menunjukkan bahwa hipotesis nul ditolak jika nilai statistik signifikan pada aras keertian 5% dan 1%. Jika hipotesis nul ditolak maka hipotesis alternatif diterima.

Jadual 5.1 dan 5.2 menunjukkan hasil pengujian kepegunan punca unit pada ujian ADF, PP dan KPSS untuk model faktor pendorong dan model graviti dengan trend dan tanpa trend. Hasil ujian ADF, PP dan KPSS menunjukkan sebahagian besar pembolehubah tidak pegun pada tahap tingkat I (0). Seterusnya, ujian kepegunan dilanjutkan pada tahap perbezaan pertama I (1). Pada tahap ini, hipotesis nul berhasil ditolak bahawa sebahagian besar pembolehubah pegun pada tahap perbezaan pertama pada aras keertian 1 dan 5 peratus. Namun, terdapat sebahagian pembolehubah yang terintegrasi atau pegun baik pada tahap tingkat I(0) maupun pada tahap perbezaan pertama I(1). Kointegrasi berdasarkan pendekatan ARDL tidak dipersoalkan jika hasil ujian punca unit menunjukkan wujud kepegunan terhadap bentuk I(0), I(1) dan campuran I(0) dan I(1) (Ajija & Kusreni, 2011). Ujian punca unit ini dilakukan untuk memastikan bahawa wujud maksimum kepegunan pada perbezaan pertama I(1).

Jadual 5.1: Ujian Punca Unit untuk Model Faktor Pendorong

Pemboleh Ubah	ADF		PP		KPSS							
	Pintasan	Tren and Pintasan	Pintasan	Tren and Pintasan	Pintasan	Tren and Pintasan						
	<i>nilai-p</i>				LM-Statistic							
Indonesia												
<i>Tingkat</i>												
MWI	0.3439	0.9411	0.0000*	0.0214**	0.627985**	0.233613*						
GDPCI	0.9816	0.0463**	0.0787	0.0145**	0.896558*	0.099113						
TOIM	0.9151	0.1506	0.4720	0.3207	0.893936*	0.107171						
UNI	0.6755	0.9942	0.1112	0.9895	0.437388	0.235657*						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWI	0.0417**	0.0254**	0.0417**	0.0281**	0.730757**	0.105639						
GDPCI	0.0037*	0.0263**	0.0052*	0.0177**	0.376094	0.100860						
TOIM	0.0582	0.1976	0.0022*	0.0112**	0.150993	0.080253						
UNI	0.0029*	0.0025*	0.0029*	0.0027*	0.701613**	0.099807						
Bangladesh												
<i>Tingkat</i>												
MWB	0.5315	0.6362	0.6501	0.8170	0.380366	0.181830**						
GDPCB	0.7192	0.5275	0.0907	0.0168**	0.898845*	0.099531						
TOBM	0.8015	0.2127	0.6915	0.3697	0.874313*	0.128118						
POB	0.2994	0.0032	0.0002*	0.0047*	0.821666*	0.152482**						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWB	0.0074*	0.0345**	0.0059*	0.0294**	0.111843	0.100522						
GDPCB	0.0000*	0.0002*	0.0057*	0.0191**	0.370004	0.100107						
TOBM	0.0100*	0.0465**	0.0104**	0.0465**	0.096686	0.093080						
POB	0.0000*	0.0001*	0.0037*	0.0129**	0.362675	0.090277						
Filipina												
<i>Tingkat</i>												
MWP	0.3319	0.9464	0.0014*	0.0147**	0.800403*	0.161563**						
GDPCP	0.0457**	0.1345	0.0394**	0.0094*	0.897950*	0.104169						
TOPM	0.6845	0.9954	0.1547	0.9036	0.568345**	0.184150**						
UNP	0.6354	0.3492	0.3216	0.0662	0.448318	0.130896						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWP	0.0157**	0.0223**	0.0040*	0.0095*	0.368930	0.076947						
GDPC	0.0008*	0.0074*	0.0049*	0.0159**	0.398469	0.100046						
TOPM	0.0852	0.1243	0.0013*	0.0045*	0.344206	0.043741						
UNP	0.0031*	0.0112	0.0031*	0.0112**	0.378292	0.110482						

Catatan: Tanda (*) dan (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 1% dan 5 %.

Jadual 5.2: Ujian Punca Unit untuk Model Graviti

Pemboleh Ubah	ADF		PP		KPSS							
	Pintasan	Tren dan Pintasan	Pintasan	Tren dan Pintasan	Pintasan	Tren dan Pintasan						
	<i>nilai-p</i>				LM-Statistic							
Indonesia												
<i>Tingkat</i>												
MWI	0.3439	0.9411	0.0000*	0.0214**	0.627985**	0.233613*						
GDPCIM	0.9999	0.4371	0.9990	0.7854	0.865381*	0.210970**						
TBIM	0.0457**	0.0984	0.2032	0.3834	0.237552	0.073743						
UNIM	0.6711	0.9941	0.1146	0.9904	0.437911	0.235301*						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWI	0.0417**	0.0254**	0.0417**	0.0281**	0.730757**	0.105639						
GDPCIM	0.0116**	0.0023*	0.0189**	0.0327**	0.383069	0.050772						
TBIM	0.0020*	0.0115**	0.0018*	0.0103**	0.059215	0.058847						
UNIM	0.0030*	0.0025*	0.0030*	0.0027*	0.781012*	0.089236						
Bangladesh												
<i>Tingkat</i>												
MWB	0.5315	0.6362	0.6501	0.8170	0.380366	0.181830**						
GDPCBM	0.9978	0.9715	0.9998	0.5471	0.876226*	0.226817*						
TBIM	1.0000	1.0000	1.0000	1.0000	0.622549**	0.191947**						
POBM	0.3710	0.3438	0.0004*	0.0047*	0.870227*	0.123061						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWB	0.0074*	0.0345**	0.0059*	0.0294**	0.111843	0.100522						
GDPCBM	0.0134**	0.0246**	0.0090*	0.0158**	0.503480**	0.060863						
TBBM	0.7922	0.7362	0.7802	0.5864	0.657110**	0.191753**						
POBM	0.0000*	0.0002*	0.0038*	0.0135**	0.355793	0.089944						
Filipina												
<i>Tingkat</i>												
MWP	0.3319	0.9464	0.0014*	0.0147**	0.800403*	0.161563**						
GDPCM	1.0000	1.0000	1.0000	1.0000	0.828684*	0.226224*						
TBPM	0.9999	1.0000	1.0000	1.0000	0.555995**	0.224977*						
UNPM	0.6320	0.3469	0.3506	0.0731	0.450341	0.130501						
<i>Perbezaan Pertama</i>												
MWP	0.0157**	0.0223**	0.0040*	0.0095*	0.368930	0.076947						
GDPCM	0.9956	0.0216**	0.9827	0.9762	0.475811**	0.109840						
TBPM	0.9825	0.9757	0.5152	0.4719	0.459265	0.122237						
UNPM	0.0032*	0.0117**	0.0032*	0.0117**	0.374734	0.113130						

Catatan: Tanda (*) dan (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 1% dan 5 %.

5.3 Ujian Kointegrasi

Jadual 5.3: Ujian Kointegrasi

Negara	F-statistik {Lat optimum 3}	
	Faktor Pendorong	Graviti
Indonesia	6.2249*	4.021***
Bangladesh	1.3723	1.7925
Filipina	1.8805	2.754
Tingkat Signifikan	Bounds Kritikal (<i>Pintasan tidak terhad dan tiada tren</i>)	
	<i>Had Bawah</i>	<i>Had Atas</i>
1% tingkat	4.29	5.61
5% tingkat	3.23	4.35
10% tingkat	2.72	3.77

Catatan: Nilai kritikal diperoleh dari Pesaran et al. (2001). {} Lat optimum dipilih berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC). Tanda (*) dan (**) menunjukkan signifikan pada aras keertian 1% dan 5 %.

Berdasarkan Jadual 5.3, didapati nilai F-statistik (6.2249) dan (4.021) untuk kes Indonesia lebih besar daripada nilai kritikal terikat masing-masing pada had atas 1% pada model untuk faktor pendorong dan 10% pada model graviti. Kajian ini menunjukkan bahawa wujud kointegrasi atau hubungan jangka masa panjang untuk kes Indonesia terhadap model faktor pendorong dan model graviti. Ini bermakna, pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar bergerak menuju ke arah yang sama (*equilibrium*) pada jangka masa panjang. Hasil kajian ini juga ditemui melalui penyelidikan migrasi di Pakistan (Ahmad et al., 2008), di Turki (Akkoyunlu, 2007), di Swedia (Feridun, 2008), di Greece (Michael & Stelios, 2012) dan di Fiji (Narayan & Smith, 2003). Seterusnya, untuk kes Bangladesh dan Filipina didapati tidak terdapat kointegarsi pada model faktor pendorong dan model gravity kerana nilai F-statistik lebih rendah daripada nilai kritikal terikat minimum pada had atas 10%. Penemuan ini bersamaan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Gonzalez-Gomez

dan Giraldez (2011) yang tidak menemui hubungan kointegarsi pada migrasi di Swiss.

Walaupun didapati ketidakwujudan kointegrasi atau hubungan jangka masa panjang dengan menggunakan nilai kritikal terikat, nilai ECT yang negatif boleh menunjukkan kewujudan hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi (Kremers, Ericsson & Dolado, 1992; Bahmani-Oskooe & Wang, 2007). Berdasarkan jadual 5.4, didapati bahawa hasil ECT bagi negara Indonesia dan Filipina adalah negatif dan signifikan pada aras keertian 1 peratus terhadap model faktor pendorong ataupun model graviti. Kajian ini menunjukkan terdapat hubungan jangka masa panjang daripada semua pembolehubah pada kedua model di Indonesia dan Filipina. Seterusnya, wujud hubungan jangka masa panjang pada model graviti di Bangladesh pada aras keertian hanya 5 peratus. Nilai koefisien ECT yang negatif dan lebih kecil daripada nul juga mempunyai erti kepantasan pembolehubah menuju keseimbangan setiap tahun dengan kepantasan 21% pada model faktor pendorong dan 18% pada model graviti di Indonesia, serta kepantasan 8% pada model graviti di Bangladesh, dan kepantasan sebanyak 29% pada model faktor pendorong dan 33% pada model graviti di Filipina.

Berdasarkan keputusan pada nilai ECT yang negatif dan signifikan (pada aras 1 dan 5 peratus) yang diperoleh pada jadual 5.3, mendapati pembolehubah eksogen terhadap pendapatan, perdagangan dan pengangguran menunjukkan kewujudan hubungan penyebab jangka masa panjang terhadap migrasi kecuali pada model faktor pendorong di Bangladesh yang tidak signifikan untuk menerangkan tentang

kewujudan penyebab kepada migrasi dalam jangka masa panjang. Kajian ini selaras dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Djafar dan Hassan (2012) di Indonesia dan Malaysia yang menemui bahawa pendapatan dan pengangguran menjadi penyebab jangka masa panjang terhadap migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia.

Jadual 5.4: Kesan Jangka Panjang ARDL dan ECT

Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Bebas				ECT	
	nilai-p					
Faktor Pendorong						
MWI {2,1,0,1}	Pemalar	GDPCI	TOIM	UNI	-0.21531	[-3.6102]*
	10.1436 (0.003)*	-0.9985 (0.185)	0.20446 (0.397)	0.95171 (0.000)*		
MWB {1,0,0,0}	Pemalar	GDPCB	TOBM	POB	-0.05385	[-0.81191]
MWP {2,0,1,0}	Pemalar	GDPCP	TOPM	UNP	-0.29495	[-4.5586]*
	6.843 (0.1000)	0.79017 (0.033)**	0.08415 (0.685)	-0.61924 (0.064)***		
Model Graviti						
MWI {2,1,0,1}	Pemalar	GDPCM	TBIM	UNIM	-0.1891	[-3.8379]*
	7.6776 (0.003)	-0.51286 (0.079)***	0.50921 (0.001)*	0.6949 (0.003)*		
MWB {2,0,0,0}	Pemalar	GDPCBM	TBBM	POBM	-0.0873	[-2.1043]**
	-76.5729 (0.249)	4.7916 (0.140)	-1.3484 (0.216)	5.7489 (0.353)		
MWP {2,2,3,2}	Pemalar	GDPCM	TBPM	UNPM	-0.3348	[-4.8795]*
	-0.89362 (0.753)	1.0690 (0.000)*	-0.03232 (0.361)	0.015986 (0.278)		

Catatan: Tanda (*), (**) dan (***) menunjukkan singnifikan pada aras keertian 1%, 5% dan 10%. {} Lat optimum dipilih berdasarkan Schwarz Bayesian Criterion (SBC). [...] menunjukkan nilai t-statistik.

KDNK per kapita Indonesia mempunyai kesan negatif yang tidak signifikan kepada migrasi pekerja dari Indonesia ke Malaysia. Peningkatan KDNK per kapita di Indonesia sebanyak 1 unit menyebabkan penurunan jumlah pekerja Indonesia di Malaysia sebanyak 0.99 unit. Kajian ini konsisten dengan teori faktor pendorong migrasi yang menyatakan bahawa migrasi terjadi kerana pendapatan yang rendah di

negara asal (Ravenstein dipetik dari Velaquez, 2000; Martin, 2009). Sebahagian besar pekerja Indonesia yang bekerja di Malaysia adalah pekerja tidak mahir atau separuh mahir yang dipengaruhi oleh faktor dalam negeri. Hasil penyelidikan ini selaras dengan kajian sebelumnya yang mendapati kesan negatif daripada peningkatan pendapatan di negara asal kepada migrasi, seperti Ahmad et al. (2008) di Pakistan, Karemra et al. (2000) dan Simpson dan Sparber (2010) di Amerika Syarikat (AS).

Seterusnya, perbezaan KDNK per kapita antara Indonesia dan Malaysia mempunyai kesan yang negatif dan signifikan (pada aras keertian 10 peratus) ke atas migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Kajian ini menunjukkan perbezaan pendapatan yang semakin kecil antara kedua negara menyebabkan migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia semakin bertambah. Pendapatan per kapita Malaysia masih relatif lebih besar berbanding pendapatan per kapita di Indonesia serta nilai mata wang rupiah yang rendah berbanding mata wang ringgit sehingga menyebabkan migrasi tetap berterusan. Kajian ini juga kelihatan selaras dengan teori klasik yang menyatakan bahawa orang akan bermigrasi jika pendapatan di negara asal lebih rendah daripada pendapatan di negara sasaran (Massey et al., 1993).

Didapati dalam jangka masa panjang KDNK per kapita Filipina mempunyai kesan positif dan signifikan (pada aras keertian 5 peratus) ke atas migrasi pekerja Filipina ke Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan 1 unit KDNK per kapita Filipina mendorong migrasi pekerja Filipina ke Malaysia meningkat sebanyak 0.79 unit. Kesan hubungan yang positif ini menunjukkan pekerja Filipina yang

bermigrasi bukan terdiri daripada pekerja yang sangat miskin tetapi terdiri daripada pekerja yang mampu membayar kos migrasi. Kajian ini bersamaan dengan beberapa penyelidikan lepas yang dilakukan di negara-negara maju seperti di AS (Aguiar et al, 2007; Mekumian, 2004), di Sepanyol dan Greece (Jennissen, 2003), di Kanada (Karemra et al, 2000), dan negara-negara *Organisation for Economic Co-operation and Development/OECD* (Mayda, 2010).

Pekali (*coefficient*) perbezaan KDNK per kapita antara Filipina dan Malaysia mempunyai kesan yang positif signifikan ke atas migrasi manakala perbezaan KDNK per kapita antara Bangladesh dan Malaysia mempunyai kesan yang positif serta tidak signifikan ke atas migrasi. Kajian ini menunjukkan semakin besar perbezaan pendapatan antara negara asal dan negara tujuan menyebabkan migrasi pekerja Bangladesh dan Filipina ke Malaysia semakin meningkat. Perbezaan pendapatan yang besar juga menunjukkan pendapatan terhadap negara asal dan negara sasaran meningkat secara serentak atau salah satu negara meningkat dan menurun secara drastik. Secara am, migrasi akan tetap berterusan berikutkan pendapatan per kapita Malaysia relatif lebih besar jika dibandingkan dengan pendapatan per kapita Filipina dan Bangladesh seperti yang dinyatakan oleh teori klasik (Massey et al, 1993). Kesan positif perbezaan pendapatan ke atas migrasi ini juga selaras dengan beberapa penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Akkuyunlu (2009) di Turki dan Jerman, Jennisen (2000, 2003) di negara-negara Eropah, Lewer dan Van De Berg (2008) di negara-negara OECD, Narayan dan Smyth (2003) di Fiji dan Simpson dan Sparber (2010) di Amerika Syarikat.

Seterusnya, didapati keterbukaan perdagangan di Indonesia dan Filipina mempunyai kesan positif yang tidak signifikan kepada migrasi pekerja kedua negara ke Malaysia. Hasil ini menunjukkan bahawa peningkatan keterbukaan perdagangan (*trade openness*) di Indonesia dan Filipina sebanyak 1 unit akan menyebabkan peningkatan migrasi pekerja Indonesia sebesar 0.20 unit dan Filipina sebanyak 0.08 unit ke Malaysia. Jelas kelihatan keterbukaan perdagangan yang diharapkan dapat meningkatkan pelaburan yang hanya bersifat *capital intensive* daripada *labour intensive*, sehingga lapangan pekerjaan yang tersedia masih tidak mencukupi dan upah masih relatif rendah menyebabkan migrasi tetap berterusan. Kesan positif antara perdagangan dan migrasi juga ditemui oleh penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Campaniello (2012) di negara-negara Mediterranean dan Eropah, Del Rio dan Thorwarth (2006) di Mexico dan Amerika Syarikat, Globerman (2000) di Kanada dan Amerika Syarikat dan Meschi et al. (2008) di Turki.

Keseimbangan perdagangan antara Indonesia dan Malaysia kelihatan mempunyai hubungan positif yang signifikan (pada aras keertian 1 peratus) dengan migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa lebih eksport barang dari Indonesia ke Malaysia tidak mengurangkan pergerakan pekerja dari Indonesia ke Malaysia. Hal ini disebabkan eksport bahan mentah dari Indonesia ke Malaysia di proses semula dengan nilai tambah yang lebih tinggi untuk keperluan dalam negeri dan selebihnya di eksport. Situasi ini memerlukan lebih ramai lagi pekerja terutamanya pekerja asal Indonesia serta menawarkan upah yang lebih tinggi berbanding negara asal. Kajian ini selaras dengan penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Campaniello (2012) dan Bowen dan Wu (2004) di negara-negara OECD yang

didapati perdagangan bukan salah satu polisi yang berkesan untuk mengurangkan aliran migrasi.

Sebaliknya, keseimbangan perdagangan antara Bangladesh dan Malaysia serta antara Filipina dan Malaysia mempunyai kesan negatif yang tidak signifikan ke atas pekerja Bangladesh dan Filipina di Malaysia. Hasil ini menunjukkan bahawa hubungan perdagangan dan migrasi bersifat pengganti (*substitution*) (Mundell, 1957). Keseimbangan perdagangan antara Bangladesh dan Malaysia menunjukkan peningkatan import produk dari Malaysia yang menggalakkan pengeluaran dalam negeri Bangladesh meningkat dan menyebabkan lapangan pekerjaan juga meningkat. Keseimbangan perdagangan antara Filipina dan Malaysia terhadap lebihan eksport (*surplus*) dan lebihan import (*deficit*) menunjukkan kesan positif ke atas ekonomi dalam negeri Filipina iaitu pengeluaran produk di dalam negeri meningkat dan lapangan kerja juga meningkat. Kajian ini selaras dengan penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Aldaba (2000) di Filipina, Bruder (2004) di Jerman dan Aguiar et al. (2007) di AS mengatakan bahawa peningkatan ekonomi melalui perkembangan eksport ataupun import akan meningkatkan pengeluaran dalam negeri dan akhirnya mengurangkan migrasi.

Seterusnya, pengangguran di Indonesia kelihatan mempunyai hubungan positif yang signifikan (pada aras keertian 1 peratus) dengan migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Kes di Indonesia menunjukkan bahawa migrasi signifikan dipengaruhi oleh faktor dorongan pengangguran. Semakin tinggi pengangguran di Indonesia menyebabkan semakin tinggi migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Hasil

kesan positif pengangguran di dalam negeri ke atas migrasi ini juga bersamaan dengan penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Agbola dan Acupan (2008) di Filipina, Ahmad et al. (2008) di Pakistan, Akkoyunlu (2009) di Turki dan Jerman dan Karemra et al. (2000) di AS dan Kanada. Seterusnya, perbezaan pengangguran antara Indonesia dan Malaysia turut mempunyai kesan positif yang signifikan (pada aras keertian 1 peratus) kepada migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Didapati perbezaan pengangguran antara Bangladesh dan Malaysia mempunyai kesan positif yang tidak signifikan terhadap migrasi pekerja Bangladesh ke Malaysia. Kesan positif perbezaan pengangguran ke atas migrasi ini selaras dengan teori Keynes yang menyatakan bahawa pengangguran yang lebih besar di negara asal akan menyebabkan migrasi semakin meningkat (Jennisen, 2002; 2003).

Seterusnya, pengangguran di Filipina mempunyai hubungan negatif yang signifikan (pada aras keertian 10 peratus) dengan migrasi pekerja Filipina ke Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa kes di Filipina yang semakin meningkat jumlah penganggurannya menyebabkan jumlah pekerja Filipina di Malaysia berkurangan. Kesan negatif pengangguran ke atas migrasi ini semakin mengukuhkan kesan positif pada pendapatan di Filipina terhadap migrasi kerana hal ini menunjukkan mereka yang bermigrasi bukan terdiri daripada mereka yang sangat miskin di negaranya malah pengangguran boleh dijadikan alasan ketidak mampuan membayai kos migrasi bagi pekerja asal Filipina seperti penyelidikan yang dilakukan oleh Aguiar et al. (2007) dan Angbola dan Acupan (2008). Hasil ini selaras dengan penyelidikan lepas yang dilakukan oleh Jennisen (2003) di Greece dan Ireland dan Melkumian (2004) di AS.

5.4 Ujian Penyebab Granger

Jadual 5.5: Ujian Penyebab Granger Jangka Masa Pendek

Pembolehubah Bersandar	Pembolehubah Bebas (nilai-p)		
	Faktor Pendorong		
ΔMWI	ΔGDPCI	ΔTOIM	ΔUNI
	11.9887 (0.001)*	0.58058 (0.446)	5.5341 (0.019)**
ΔMWB	ΔGDPCB	ΔTOBM	ΔPOB
	24.5757 (0.000)*	11.1060 (0.001)*	18.1626 (0.000)*
ΔMWP	ΔGDPCP	ΔTOPM	ΔUNP
	3.5237 (0.060)***	20.658 (0.000)*	3.9969 (0.046)**
Model Gaviti			
ΔMWI	ΔGDPCIM	ΔTBIM	ΔUNIM
	14.299 (0.000)*	18.3964 (0.000)*	3.0205 (0.082)***
ΔMWB	ΔGDPCBM	ΔTBMM	ΔPOBM
	3.823 (0.051)**	2.22904 (0.130)	1.0693 (0.301)
ΔMWP	ΔGDPCM	ΔTBPM	ΔUNPM
	6.0637 (0.014)**	12.506 (0.000)*	0.14417 (0.704)


Catatan: Tanda (*), (**) dan (***) menunjukkan signifikan pada aras 1, 5 dan 10 peratus.

Dari segi penyebab jangka masa pendek, pengujian penyebab Granger digunakan untuk mengetahui pembolehubah bebas (*eksogen*) yang mana mempunyai pengaruh signifikan terhadap pembolehubah bersandar (*endogen*). Berdasarkan jadual 5.4 didapati KDNK per kapita di semua negara penghantar pekerja dan perbezaan KDNK per kapita antara negara penghantar pekerja dan Malaysia mempunyai pengaruh yang signifikan pada aras keertian 1 dan 5 peratus. Hal ini menunjukkan bahawa semua pembolehubah KDNK per kapita dan perbezaan KDNK per kapita di tiga negara penghantar adalah penyebab Granger jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja Indonesia, Bangladesh dan Filipina ke Malaysia. Hasil ini

selaras dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Feridun (2008), Gonzalez-Gomez dan Giraldez (2011), Michael dan Stelios (2012) dan Morley (2006) yang menemui bahawa pendapatan per kapita adalah penyebab Granger kepada migrasi.

Keterbukaan perdagangan di Bangladesh dan Filipina (signifikan pada aras keertian 1 peratus) adalah penyebab Granger jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja kedua negara ke Malaysia. Keseimbangan perdagangan antara Indonesia dan Malaysia serta antara Bangladesh dan Malaysia (signifikan pada aras keertian 1 peratus) adalah penyebab Granger jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja Indonesia dan Bangladesh ke Malaysia. Seterusnya, pengangguran di Indonesia, Bangladesh dan Filipina (signifikan pada aras keertian 1 dan 5 peratus) adalah penyebab Granger jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja dari ketiga negara ke Malaysia. Perbezaan pengangguran antara Indonesia dan Malaysia juga signifikan menjadi penyebab Granger jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Penyelidikan yang dilakukan oleh Feridun (2008) di Sweden dan Michael dan Stelios (2012) di Greece juga menemukan kewujudan hubungan penyebab antara pengangguran dan migrasi. Berikut ini arah penyebab Granger pembolehubah bebas kepada pembolehubah bersandar (Rajah 5.1).

Rajah 5.1: Arah Penyebab Granger Jangka Masa Pendek



Catatan: Anak panah menunjukkan arah penyebab Granger jangka masa pendek dari pembolehubah bebas terhadap pembolehubah bersandar.

Seterusnya, ujian dianostik *The cumulative sum* (*cusum*) and *cusum squared* (*cusum-sq*) digunakan untuk pengujian kejituuan dan kestabilan persamaan pada kedua model negara masing-masing. Hasil *cusum* dan *cusum-sq* menunjukkan garis lurus *stability test* masih berada didalam garis sempadan dan juga menunjukkan signifikan pada aras keertian 5%. Dengan ini juga dapat disimpulkan bahawa penyelidikan dengan menggunakan model faktor pendorong dan model graviti di Indonesia, Bangladesh dan Filipina mendapat bahawa persamaan adalah stabil. Hasil ujian stabiliti boleh dilihat pada Jadual 5.5 dibawah ini.

Jadual 5.6: Hasil Ujian Stabiliti

Negara	CUSUM TEST		CUSUM SQ TEST	
	Faktor Pendorong			
Indonesia	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	
Bangladesh	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	
Filipina	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	
Negara	CUSUM TEST		CUSUM SQ TEST	
	Model Graviti			
Indonesia	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	
Bangladesh	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	
Filipina	<p>Plot of Cumulative Sum of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>		<p>Plot of Cumulative Sum of Squares of Recursive Residuals</p> <p>The straight lines represent critical bounds at 5% significance level</p>	

5.5 Ringkasan Keputusan

Jadual 5.7: Ringkasan Keputusan

Model	Indonesia	Bangladesh	Filipina
Model Faktor Pendorong			
Kointegration			
• Bound Testing	(6.2249)*	(1.3723)	(1.8805)
• ECT	[-3.6102]*	[-0.81191]	[-4.5586]*
Kesan Jangka Masa Panjang			
• KDNK Per Kapita	(-0.9985)	-	(0.79017)**
• Keterbukaan Perdagangan	(0.20446)	-	(0.08415)
• Pengangguran	(0.95171)*	-	(-0.61924)***
Penyebab Jangka Masa Pendek			
• KDNK Per Kapita	(0.001)*	(0.000)*	(0.060)***
• Keterbukaan Perdagangan	(0.446)	(0.001)*	(0.000)*
• Pengangguran	(0.019)**	(0.000)*	(0.046)**
Model Graviti			
Kointegration			
• Bound Testing	(4.021)***	(1.7925)	(2.754)
• ECT	[-3.8379]	[-2.1043]**	[-4.8795]*
Kesan Jangka Masa Panjang			
• Perbezaan KDNK Per Kapita	(-0.5128)***	(4.7916)	(1.0690)**
• Imbangan Perdagangan	(0.50921)*	(-1.348)	(-0.03232)
• Perbezaan Pengangguran	(0.6949)*	(5.7489)	(0.01598)
Penyebab Jangka Masa Pendek			
• Perbezaan KDNK Per Kapita	(0.000)*	(0.051)**	(0.014)**
• Imbangan Perdagangan	(0.000)*	(0.130)	(0.000)*
• Perbezaan Pengangguran	(0.082)***	(0.301)	(0.704)

Catatan: Tanda (*), (*) and (****) menunjukkan signifikan pada aras keertian 1%, 5% and 10%.

BAB 6

KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1. Pendahuluan

Kesimpulan daripada penyelidikan ini adalah berdasarkan hasil analisis yang telah dihuraikan pada Bab sebelumnya. Penyelidikan ini juga memberikan beberapa cadangan kepada negara-negara penghantar pekerja dan negara penerima pekerja asing. Pada akhir perbincangan turut dinyatakan bahawa penyelidikan ini masih belum sempurna dan masih terdapat hadnya. Kajian ini juga mencadangkan penyelidikan yang lebih lanjut dan berguna untuk memperoleh hasil yang lebih baik.

6.2 Kesimpulan

Penyelidikan ini mempunyai tiga tujuan. Tujuan pertama adalah untuk menyiasat hubungan jangka masa panjang KDNK per kapita, perdagangan, dan pengangguran di Indonesia, Bangladesh dan Filipina serta jumlah pekerja dari ketiga negara tersebut di Malaysia. Tujuan kedua adalah untuk menentukan sejauh mana KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran di Indonesia, Bangladesh dan Filipina memberi kesan terhadap pekerja mereka di Malaysia. Tujuan ketiga adalah untuk mengenal pasti penyebab jangka masa pendek dan jangka masa panjang KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran di Indonesia, Bangladesh dan Filipina terhadap jumlah pekerja mereka di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan dua model pendekatan iaitu model faktor pendorong dan model graviti. Model graviti

menggunakan perbezaan pendapatan dan pengangguran antara negara penghantar pekerja dan penerima pekerja asing sehingga dapat melengkapkan dan mengukuhkan analis hasil kajian daripada faktor pendorong yang hanya fokus kepada pendapatan dan pengangguran dari negara penghantar pekerja. Seterusnya, perdagangan terbuka (*trade openness*) di dalam model faktor pendorong terhadap perdagangan (eksport dan import) secara gabungan, sebaliknya keseimbangan perdagangan (*trade balance*) di dalam model graviti terhadap lebihan eksport (*surplus*) atau lebihan import (*deficit*) yang dapat mempengaruhi migrasi. Penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan data siri masa (*time series*) pada tahun 1999-2010 dengan pendekatan Autoregresi Lat Bertabur (ARDL).

Kesimpulan hasil penyelidikan berjaya membuktikan antara negara Indonesia dan Filipina terdapat hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi antara semua pembolehubah terhadap model faktor pendorong dan pada model graviti. Kewujudan hubungan jangka masa panjang atau kointegrasi juga didapati terhadap negara Bangladesh namun hanya terjadi pada semua pembolehubah model graviti.

Didapati bahawa kesan jangka masa panjang antara pendapatan per kapita dan migrasi adalah pelbagai. KDNK per kapita Indonesia mempunyai kesan yang negatif namun tidak signifikan sedangkan KDNK per kapita Filipina mempunyai kesan positif signifikan kepada migrasi pekerja ke Malaysia. Seterusnya, KDNK per kapita signifikan mempengaruhi migrasi kerana didapati pekerja Filipina yang bermigrasi adalah mereka yang mampu membayar kos migrasi. Perbezaan KDNK per kapita mempunyai kesan yang signifikan kepada migrasi terutama di Indonesia

dan Filipina. Semakin kecil perbezaan pendapatan antara Indonesia dan Malaysia akan meningkatkan migrasi. Semakin besar perbezaan pendapatan antara Bangladesh dan Malaysia serta antara Filipina dan Malaysia akan meningkatkan migrasi. Ini menunjukkan bahawa migrasi akan tetap berterusan sehingga perbezaan tahap pendapatan atau upah yang lebih tinggi di Malaysia berbanding negara-negara penghantar pekerja.

Seterusnya keterbukaan perdagangan di Indonesia dan Filipina dilihat mempunyai hubungan positif dengan migrasi pekerja antara kedua negara ke Malaysia. Ini menunjukkan kerajaan kedua negara penghantar pekerja tidak mengambil peluang faedah perdagangan terhadap pertumbuhan sektor di dalam negeri yang mampu mengurangkan kadar pengangguran dan migrasi secara bersama. Keseimbangan perdagangan antara Indonesia dan Malaysia menyebabkan kesan positif dan signifikan dengan migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia. Ini menunjukkan lebihan eksport barang yang di hantar ke Malaysia tidak boleh menjadi pengganti kepada migrasi orang. Indonesia lebih banyak menghantar produk barang mentah dan semulajadi yang diproses semula di Malaysia. Pengurusan produk semulajadi ini memerlukan lebih ramai pekerja yang selebihnya diimport dari Indonesia. Didapati imbangan perdagangan di Bangladesh dan Filipina mempunyai kesan negatif tetapi tidak signifikan dengan migrasi pekerja kedua negara ke Malaysia. Ini menunjukkan ekonomi kedua negara mendapat faedah daripada eksport dan import barang sehingga meningkatkan pengeluaran dan membuka lapangan pekerjaan.

Didapati pengangguran secara singnifikan mempunyai kesan yang positif terhadap migrasi di Indonesia tetapi mempunyai kesan yang negatif kepada migrasi di Filipina. Hal ini menunjukkan jumlah yang tinggi terhadap migrasi pekerja yang tidak mahir dari Indonesia ke Malaysia. Wilayah yang berdekatan juga menjadi sebab migrasi menjadi lebih murah dan mudah. Seterusnya bagi Filipina, pengangguran yang tinggi meningkatkan jumlah pekerja sektor tidak formal di negara tersebut dan juga sebab-sebab lain seperti pembiayaan migrasi yang mahal. Lebihan pengangguran di Indonesia, Bangladesh dan Filipina berbanding Malaysia mempunyai kesan positif terhadap migrasi pekerja negara masing-masing ke Malaysia. Oleh sebab itu, di atas keputusan ini, kerajaan penghantar pekerja perlu lebih serius di dalam meningkatkan lapangan pekerjaan di dalam negeri.

Kesimpulan kesan jangka masa panjang mendapati pembolehubah mempunyai hasil yang seragam di negara masing-masing yang dikaji menggunakan kedua model saling melengkapi antara satu sama lain. Sebagai contoh, peningkatan pendapatan di negara penghantar masing-masing (*push factor*) mempunyai kesan positif dan negatif terhadap migrasi dan begitu juga kesan perbezaan pendapatan (*gravity*) yang mendapati mempunyai kesan migrasi secara positif dan negatif. Namun, perbezaan pendapatan yang kecil dan besar serentak menyebabkan migrasi meningkat. Begitu dengan pengangguran di negara penghantar masing-masing yang juga mempunyai kesan berbeza terhadap migrasi, namun semakin besar perbezaan pengangguran antara negara penghantar dan negara penerima akan menyebabkan migrasi meningkat. Seterusnya, keterbukaan perdagangan secara am mempunyai

kesan positif terhadap migrasi kepada negara masing-masing dan mempunyai kesan imbangan perdagangan yang sama.

Kesimpulan pengujian hubungan penyebab jangka masa panjang menunjukkan semua pembolehubah bebas terhadap faktor pendorong dan graviti di Indonesia dan Filipina yang menyebabkan migrasi pekerja kedua negara ke Malaysia. Pembolehubah bebas pada model graviti hanya di Bangladesh adalah penyebab jangka masa panjang kepada migrasi pekerja Bangladesh ke Malaysia. Pengujian hubungan penyebab Granger jangka masa pendek mendapati bahawa KDNK per kapita dan perbezaan KDNK per kapita adalah penyebab kepada migrasi pekerja asal Indonesia, Bangladesh dan Filipina ke Malaysia. Keterbukaan perdagangan adalah penyebab Granger di dalam jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja Bangladesh dan Filipina ke Malaysia. Seterusnya, keseimbangan perdagangan menjadi penyebab Granger dalam jangka masa pendek kepada migrasi pekerja Indonesia dan Filipina di Malaysia. Pengangguran juga didapati antara penyebab Granger di dalam jangka masa pendek terhadap migrasi pekerja Indonesia, Bangladesh dan Filipina di Malaysia. Hanya perbezaan pengangguran menjadi penyebab Granger jangka masa pendek kepada migrasi pekerja Indonesia ke Malaysia.

6.3 Implikasi Polisi

KDNK per kapita yang rendah dan pengangguran yang tinggi di negara asal menyebabkan pekerja dari negara asal melakukan migrasi atau hijrah ke negara

Malaysia yang menawarkan peluang pekerjaan dan upah yang tinggi. Kerajaan negara penghantar pekerja seperti Indonesia, Bangladesh dan Filipina perlu menggalakkan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dalam jangka masa panjang guna untuk menarik pelaburan, meningkatkan pengeluaran di dalam negeri sehingga mampu meningkatkan peluang pekerjaan dan meningkatkan KDNK per kapita. Peningkatan perdagangan dua hala mampu meningkatkan produksi dalam negeri dan mengurangkan pengangguran seperti yang terjadi di Bangladesh. Selain itu, syarikat-syarikat asal Malaysia dapat membuka cawangan produksi di Negara asal pekerja sehingga mengurangkan migrasi pekerja asing ke negara Malaysia.

6.4 Batasan Penyelidikan

Penyelidikan yang terbatas ialah dari aspek pemerhatian dan kaedah yang digunakan. Penggunaan KDNK per kapita sebagai perwakilan daripada pendapatan / upah juga berkemungkinan kurang tepat kerana tidak menggambarkan nilai upah atau piawaian pendapatan per kapita secara nyata. Data pengangguran di Bangladesh tidak wujud sehingga terpaksa digantikan dengan jumlah penduduk Bangladesh. Batasan lain adalah data pekerja asing di Malaysia yang digunakan hanya yang berdaftar secara sah dan tiada data asal jumlah pekerja asing yang masuk secara haram. Penyelidikan ini menggunakan data gabungan eksport dan import untuk keterbukaan perdagangan. Jika keterbukaan perdagangan menggunakan data import dan eksport secara terpisah berkemungkinan mempunyai kesan yang berbeza. Untuk itu, penyelidik perlu berhati-hati di dalam menafsirkan hasil keseluruhan penyelidikan ini disebabkan oleh batasan yang ada.

6.5 Penyelidikan Lanjut

Penyelidikan ini menjelaskan hubungan antara KDNK per kapita, perdagangan dan pengangguran terhadap migrasi antarabangsa dari Indonesia, Bangladesh dan Filipina di Malaysia. Meskipun tujuan dari penyelidikan ini tercapai, masih ada beberapa pembedahan yang boleh dipertimbangkan untuk penyelidikan yang lebih lanjut. Wujudnya ketidak selaras kesan antara pembolehubah dengan migrasi menjadikan penyelidikan ini perlu dikaji lebih lanjut. Penyelidikan lebih lanjut boleh diperluaskan pada hubungan pembolehubah dengan memasukkan pembolehubah lain seperti eksport, import, keseimbangan politik, pendidikan, nilai tukar, indeks pembangunan manusia, pelaburan dan jarak (pembentukan migrasi) yang berkaitan dengan migrasi antarabangsa. Seterusnya untuk memperkuatkan hasil penyelidikan ini boleh diteruskan dengan menggunakan fungsi penguraian varians atau *simulating variance decompositions* (VDC) dan fungsi tindakan balasan atau *impulse response function* (IRF) diguna untuk menguji dan menganalisis hubungan dinamik serta kekuatan penyebab antara pembolehubah di dalam model penyelidikan.

Rujukan

- Abdul Aziz, A.R. (2001). Bangladeshi migrant workers in Malaysia's construction sector. *Asia-Pacific Population Journal*, 16 (1), 3–22.
- Agbola, F. W., & Acupan, A. B. (2008, June 18-20). *What drives international labour migration in the Philippines?*. Paper presented at The European Applied Business Research (EABR) and College Teaching & Learning (TLC) Conferences, Rothenburg.
- Aguiar, A., Walmsley, T., & Abrevaya, J. (2007). *Effects of bilateral trade on migration flows: The case of the United States*. Paper presented at the 10th Annual Conference on Global Economic Analysis, Purdue University, USA. Didapatkan semula daripada https://www.gtap.agecon.purdue.edu/resources/res_display.asp?RecordID=2408.
- Ahmad, N., Hussain, Z., Sial, M. H., Hussain, I., & Akram, W. (2008). Macroeconomic determinants of international migration from Pakistan. *Pakistan Economic and Social Review*, 46(2), 85-99.
- Ajija, S. R. and Kusreni, S. (2011). Globalization and socio economic welfare of Muslim countries a case study of Indonesia and Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 25 (3), 329-343.
- Akkoyunlu, S. (2009). *Trade, aid, remittances and migration*. KOF Working Papers No. 299, KOF Swiss Economic Institute, ETH Zürich.
- Alaya, M. M. (2010). ARDL models applied for Jordan trade, FDI and GDP series (1990-2008). *European Journal of Social Sciences*, 13(4), 605-616.
- Aldaba, F. T. (2000). *Trade liberalization and international migration: The Philippine case*. Philippine APEC Study Centre Network (PASCN) Discussion Paper No. 04, Makati City.
- Asian Development Bank (ADB). (2012). *Key indicators for Asia and the Pacific*. Didapatkan semula daripada <https://sdbs.adb.org/sdbs/index.jsp>.
- Association of Southeast Asian Nations (ASEAN). (2008). *ASEAN economic community blueprint*. Didapatkan semula daripada <http://www.asean.org/archive/5187-10.pdf>
- Azad, A. K. (2003, October 9-10). *Importance of migrants' remittance for Bangladesh economy*. Paper presented at The International Conference on Migrant Remittances: Development Impact and Future Prospects, London, UK.
- Badan Nasional Penempatan dan Perlindungan Tenaga Kerja Indonesia/ BNP2TKI. (2012) *Data on the Indonesian migrant workers*. Didapatkan semula daripada <http://www.bnptki.go.id/statistik-penempatan.html>.
- Badan Pusat Statistik (BPS) (2012, August). *Trends of selected socio-economic indicators of Indonesia*. Badan Pusat Statistik, Jakarta, Indonesia.

Bahmani-Oskooee, M., & Wang, W. (2007). How stable is the demand for money in China?. *Journal of Economic Development*, 32 (1), 21-33.

Bangko Sentral ng Pilipinas (BSP). (2012). *Economic and financial statistics: Overseas Filipinos' remittances*. Didapatkan semula daripada http://www.bsp.gov.ph/statistics/efs_ext3.asp.

Bangladesh Bureau of Statistic (2010). *Foreign trade statistics of Bangladesh 2008-09*. National Accounting Wing, Bangladesh Bureau of Statistics, Statistics Division, Ministry of Planning Government of the People's Republic of Bangladesh, Dhaka, Bangladesh.

Beine, M., Docquier, F., & Schiff, M. (2008). *Brain drain and its determinants: A major issue for small states*. Institute for the Study of Labor (IZA) Discussion Paper No. 3398, Forschungsinstitut zur Zukunft der Arbeit.

Bowen, H. P., & Wu, J. P. (2004). *Does it matter where immigrants work? Traded goods, non-traded goods, and sector specific employment*. Zentrum für Europäische Integrationsforschung (ZEI) Working Paper No. B16, Center for European Integration Studies, University of Bonn.

Bruder, J. (2004). *Are trade and migration substitutes or complements? The case of Germany 1970-1998*. Institute of Economics, University of Rostock, Rostock. Didapatkan semula daripada www.etsg.org/ETSG2004/Papers/Bruder.pdf.

Bureau of Manpower, Employment and Training/BMET. (2012). *Statistic report*. Didapatkan semula daripada <http://www.bmet.org.bd/BMET/statisticalDataAction>. Diakses pada 10 April 2013.

Campaniello, N. (2012). *The causal effect of trade on migration: Evidence from countries of the Euro-Mediterranean partnership*. Didapatkan semula daripada http://www.academia.edu/2173977/The_Causal_Effect_of_Trade_on_Migration_Evidence_from_Countries_of_the_Euro-Mediterranean_Partnership

Carbaugh, R. J. (2007). Is international trade a substitute for migration?. *Global Economy Journal*, 7 (3), 1-13.

Central Intelligence Agencies (CIA). (2013). *The world factbook*. Didapatkan semula daripada <https://www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/index.html>. Diakses pada 10 April 2013.

Commission on Filipinos Overseas (CFO). (2011). *Stock estimated of overseas Filipinos*. Didapatkan semula daripada http://cfo.gov.ph/index.php?option=com_content&view=category&id=134&Itemid=814. Diakses pada 10 April 2013.

Coordinating Ministry for Economic Affairs (2011). *Master plan for Acceleration and expansion of Indonesia economic development 2011-2025*. Republic of Indonesia.

- Chuie H. T., & Santhapparaj, A. S. (2007). Macroeconomic determinants of skilled labour migration: The case of Malaysia. *Journal of Applied Sciences*, 7(20), 3015-3022.
- Del Boca, D., & Venturini, A. (2003). *Italian migration*. Institute for the Study of Labor (IZA) Discussion Paper No. 938. Forschungsinstitut zur Zukunft der Arbeit
- Del Río, A. M., & Thorwarth, S. (2006). *Tomatoes or tomato Pickers? – Free trade and migration in the NAFTA case*. Discussion Paper Series No. 0429, Department of Economics, University of Heidelberg.
- Devadason, E. S., & Meng, C. W. (2010). *A critical appraisal of policies and laws regulating migrant workers in Malaysia*. Retrieved from http://www.researchgate.net/publication/228434568_A_Critical_Appraisal_of_Policies_and_Laws_Regulating_Migrant_Workers_in_Malaysia
- Dickey, D. A., & Fuller. W. A. (1981) Likelihood Ratio Statistics for Autoregressive Time Series with a Unit Root Test. *Econometrica*, 49 (4), 1057-1072.
- Djafar, F. (2010). *The 'luxury unemployment' hypothesis in Indonesia Borneo*. FEB Working Paper Series No. 1002, Faculty of Economics and Business, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Sarawak.
- Djafar, F., & Hassan, M. K. H. (2012). Dynamics of push and pull factors of migrant workers in developing countries: The case of Indonesian workers in Malaysia. *Journal of Economics and Behavioral Studies*, 4(12), 703-711.
- Duasa, J. (2007). Determinants of Malaysian trade balance: An ARDL bound testing approach. *Journal of Economic Cooperation*, 28 (3), 21-40.
- Economic Planning Unit (EPU). (2012). *The Malaysian economy in figures*. Economic Planning Unit Prime Minister's Department. Putrajaya, Malaysia. Retrieved from <http://www.epu.gov.my/meif2012>.
- Economic Transformation Programme (ETP). (2013). *Chapter 1 new economic model of Malaysia. ETP handbook chapter 1-4*. Didapatkan semula daripada http://etp.pemandu.gov.my/download_centre.aspx. Diakses pada 10 April 2013.
- Felbermayr, G., Grossmann, V., & Kohler, W. (2012). *Migration, international trade and capital formation: Cause or effect?*. The Institute for the Study of Labor (IZA) Discussion Paper No. 6975, Bonn.
- Feridun, M. (2007). Immigration, income and unemployment: An application of the bounds testing approach to cointegration. *The Journal of Developing Areas*, 41(1), 37-49.
- Friedrich-Ebert-Stiftung. (2011). *Migrant workers' rights to social protection in ASEAN: Case studies of Indonesia, Philippines, Singapore and Thailand*. Prepared for Migrant Forum in Asia and Friedrich-Ebert-Stiftung by the Mahidol Migration Centre, Institute for Population and Social Research, Mahidol University, Thailand.

- Globerman, S. (2000). Trade liberalization and the migration of skilled professionals and managers: The North American experience, *The World Economy*, 23(7), 901-922.
- Gonzalez-Gómez, M., & Giráldez, M. (2011). The causality between economic growth and immigration in Germany and Switzerland. *The Economic And Social Review*, 42(3), 271–287.
- Global Health Initiative. (n.d). *Bangladesh strategy: Interagency program strategy 2011-2015*. Didapatkan semula daripada <http://www.ghi.gov/country/bangladesh/documents/159681.htm>. Diakses pada 10 April 2013.
- Gujarati, D. N., & Porter, D. C. (2009). *Basic econometrics*. McGraw-Hill Education.
- Immigration Department of Malaysia (2012). *Sistem Visa Pass*. Unpublished.
- International Monetary Fund (IMF). (2012). *World economic outlook database (WEO)*. Didapatkan semula daripada <http://www.imf.org/external/data.htm>.
- International Organization for Migration (IOM). (2010a). *International migration and migrant workers' remittances in Indonesia*. International Organization for Migration (IOM), Makati city.
- International Organization for Migration (IOM). (2010b). *Labour migration from Indonesia: An overview of migration to selected destination in Asia and the Middle East*. International Organization for Migration (IOM), Jakarta.
- International Organization for Migration (IOM). (2010c). *World migration report 2010 the future of migration: Building capacities for change*. International Organization for Migration (IOM), Geneva.
- Jennissen, R. (2002, August 27-31). *Economic determinants of international labour migration in the EU/EFTA region 1985-1999*. Presented in 42nd Congress of the European Regional Science Association, European Regional Science Association (ERSA), Germany.
- Jennissen, R. (2003). Economic determinants of net international migration in Western Europe, *European Journal of Population*, 19(2), 171–198.
- Kanapathy, V. (2004, February 5-6). *International migration and labour market developments in Asia: Economic recovery, the labour market and migrant workers in Malaysia*. Paper presented in Workshop on International Migration and Labour Markets in Asia.
- Kanapathy, V. (2008). Malaysia. *Asian and Pacific Migration Journal*, 17 (3-4), 335-348.
- Karemra, D, Oguledo, V. I., & Davis, B. (2000). A gravity model analysis of international migration to North America, *Applied Economics*, 32(13), 1745-1755.

- Kremers, J.J.M., Ericsson, N. R., & Dolado, J. J. (1992). The power of cointegration tests. *Oxford Bulletin of Economics and Statistic*, 54 (3), 325-48.
- Kwiatkowski, D., Phillips, P. C. B., Schmidt, P., and Shin, Y. (1992). Testing the null hypothesis of stationarity against the alternative of a unit root; How sure are we that economic time series have a unit root?, *Journal of Econometrics*, 54(1-3), 159-178
- Lewer, J. J., & Van den Berg, H. (2008). A Gravity Model of Immigration, *Economics Letters*, 99(1), 164-167.
- Mamun, K. A., & Nath, H. K. (2010). *Workers' migration and remittances in Bangladesh*. Working Papers No 1002. Paper provided by Department of Economics and International Business, Sam Houston State University.
- Mantra, I. B. (2000). Indonesian labour mobility to Malaysia: a case study: East Flores, West Lombok, and the Island of Bawean. In Sukamdi, A. Haris, P. Brownlee (Eds.), *Labour migration in Indonesia: Policies and practices*. Jogyakarta: Population Studies Center Gadjah Mada University.
- Markusen, J. R. (1983). Factor movements and commodity trade as complements. *Journal of International Economics*, 14, 341-356.
- Martin, P. L. (2009). *Migration in the Asia-Pacific region: Trends, factors, impacts*. Human Development Reports Research Paper No. 32. United Nations Development Programme.
- Massey, D. S., Arango, J., Hugo, G., Kouaouci, A., Pellegrino, A., & Taylor, J.E. (1993). Theories of international migration: A review and appraisal. *Population and Development Review*, 19(3), 431-466.
- Mayda, A. M. (2009) International migration: A panel data analysis of the determinants of bilateral flows. *Journal Population Economic*, 23(4), 1249-1274.
- Mei, L. (2006). *Indonesian labor migrants in Malaysia: A study from China*. Working Paper No. 11. Kuala Lumpur: Institute of China Studies (ICS), Universiti Malaya.
- Melkumian, A, V. (2004). *A gravity model of legal migration to the United States*. Working Paper. Illinois: Western Illinois University.
- Meschi, E., Taymaz, E., & Vivarelli, M. (2008). *Trade openness and the demand for skills: Evidence from Turkish microdata*. Institute for the Study of Labor-Forschungsinstitut zur Zukunft der Arbeit (IZA) Discussion Paper series No. 3887.
- Michael, C., & Stelios, R. (2012). *Immigration, unemployment and growth: Empirical evidence from Greece*. Munich Personal RePEc Archive (MPRA) Paper No. 39927.
- Migration News. (2010, April). *Southeast Asia*, 17 (2). Didapatkan semula daripada http://migration.ucdavis.edu/mn/more.php?id=3600_0_3_0.

- Ministry of Home Affairs (MOHA). (2013). *Foreign workers management division*. Didapatkan semula daripada <http://www.moha.gov.my/index.php/en/bahagian-pa-maklumat-perkhidmatan>. Diakses pada 10 April 2013.
- Morley, B. (2006). Causality between economic growth and immigration: An ARDL bounds testing approach. *Economics Letters*, 90, 72–76.
- Mundell, R. A. (1957). International trade and factor mobility. *The American Economic Review*, 47 (3), 321-335.
- Narayan, P. K., and Smyth, R. (2003). The determinants of immigration from Fiji to New Zealand: An empirical reassessment using the bounds testing approach. *International Migration*, 41(5), 33-60.
- Nasution, M. A. (2000). International migration in South East-Asia: A case study of Indonesian migrant workers in the Malaysian Peninsula. In Sukamdi, A. Haris, P. Brownlee (Eds.), *Labour migration in Indonesia: Policies and practices*. Jogyakarta: Population Studies Center Gadjah Mada University.
- National Statistics Office (NSO). (2013). *Foreign trade*. Didapatkan semula daripada <http://www.census.gov.ph/business/foreign-trade>. Diakses pada 1 April 2013.
- Oberg, S. (1995). *Theories on interregional migration: An overview*. Working Paper No 95-47, International Institute for Applied Systems Analysis (IIASA).
- Odhiambo, N. M. (2010). *Stock Market Development and Economic Growth in South Africa: An ARDL-Bounds Testing Approach*. Paper presented at the Annual American Business Research Conference, Las Vegas, Nevada, USA.
- Pertumbuhan ekonomi belum ideal serap tenaga kerja (2012, July 4). *Infobanknews*. Didapatkan semula daripada <http://www.infobanknews.com/2012/07/pertumbuhan-ekonomi-belum-ideal-serap-tenaga-kerja/>. Diakses pada 10 April 2013.
- Pesaran, M. H., Shin, Y., and Smith, R., (2001). Bounds testing approaches to the analysis of level relationships. *Journal of Applied Econometrics*, 16, 289 – 326.
- Philippine Overseas Employment Administration (POEA). (2010). *Overseas employment statistics 2010*. Didapatkan semula daripada <http://www.poea.gov.ph/stats/statistics.html>.
- Phillips, P., & Perron, P. (1988). Testing for a unit root in time series regression, *Biometrika*, 75(2), 335-56.
- Piore, M. J. (1979). *Birds of passage: Migrant labor in industrial societies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Razin, A., & Sadka, E. (1992). *International migration and international trade*. National Bureau of Economic Research (NBER) Working Papers 4230. Didapatkan semula daripada <http://ideas.repec.org/p/nbr/nberwo/4230.html>.

- Samuelson, P. A. (1948). International trade and the equalisation of factor prices, *The Economic Journal*, 58(230), 163-184.
- Schiff, M. (2006). Migration, investment and trade: Substitutes or complements?. In *Migration and Development: Mutual Benefits?. Proceedings of the 4th AFD-EUDN Conference* (pp.43-70). Research Department Agence Française de Développement
- Shenjin, Y. (2011). *The Relationship between incomes and Consumptions for China and India: An ARDL Bound Test Approach. Master Thesis*. Department Economics. Soderton University.
- Siddiqui, T. (2005). *International labour migration from Bangladesh: A decent work perspective*, Working Paper No 66, Policy Integration Department National Policy Group International Labour Office, Geneva.
- Simpson, N. B., & Sparber, C. (2010). *The short- and long-run determinants of unskilled immigration into U.S. states*, Working Papers No 06, Department of Economics, Colgate University.
- Soeprobo, T. B. (2006, February 17). *Indonesia country report: Recent trends of International migration in Indonesia*. Paper presented at the workshop on International Migration and Labour Market in Asia. Japan Institute for Labour Policy and Training. Didapatkan semula daripada http://www.jil.go.jp/english/events_and_information/0205_report.htm.
- Spring, E., & Grossmann, V. (2013). *Does bilateral trust affect international movement of goods and labour?*. Working Paper Series No. 442. Universitat Freiburg.
- Sultana, N. (2007). National identity, mode of networking and integration of Bangladeshi community in a multi-cultural society: An empirical study among the migrant Bangladeshis in Peninsular Malaysia. In *Akademika. Journal of the Social Sciences and Humanities*, 70, 77-101.
- Taylor, J.E. (2000). The Relationship between international migration, trade and development: Some paradoxes and findings. *Migration, Trade, and Development: Proceedings of a Conference*. Federal Reserve Bank of Dallas.
- Ullah, A. AKM. (2007). *Rationalizing migration: Bangladeshi migrant workers in Hong Kong and Malaysia*. Dissertation. City University of Hongkong. Didapatkan semula daripada <http://dspace.cityu.edu.hk/handle/2031/5080>.
- United National (UN). (2011). *The millennium development goals at 2010*. The United Nations Country Team, Malaysia.
- Velazquez, F. C. (2000). Approach to the study of international migration: A review. *Estudios Fronterizos*, 1(1), 137-168.
- Wahyuni, E. S. (2005). *The Impact of migration on family structure and functioning: Case study in Jawa*. Presented in IUSSP XXV International Population Conference, France.

- Widyawati, N. (2008). *Representations of migrant workers in Malaysian newspapers*. In Are we up to the challenge?: Current crises and the Asian intellectual community. The Work of the 2005/2006 API Fellows, 222. Bangkok: The Nippon Foundation.
- World Bank (2011). *Migration and remittances: Factbook (2011) second edition*. Didapatkan semula daripada <https://www.siteresources.worldbank.org/INTLAC/.../Factbook2011-Ebook.pdf>.
- Yusuf, B. M. (2008). *Occupational mobility among Indonesian immigrants with special reference to Acehnese*. Master Thesis. International Islamic University Malaysia. Didapatkan semula daripada International Islamic University Malaysia Digital Theses.